



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI SEMBILAN**  
TAHUN 2010

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI SEMBILAN



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62618 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA  
AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



## KANDUNGAN

# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	3
Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, Tampin Dan Jempol	
Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Sembilan	3
Jabatan Pertanian Negeri Sembilan	
Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran	23
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson Dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan	
Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar	37
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, Negeri Sembilan	
Program Pembasmian Kemiskinan (Program Khas)	52
Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban Dan Kuala Pilah	
Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan	70
Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Daerah Tampin Dan Unit Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	
Sistem ePBT	82
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	99
Yayasan Negeri Sembilan	
Rembau Crystal Sdn. Bhd.	99
Yayasan Negeri Sembilan	
Angkatan Seni Baru (NS) Sdn. Bhd.	110

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------	-------------------

**BAHAGIAN III - PERKARA AM**

Pendahuluan	121
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	121
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan	123
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sembilan	124
<b>PENUTUP</b>	<b>127</b>



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif matlamat yang ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 11 Jabatan, 3 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : **Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**
- Bahagian II** : **Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
- Bahagian III** : **Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Sembilan pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah tiada program penyenggaraan kuarters secara berjadual, prestasi program pembasmian kemiskinan tidak memuaskan bagi membantu menjana pendapatan, permit tidak dikeluarkan dan royalti tidak pernah dikutip bagi aktiviti pengeluaran jubin dan promosi produk kristal tidak meluas. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambahbaik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 39 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha

penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan "**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
2 Jun 2011



## **INTISARI LAPORAN**

# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. UNIT PENGURUSAN BANGUNAN DAN ASET PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN, TAMPIN DAN JEMPOL

#### - Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Sembilan

1.1. Aktiviti penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 sejumlah RM7.01 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhan pengurusan aktiviti penyenggaraan bangunan Kerajaan di Negeri Sembilan adalah kurang memuaskan kerana:

1.2.1. Peruntukan yang dimohon semakin berkurangan dalam tempoh 2008 hingga 2010 berbanding keadaan fizikal bangunan yang kelihatan usang dan terbiar.

1.2.2. Terdapat penyenggaraan pendingin udara yang dibuat secara *ad-hoc*.

1.2.3. Tiada program penyenggaraan kuarters secara berjadual telah mengakibatkan kerosakan unit kuarters dan dianggarkan RM1.16 juta diperlukan bagi membaiki kerosakan kuarters di Seremban dan Tampin yang diaudit.

1.2.4. Keadaan 69 daripada 76 unit kuarters Bukit Delima yang rosak teruk secara tidak langsung menyebabkan penjawat awam tidak berminat untuk memohon mendudukinya.

1.2.5. Lawatan Audit mendapati keadaan fizikal dan persekitaran bangunan yang tidak disenggara boleh menjelaskan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pengguna.

1.3. Bagi memastikan penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan semua Pejabat Daerah dan Tanah melaksanakan perkara berikut:

1.3.1. Bajet tahunan yang dimohon hendaklah meliputi butiran semua kerja penyenggaraan.

1.3.2. Memastikan semua jenis kerja penyenggaraan sama ada secara pencegahan atau pembaikan dirancang perolehannya untuk mengelakkan kerosakan tidak dibaiki kerana tiada peruntukan.

1.3.3. Mengambil tindakan segera untuk memperbaiki kerosakan/kecacatan yang berlaku di pejabat yang terlibat bagi memastikan keselamatan kakitangan terjamin dan pejabat berada dalam keadaan selesa dan kondusif.

1.3.4. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bagi pihak Kerajaan Negeri perlu memastikan semua bangunan milik Kerajaan Negeri didaftarkan dalam Daftar Aset Tak Alih bagi membantu mengenal pasti kos penyenggaraan yang diperlukan setiap tahun secara holistik.

## **2. JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN**

### **- Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran**

2.1. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan menerima peruntukan sejumlah RM0.57 juta daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM0.70 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 untuk Program Pembangunan Industri Sayur-sayuran di Negeri Sembilan. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan membantu dalam penyediaan infrastruktur seperti pembersihan kawasan, penyediaan tanah, perparitan ladang, jalan ladang, peralatan sistem pengairan, pinjaman pam air dan bahan input pertanian. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan memberi peruntukan sejumlah RM8,000 sehektar bagi program pembangunan industri sayur-sayuran.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan program pembangunan industri sayur-sayuran oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang boleh diperbaiki kerana:

2.2.1. Sasaran Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk meningkatkan pendapatan purata pengusaha melepas RM1,500 sebulan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 masih belum tercapai.

2.2.2. Penggunaan rumah perlindungan hujan masih tidak optimum.

2.2.3. Pemantauan residu racun makhluk perosak kurang diberi penekanan di peringkat negeri bagi tempoh 2008 hingga 2010.

2.3. Bagi memastikan pengurusan program pembangunan industri sayur-sayuran dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan adalah disyorkan supaya Jabatan Pertanian Negeri Sembilan memberi perhatian terhadap perkara berikut:

2.3.1. Membuat penyeliaan dan pemantauan bagi mengenal pasti punca sesuatu projek gagal bagi membantu pengusaha mencapai pendapatan purata RM1,500 sebulan kerana ia merupakan KRI (*Key Result Indicator*) Jabatan Pertanian Negeri Sembilan.

2.3.2. Memastikan pengurusan pinjaman peralatan pertanian khususnya rumah perlindungan hujan adalah teratur dan mengambil semula peralatan tersebut sekiranya tidak digunakan.

2.3.3. Mengkaji semula sistem pengagihan bantuan seajar dengan perancangan dan kemajuan projek pengusaha. Bantuan sepatutnya dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kemajuan projek dan peruntukan kewangan bagi mengelakkan pembaziran.

2.3.4. Memastikan penghantaran sampel racun makhluk perosak untuk dianalisis mengikut jadual yang ditetapkan dan menguatkuasakan Garis Panduan Pelanggaran Penggunaan Racun Makhluk Perosak.

**3. JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON DAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN**  
**- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar**

3.1. Negeri Sembilan mempunyai keluasan hutan paya laut yang agak kecil berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu sekitar 450 hektar sahaja yang terletak di persisiran pantai Daerah Port Dickson. Sebahagian besar kawasan hutan ini berada di kawasan tanah milik persendirian dan hanya sebahagian kecil sahaja hutan tanah Kerajaan. Tiga kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan paya laut ini terdapat di Sepang, Lukut dan Linggi di samping terdapat juga beberapa kelompok kecil yang lain di mana tumbuhan ini agak terbatas dan terpisah.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pengurusan hutan paya laut dan kepentingannya kepada alam sekitar di Negeri Sembilan adalah memuaskan kerana wujud usaha penanaman semula dan mendapat kerjasama Kerajaan Negeri, Badan-badan bukan Kerajaan dan penduduk tempatan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang boleh ditambah baik kerana:

3.2.1. Didapati tiada Dasar Kerajaan Negeri, Undang-undang, Peraturan dan Garis Panduan Khusus Terhadap Pengurusan Hutan Paya Laut.

3.2.2. Tiada lagi Hutan Paya Laut bertaraf Hutan Simpan Kekal semenjak kali terakhir dikeluarkan pada tahun 2004. Penggantian semula sejumlah 101.93 hektar di Mukim Jimah masih dalam status semakan Penasihat Undang-undang Negeri.

3.2.3. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan sukar mengawal kesan aktiviti manusia terhadap hutan paya laut kerana telah diberi milik.

3.3. Kerajaan Negeri perlu mengambil inisiatif untuk melindungi hutan persisiran pantai yang masih ada di Negeri Sembilan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Pihak Berkuasa Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu memastikan semua hutan persisiran rizab pantai dan sungai di Negeri Sembilan dilindungi daripada sebarang aktiviti yang boleh mengancam ekosistem pantai, flora dan fauna serta kestabilan alam sekitar di samping mengekalkan keindahan hutan ini sebagai daya tarikan pelancong dan warisan generasi akan datang.

3.3.2. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu mengenal pasti mana-mana kawasan berhutan tanah Kerajaan yang lain untuk menggantikan semula Hutan Simpan Kekal yang telah dibatalkan. Ia selaras dengan Seksyen 12, Akta Perhutanan Negara 1984 yang

menghendaki Pihak Berkuasa Negeri mengganti kawasan tanah yang dikeluarkan, satu kawasan yang lebih kurang sama luasnya sebagai Hutan Simpan Kekal.

3.3.3. Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir oleh Kerajaan Negeri perlu mengambil kira prosedur yang sesuai agar tidak menjelaskan hutan paya laut dan hidupan akuatik di sepanjang sungai.

3.3.4. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu mengenal pasti cara penanaman anak pokok bakau yang lebih berkesan bagi memastikan anak pokok dapat bertahan dari pukulan ombak.

3.3.5. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu meneruskan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat dan penduduk setempat akan kepentingan hutan ini untuk melindungi persisiran pantai.

3.3.6. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan koordinasi antara Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhilitan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang lain bagi memantau dan menyelia kawasan hutan paya laut daripada aktiviti yang dilarang.

#### **4. PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN - Program Pembasmian Kemiskinan (Program Khas)**

4.1. Program Khas ini merupakan program pembasmian kemiskinan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mengeluarkan golongan miskin daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari serta menikmati kehidupan yang lebih selesa menjelang akhir RMKe-9 iaitu membasmi kemiskinan tegar dan sasaran 2.8% kemiskinan keseluruhan. Program ini mendapat peruntukan hanya bagi tempoh 2008 hingga 2009 berjumlah RM8.34 juta dan tiada peruntukan bagi tahun 2010. Peruntukan tersebut telah disalurkan untuk 22 projek. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri berperanan menyelaras Program Khas ini sementara Pejabat Daerah Dan Tanah sebagai Agensi Pelaksana.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati pengurusan Program Khas bagi 10 projek yang dipilih dengan peruntukan RM6.67 juta secara keseluruhannya kurang memuaskan. Walaupun Kerajaan Negeri Sembilan mencapai sasaran di bawah 2.8% kadar kemiskinan pada akhir tahun 2010 namun prestasi Program Khas ini dilihat kurang menyumbang bagi membantu pembasmian kemiskinan kerana kelemahan seperti berikut:

4.2.1. Prestasi 7 daripada 10 projek tidak memuaskan bagi membantu menjana pendapatan untuk membasmi kemiskinan.

4.2.2. MOU tidak menjaga kepentingan Kerajaan menyebabkan 2 pengusaha hanya bekerjasama dalam tempoh singkat yang menguntungkan mereka.

4.2.3. Sementara 4 daripada 7 (57%) projek yang diberi kepada pengusaha tidak dapat menjana dividen yang konsisten dan dividen terlalu rendah.

4.3. Bagi memastikan Program Khas ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya projek berjaya dan dapat membantu membasi kemiskinan adalah disyorkan pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan Agensi Pelaksana memberi pertimbangan terhadap perkara berikut sekiranya projek ini masih diteruskan:

4.3.1. Sekiranya projek ini ingin diteruskan, Agensi Pelaksana perlu menyediakan surat perjanjian dan bukan MOU dengan terma yang lengkap bagi memastikan tindakan dapat diambil ke atas pengusaha sekiranya melanggar syarat perjanjian dan menjaga kepentingan Kerajaan.

4.3.2. Kaedah pelaksanaan projek melalui pengusaha perlu ditetapkan cara pengurusannya agar tidak merugikan Kerajaan apabila pengusaha menarik diri, gagal membayar dividen atau gagal menepati tempoh perjanjian.

4.3.3. Panduan atau dasar pemilihan pengusaha hendaklah disediakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri bagi memastikan pemilihan pengusaha yang berkelayakan dan komited.

4.3.4. Prestasi pengagihan dividen oleh pengusaha perlu dipantau oleh Agensi Pelaksana dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri bagi memastikan program ini menguntungkan semua pihak yang terlibat dan dividen diagihkan secara berkala kepada peserta.

## **5. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN DAN KUALA PILAH - Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan**

5.1. Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan 2002, mana-mana individu atau syarikat boleh memohon permit untuk tujuan pengeluaran bahan batuan. Secara keseluruhannya, Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan telah mengutip royalti bahan batuan sejumlah RM47.22 juta bagi tahun 2007 hingga 2010.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2010 di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Kuala Pilah mendapati secara keseluruhannya pengurusan dan pengeluaran bahan batuan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah:

5.2.1. Kesilapan mencatat kuantiti dan kesilapan pengiraan royalti di borang permit 4C Kanun Tanah Negara 1965 di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban kerana cuma seorang kakitangan yang menguruskan pengurusan permit.

5.2.2. Pengurusan buku doket yang tidak seragam di antara Pejabat Daerah dan Tanah telah memberi ruang disalahgunakan oleh pemegang permit.

5.2.3. Permit tidak pernah dikeluarkan dan royalti tidak pernah dikutip bagi aktiviti pengeluaran jubin.

5.2.4. Kelulusan permit hanya dimaklumkan melalui telefon bertujuan mempercepatkan proses pengeluaran permit dan tiada surat kelulusan permohonan permit dikeluarkan.

5.2.5. Penyata Pengeluaran Bulanan tidak diserahkan oleh pemegang permit kepada Pejabat Daerah dan Tanah bagi tujuan pemantauan.

5.3. Bagi memastikan pengurusan dan pengeluaran bahan batuan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan yang ditetapkan maka adalah disyorkan tindakan diambil seperti berikut:

5.3.1. Pengurusan pengeluaran permit dan pengiraan royalti perlu dipantau di peringkat pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah bagi mengelakkan kesilapan kiraan royalti yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan.

5.3.2. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan perlu menyeragamkan peraturan penggunaan doket bagi menutup peluang penipuan yang boleh dilakukan oleh pengusaha.

5.3.3. Semua Pejabat Daerah Dan Tanah perlu memastikan penyata pengeluaran bahan batuan dihantar oleh pemegang permit kepada Pejabat Daerah Dan Tanah setiap bulan bagi memastikan pengeluaran tidak melebihi kuantiti yang dibenarkan.

5.3.4. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan perlu menyemak semula Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan Tahun 2002, bagi memastikan mana-mana bahan batuan yang boleh dikenakan permit dikutip royaltinya oleh Pejabat Daerah Dan Tanah.

5.3.5. Bagi memudahkan penguatkuasaan aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa permit, Pejabat Daerah Dan Tanah yang bersempadan dengan Melaka dan Selangor boleh bekerjasama dengan Pejabat Daerah Dan Tanah di negeri berkaitan.

**6. MAJLIS PERBANDARAN NILAI, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON,  
MAJLIS DAERAH TAMPIN DAN UNIT KERAJAAN TEMPATAN PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**  
- Sistem ePBT

6.1. Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah membantu pelaksanaan Sistem ePBT di mana melibatkan 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan. Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Jelebu telah menerima Sistem ePBT melalui Projek Perintis yang sepatutnya siap pada Januari 2007. Manakala Majlis Daerah Rembau, Majlis Daerah Jempol, Majlis Daerah Kuala Pilah dan Majlis Daerah Tampin telah menerima ePBT melalui Projek Peluasan Fasa 1 yang sepatutnya siap pada Oktober 2008 tetapi telah dilanjutkan sehingga Mac 2010.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan terutama dalam pengurusan kontrak dan kawalan pelaksanaan. Selain

itu, terdapat masalah semasa penggunaan sistem yang belum diselesaikan menyebabkan kelancaran Sistem ePBT terganggu. Pengurusan keselamatan terhadap sistem juga kurang memuaskan.

6.3. Bagi memastikan pembangunan ePBT dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektifnya adalah disyorkan supaya semua pihak yang terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan Sistem ePBT memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

6.3.1. Pihak Jabatan Kerajaan Tempatan perlu memastikan salinan kontrak atau senarai skop kerja diserahkan kepada PBT untuk mengelakkan kesukaran PBT melaksanakan pemantauan. Syor ini boleh dimaklumkan oleh Unit Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan bagi memastikan masalah ini tidak akan berulang untuk Projek ePBT Fasa 2.

6.3.2. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan pembekal menyerahkan semua dokumentasi sistem yang lengkap kepada PBT.

6.3.3. Pihak PBT perlu melaporkan masalah yang dibangkitkan oleh pengguna mengenai sistem kepada pembekal dan Unit Kerajaan Tempatan bagi memastikan kelancaran sistem.

6.3.4. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan pembekal menyediakan format penyata kewangan mengikut kesesuaian setiap PBT dan syor ini perlu dimaklumkan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan untuk projek ePBT Fasa 2 agar objektif sistem ini dapat dicapai.

6.3.5. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu mengeluarkan satu garis panduan bagi mengawal Sistem ID Pelanggan untuk mengelakkan pelanggan mempunyai lebih daripada satu ID.

6.3.6. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan *Standard Operating Procedure* untuk pelaksanaan *backup* dibekalkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT agar pelaksanaan *backup* dapat dijalankan secara teratur dan mencapai objektif.

6.3.7. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memaklumkan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan tentang keperluan jejak audit dalam Sistem ePBT untuk penambahbaikan sistem.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **7. YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

#### **- Rembau Crystal Sdn. Bhd.**

7.1. Rembau Crystal Sdn. Bhd. (RCSB) merupakan syarikat subsidiari Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) yang telah ditubuhkan pada 6 Jun 2007. Modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.99 juta. Yayasan memegang 96% saham berjumlah RM952,870. Objektif penubuhan RCSB sebagaimana Memorandum & Artikel Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan membeli, menjual, mengagihkan dan sebagai agen cenderamata, kraftangan dan lain-lain yang berkaitan. Kegiatan utama RCSB adalah untuk mengkomersialkan produk kristal dengan mempelbagaikan pengeluaran berasaskan produk tersebut.

7.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pengurusan Rembau Crystal Sdn. Bhd. secara keseluruhannya adalah baik. Kecuali beberapa penemuan berikut:

7.2.1. Promosi produk kristal yang tidak meluas dan kurangnya usaha pengindahan di sekitar kawasan Perkampungan Kristal.

7.2.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan.

7.2.3. Rancangan strategi jangka panjang tidak disediakan.

7.2.4. Pembayaran bonus kepada kakitangan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

7.2.5. Tiada pembayaran dividen kepada Yayasan Negeri Sembilan.

7.3. Bagi memastikan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan RCSB maka adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

7.3.1. Strategi pemasaran haruslah diperluaskan lagi dan tidak tertumpu hanya di kawasan Negeri Sembilan sahaja. RCSB perlu mewujudkan laman sesawang sendiri bagi tujuan promosi.

7.3.2. Melaksanakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 3 bulan sekali selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

7.3.3. Menyediakan perancangan strategi jangka panjang supaya hala tuju lebih jelas dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Oleh itu, prestasi RCSB dapat dipantau bagi tujuan penambahbaikan agar selaras dengan matlamat Yayasan dan Kerajaan Negeri Sembilan.

7.3.4. Pemberian bonus tahunan hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Pekeliling Bil.10 Tahun 1993.

7.3.5. Tindakan RCSB untuk tidak mengeluarkan dividen bagi sesuatu tahun kewangan sepatutnya dikemukakan oleh Yayasan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

selaku Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 1993.

## **8. YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

### **- Angkatan Seni Baru (NS) Sdn. Bhd.**

8.1. Angkatan Seni Baru (NS) Sdn. Bhd. (ASB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 Mac 1992. Modal yang dibenarkan sejumlah RM0.5 juta manakala modal berbayar sejumlah RM0.45 juta. ASB merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan). Objektif penubuhan ASB adalah untuk mengekalkan dan mempertahankan keaslian tradisi kebudayaan Negeri Sembilan untuk generasi akan datang serta memperkenalkan budaya dan kesenian tradisional Negeri Sembilan kepada masyarakat dalam dan luar negara. ASB telah memulakan aktiviti persembahan seni kebudayaan sejak ditubuhkan pada tahun 1992 atas permintaan pihak Kerajaan Negeri, badan-badan korporat dan swasta, Jabatan Kerajaan dan orang perseorangan.

8.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2010 mendapati pengurusan aktiviti utama ASB adalah baik kecuali beberapa penemuan seperti berikut:

- 8.2.1. Kelewatan pelanggan menjelaskan bayaran persembahan.
- 8.2.2. Nama pegawai digunakan atas cek agihan tunai.
- 8.2.3. Kekerapan minima Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak dipatuhi.
- 8.2.4. Perolehan tidak melalui Jawatankuasa Sebut Harga serta Lembaga Tender.

8.3. Bagi memastikan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan maka adalah disyorkan ASB mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.3.1. Memastikan bil yang dikeluarkan menyatakan jangka masa bayaran perlu dijelaskan dan secara konsisten menghubungi pelanggan terbabit supaya menjelaskan bayaran tertunggak.
- 8.3.2. Menyediakan peraturan kawalan dalaman berkaitan dengan bayaran secara tunai untuk sesuatu acara. Cek boleh dikeluarkan di atas nama jawatan untuk ditunaikan, dibahagi-bahagikan dan baki hendaklah dimasukkan ke bank serta merta selaras dengan Arahan Perbendaharaan 96.
- 8.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali selaras dengan arahan Surat Pekeliling Am Bil. 3 1998.
- 8.3.4. Penubuhan Jawatankuasa Sebutharga dan Lembaga Tender hendaklah disegerakan bagi memastikan setiap pembelian barang dan perkhidmatan mengikut prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh ASB.



## **BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**



# BAHAGIAN I

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, 6 aktiviti telah dikaji iaitu Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Sembilan, Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran, Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Program Pembasmian Kemiskinan (Program Khas), Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan dan Sistem ePBT. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agenzi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **UNIT PENGURUSAN BANGUNAN DAN ASET PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN, TAMPIN DAN JEMPOL**

### 2. PENGURUSAN PENYENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Bangunan milik Kerajaan Negeri seperti kuarters dan pejabat perlu disenggarakan dari semasa ke semasa bagi memastikan bangunan tersebut selamat dan selesa diduduki. Pengurusan penyenggaraan yang cekap dan berkesan akan bermanfaat kepada Kerajaan Negeri dalam pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan, penjimatan perbelanjaan dan kos penggantian jangka panjang serta pewujudan suasana kerja yang selesa. Komponen bagi tujuan penyenggaraan dalam sebuah bangunan adalah struktur, mekanikal, elektrik dan persekitarannya. Penyenggaraan perlu dijalankan dengan mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan bangunan. Mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995, fungsi penyenggaraan dibahagikan kepada 2 jenis iaitu Penyenggaraan Pemulihan dan Penyenggaraan Pencegahan. Kedua-dua konsep ini adalah penting untuk menentukan pencapaian matlamat penyenggaraan. Tumpuan perlu diberi kepada penyenggaraan pencegahan supaya dapat mengurangkan berlakunya kerosakan. Kerja penyenggaraan dalam sebuah bangunan perlu dilakukan untuk keselamatan dan keselesaan kakitangan dan orang awam yang berkunjung ke bangunan tersebut. Aktiviti penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan. Peruntukan dan perbelanjaan di bawah Vot B09 bagi penyenggaraan bangunan milik Kerajaan di Negeri Sembilan untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2008	2.99	2.62	87.6
2009	2.30	2.26	98.3
2010	2.40	2.13	88.8
<b>Jumlah</b>	<b>7.69</b>	<b>7.01</b>	<b>91.6</b>

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan bangunan Kerajaan di Negeri Sembilan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan aktiviti penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri iaitu kompleks pejabat, kuarters dan rumah peranginan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Seremban, Tampin, dan Jempol. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan fail, rekod dan laporan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke bangunan Kerajaan juga dilakukan.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhan pengurusan penyenggaraan bangunan Kerajaan di Negeri Sembilan adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti ialah peruntukan yang dimohon semakin berkurangan dalam tempoh 2008 hingga 2010 berbanding keadaan fizikal bangunan yang kelihatan usang dan terbiar. Terdapat penyenggaraan pendingin udara yang dibuat secara *ad-hoc*. Tiada program penyenggaraan kuarters secara berjadual telah mengakibatkan kerosakan unit kuarters dan dianggarkan RM1.16 juta diperlukan bagi membaiki kerosakan kuarters di Seremban dan Tampin yang diaudit. Keadaan 69 daripada 76 unit kuarters Bukit Delima yang rosak teruk secara tidak langsung menyebabkan penjawat awam tidak berminat untuk memohon mendudukinya. Lawatan Audit mendapati keadaan fizikal dan persekitaran bangunan yang tidak disenggara boleh menjaskannya keselamatan, kesihatan dan keselesaan pengguna. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 2.4.1. Peruntukan Kewangan Semakin Berkurangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi hendaklah disediakan bagi membiayai kos penyenggaraan bangunan Kerajaan. Mengikut perenggan 25 (a) Perintah Am Bab E, adalah

menjadi tanggungjawab seorang Ketua Jabatan yang mendiami sesbuah bangunan Kerajaan untuk mengadakan penyeliaan yang baik bagi bangunan tersebut.

2.4.1.1. Semakan Audit terhadap Waran Peruntukan Belanjawan Tahunan di bawah Vot B09 untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, Tampin, dan Jempol mendapat berlaku pengurangan peruntukan. Ini disebabkan jumlah peruntukan yang dimohon untuk tempoh tahun 2008 sehingga 2010 semakin berkurangan dan justifikasi permohonan peruntukan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin dan Jempol untuk penyenggaraan kurang jelas. Peruntukan penyenggaraan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Peruntukan Penyenggaraan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

<b>Tahun</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jabatan</b>		
		<b>Pejabat SUKNS (RM Juta)</b>	<b>PDT Seremban (RM Juta)</b>	<b>PDT Tampin (RM Juta)</b>
2008	Dimohon	2.20	0.16	0.14
	Diterima	2.20	0.15	0.14
	Dibelanja	1.86	0.14	0.14
2009	Dimohon	1.77	0.15	0.06
	Diterima	1.77	0.12	0.06
	Dibelanja	1.75	0.12	0.06
2010	Dimohon	2.00	0.12	0.06
	Diterima	1.75	0.07	0.04
	Dibelanja	1.75	0.07	0.04

Sumber: Pejabat SUKNS, PDT Seremban, Tampin Dan Jempol

2.4.1.2. Semakan lanjut Audit mendapat sehingga akhir bulan Disember 2010, Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan masih dalam proses menyenaraikan semua bangunan milik Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Sembilan ke Daftar Aset Tak Alih. Oleh kerana bangunan Kerajaan Negeri belum didaftarkan sepenuhnya maka sukar mengenal pasti kos penyenggaraan yang diperlukan setiap tahun secara holistik. Akibatnya, kerja penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan menyebabkan keadaan fizikal bangunan kelihatan usang dan terbiar seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.8**. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin memaklumkan bahawa wujud pengurangan peruntukan kerana penetapan had peruntukan yang dibenarkan setiap tahun oleh Pejabat Kewangan Negeri. Namun demikian, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dapat menampung kekurangan peruntukan dengan menggunakan Wang Amanah Projek Kompleks Pentadbiran Daerah Seremban bagi tujuan penyenggaraan merangkumi aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan bangunan.

**Gambar 2.1**  
**Dinding Luar Bangunan Pejabat Kelihatan Pudar Dan Bertompok Hitam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol  
Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 2.3**  
**Dinding Luar Bangunan Kuarters Bertompok Hitam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.2**  
**Siling Berkulat Di Unit Tanah, PDT Tampin**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Pentadbiran Daerah Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.4**  
**Dinding Luar Bangunan Kuarters Masih Bertompok Hitam (Masih Dalam Tindakan)**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 13 April 2011

**Gambar 2.5**  
**Siling Bumbung Kuarters Rosak**  
**Sebelum**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Apartmen, Kuarters Jalan Kilat, Seremban  
Tarikh: 8 Oktober 2010

**Gambar 2.6**  
**Siling Bumbung Kuarters Telah Dibaiki**  
**Selepas**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Apartmen, Kuarters Jalan Kilat, Seremban  
Tarikh: 13 April 2011

**Gambar 2.7**  
**Keadaan Kuarters Usang Dan Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teres Setingkat, Kuarters Taman Suria,  
Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.8**  
**Dapur Kuarters Berlumut Dan Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teres Setingkat, Kuarters Taman Suria,  
Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan dan justifikasi permohonan peruntukan tidak lengkap bagi menyokong jumlah yang dimohon.**

#### **2.4.2. Perancangan Penyenggaraan Tidak Menyeluruh**

Merujuk kepada Perenggan 5(b) Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 bahawa penyenggaraan pencegahan hendaklah dilaksanakan secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Tujuan utama adalah untuk mengurangkan kerosakan sumber fizikal supaya aset dapat beroperasi secara cekap dan berterusan. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin, masing-masing mempunyai 94 dan 45 unit pendingin udara. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin memaklumkan penyenggaraan dibuat secara *ad hoc* apabila terdapat kerosakan kepada alat pendingin udara. Kesan

dari pada penyenggaraan tanpa perancangan yang berjadual boleh mengakibatkan penurunan jangka hayat aset Kerajaan. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban memaklumkan bahawa Jabatan sedang membuat kajian sama ada penyenggaraan berjadual lebih berfaedah atau sebaliknya berbanding penyenggaraan ketika rosak. Sementara Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin memaklumkan bahawa penyenggaraan penghawa dingin berjadual sukar dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan dan keadaan bangunan yang sedia usang. Senarai penyenggaraan pendingin udara yang dibuat secara *ad hoc* di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Penyenggaraan Pendingin Udara Secara *Ad Hoc* Untuk**  
**Tempoh Tahun 2009 Hingga 2010**

Bil.	Lokasi	Kos (RM)	Tarikh
1.	Kompleks Pentadbiran Daerah Seremban	1,468 2,615 3,180 2,420	10.9.2009 20.4.2009 5.11.2009 12.4.2010
	<b>Jumlah</b>	<b>9,863</b>	
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin	820 1,500 1,310 480 280 200 2,550 280 2,765 150	22.1.2009 23.3.2009 6.4.2009 8.4.2009 4.5.2009 27.5.2009 8.6.2009 19.8.2009 5.4.2010 11.6.2010
	<b>Jumlah</b>	<b>10,335</b>	

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin

Pada pendapat Audit, perancangan penyenggaraan di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Tampin adalah kurang memuaskan kerana tidak semua kerja penyenggaraan dijadualkan.

#### **2.4.3. Penyenggaraan Kuarters Tidak Dirancang Secara Berjadual**

Merujuk kepada Perenggan 7 Surat Pekeling Am Bil. 2 Tahun 1995 menyatakan setiap Jabatan hendaklah melaksanakan Sistem Penyenggaraan Yang Dirancang untuk memastikan bahawa wujudnya satu kaedah yang sistematik bagi memupuk budaya penyenggaraan di peringkat Jabatan. Sistem Penyenggaraan Yang Dirancang yang dilaksanakan secara berkesan akan memastikan penyenggaraan setiap aset Kerajaan diambil tindakan sewajarnya.

2.4.3.1. Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah melantik 9 kontraktor untuk pelbagai kerja penyenggaraan di Wisma Negeri, Dewan Undangan Negeri, Kediaman Menteri Besar dan Rumah Peranginan Kerajaan Negeri untuk tempoh tahun 2008 sehingga 2011. Bagaimanapun, tiada kontrak dikeluarkan untuk

kerja pembersihan, pembaikan dan kawalan serangga perosak terhadap kuarters Kerajaan di bawah tanggungjawab Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Semakan lanjut di Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin dan Jempol juga mendapati tiada pelantikan kontraktor untuk kerja penyenggaraan kuarters Kerajaan dibuat.


#### 2.4.3.2. Kuarters Di Daerah Seremban

Semakan Audit ke atas rekod kuarters Kerajaan di Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan bilangan kuarters milik Kerajaan Negeri di Daerah Seremban adalah sebanyak 118 unit. Daripada jumlah tersebut 38 unit telah diisi manakala 80 unit masih kosong.

##### a. Kuarters Jalan Kilat

Lawatan Audit pada 8 Oktober 2010 mendapati keadaan 2 daripada 12 unit kuarters apartmen telah rosak tanpa pembaikan. Siling kuarters hampir roboh dan pintu masuk telah tercabut seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.11**. Selepas teguran Audit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan memaklumkan bahawa siling yang bocor di Kuarters Jalan Kilat telah dibaiki dan pintu bilik yang tercabut telah diganti pada 30 Mac 2011.

**Gambar 2.9**  
**Siling Hampir Roboh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Jalan Kilat, Seremban  
Tarikh: 8 Oktober 2010

**Gambar 2.10**  
**Siling Telah Dibaiki**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Jalan Kilat, Seremban  
Tarikh: 30 Mac 2011

**Gambar 2.11**  
**Pintu Bilik Tercabut**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Jalan Kilat, Seremban  
Tarikh: 8 Oktober 2010*

**b. Apartmen Blok B Bukit Delima**


Lawatan Audit pada 25 November 2010 mendapati hanya 7 daripada 76 unit kuarters yang berpenghuni. Manakala 69 unit yang kosong telah rosak teruk, kotor dan banyak sampah ditinggalkan oleh penghuni yang telah berpindah. Keadaan ini adalah disebabkan tiada kerja penyenggaraan berjadual dilaksanakan di mana pemberaan hanya dilakukan apabila terdapat kakitangan awam yang akan menduduki unit kediaman tersebut akibatnya wayar dan kotak fius elektrik telah dicuri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan memaklumkan bahawa kerja pembersihan kuarters adalah tanggungjawab penyewa. Namun begitu, pembersihan untuk kuarters pegawai kanan dan kuarters yang didiami secara berkelompok selain kuarters di Bukit Delima dilaksanakan oleh kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Manakala kerja pemberaan dan kawalan serangga perosak dilaksanakan berdasarkan aduan penyewa. Selepas teguran Audit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan kerja pembersihan di laluan dalam bangunan dan memasang jeriji besi di setiap aras yang tidak berpenghuni. Keadaan kuarters sebelum dan selepas teguran Audit adalah seperti di **Gambar 2.12** hingga **Gambar 2.27**.

**Gambar 2.12**  
**Ruang Kosong Antara Unit Kediaman Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.14**  
**Laluan Dalam Bangunan Berkeadaan Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.13**  
**Ruang Kosong Antara Unit Kediaman Telah Dibersihkan**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 30 Mac 2011

**Gambar 2.15**  
**Laluan Dalam Bangunan Telah Dibersihkan**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 30 Mac 2011

**Gambar 2.16**  
**Sampah Ditinggalkan Di Unit Tidak Berpenghuni**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok B, Kuarters Kakitangan Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.18**  
**Sampah Ditinggalkan Di Unit Tidak Berpenghuni**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok B, Kuarters Kakitangan Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.17**  
**Sampah Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok B, Kuarters Kakitangan Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 31 Mac 2011

**Gambar 2.19**  
**Sampah Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok B, Kuarters Kakitangan Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 31 Mac 2011

**Gambar 2.20**  
**Siling Pecah Dan Bumbung Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima,  
Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.21**  
**Siling Pecah Dan Bumbung Rosak Masih Belum Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima,  
Seremban  
Tarikh: 31 Mac 2011

**Gambar 2.22**  
**Siling Pecah Dan Dinding Berlumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima,  
Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.23**  
**Siling Pecah Dan Dinding Berlumut Telah Dibaiki**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima,  
Seremban  
Tarikh: 13 April 2011

**Gambar 2.24**  
**Talian Wayar Telah Ditanggalkan Di Laluan Dalam Bangunan**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.25**  
**Talian Wayar Telah Dibaiki**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 13 April 2011

**Gambar 2.26**  
**Fius Elektrik Di Unit Tidak Dihuni Telah Hilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.27**  
**Fius Elektrik Telah Dibaiki**



Sumber: Pejabat SUKNS  
Lokasi: Kuarters Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban  
Tarikh: 13 April 2011

#### 2.4.3.3. Kuarters Di Daerah Tampin

Semakan Audit mendapati bilangan kuarters milik Kerajaan Negeri di Daerah Tampin adalah sebanyak 50 unit yang terdiri dari jenis rumah teres satu tingkat, rumah berkembar setingkat, rumah satu tingkat berlot, dan rumah 2 tingkat berlot. Daripada jumlah itu 32 unit didiami manakala 18 unit masih kosong. Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin memaklumkan bahawa penyenggaraan berjadual tidak dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan dan tiada kakitangan khas yang menjalankan kerja penyenggaraan.

### a. Kuarters Batu 1, Jalan Seremban

Lawatan Audit pada 14 Oktober 2010 mendapati 2 daripada 6 kuarters adalah unit kosong yang kelihatan usang dan terbiar, tingkap didapati pecah dan persekitaran yang tidak dijaga di mana bahagian belakang kuarters ditumbuh semak samun serta longkang didapati tersumbat dan pecah seperti di **Gambar 2.28** hingga **Gambar 2.31**.

**Gambar 2.28**  
Kuarters Kelihatan Usang Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Bt. 1, Jalan Seremban, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.29**  
Cermin Tingkap Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Bt. 1 Jalan Seremban, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.30**  
Semak Samun Di Belakang Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Bt. 1, Jalan Seremban, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.31**  
Longkang Tersumbat Dan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Bt. 1, Jalan Seremban, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

### b. Kuarters Taman Suria

Lawatan Audit pada 14 Oktober 2010 mendapati 13 daripada 38 unit kuarters adalah unit kosong, kotor, terbiar dan kawasan hadapan kuarters ditumbuh rumput panjang. Pintu didapati tercabut dan sinki dapur ditanggalkan seperti di **Gambar 2.32** hingga **Gambar 2.35**.

**Gambar 2.32  
Kuarters Usang Dan Kotor**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Taman Suria, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.33  
Ruang Dapur Kotor, Pintu Dicabut Dan Sinki  
Ditanggalkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Taman Suria, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.34  
Kuarters Kelihatan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Taman Suria, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.35  
Kawasan Hadapan Kuarters Dipenuhi  
Rumput Panjang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters Taman Suria, Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

#### **2.4.3.4. Anggaran Kos Pembaikan Kuarters Yang Tidak Diduduki Dan Rosak**

Kesan daripada kerosakan tersebut Jabatan perlu memohon peruntukan yang besar untuk kerja pembaikan semua kerosakan. Anggaran kos pembaikan bagi bangunan yang terlibat seperti yang dimaklumkan oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Seremban, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin kepada pihak Audit adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Anggaran Kos Pembaikan Kuarters Yang Tidak Diduduki Dan Rosak**

Bil.	Lokasi	Bil. Unit Rosak	Anggaran Kerja	Kos (RM Juta)
1.	Flat Kakitangan di Blok B, Bukit Delima, Seremban	76 unit	RM5,950.00 seunit	0.45
			Kerja-kerja pendawaian elektrikal bangunan	0.10
			Mengganti tangki utama	0.03
			Mengecat luar bangunan	0.40
2.	Kuarters Jalan Kilat, Seremban (Apartmen)	2 blok	Membersih bangunan, membaiki bumbung dan mengecat	0.01
		1 unit	Penyenggaraan bumbung	0.01
3.	Kuarters Bt. 1, Jalan Seremban, Tampin	6 unit	Membaik pulih kerosakan, mengecat	0.02
4.	Kuarters Taman Suria, Tampin	39 unit	Membaik pulih kerosakan dan sistem pendawaian, mengecat	0.14
<b>Jumlah</b>				<b>1.16</b>

Sumber: JKR Seremban, Pejabat SUKNS dan PDT Tampin

Pada pendapat Audit, kegagalan Jabatan menyediakan program penyenggaraan kuarters secara berjadual telah mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri kerana perlu mengeluarkan peruntukan yang lebih besar untuk membaik pulih bangunan yang rosak.

#### 2.4.4. Analisis Permohonan Kuarters Bukit Delima Daerah Seremban

Semakan Audit mendapati 57 permohonan untuk menduduki kuarters di Bukit Delima diterima dari tahun 2003 hingga 2007, manakala tiada permohonan untuk tahun 2008 sehingga 2010. Semua permohonan ini adalah untuk menduduki unit kediaman di aras bawah sehingga aras 2 sahaja. Manakala tiada permohonan untuk mendiami unit di aras 3 sehingga 5 bangunan tersebut. Bagaimanapun, semakan hanya dapat dilakukan terhadap 17 permohonan yang berjaya menduduki kuarters yang mempunyai rekod lengkap tentang kemasukan dan pengosongan kuarters. Rekod menduduki bagi permohonan yang telah diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.5**. Daripada 17 pemohon yang pernah menduduki kuarters tersebut dan telah keluar adalah di atas sebab-sebab seperti keadaan kuarters kurang memuaskan, sebab-sebab peribadi dan juga bertukar ke kuarters lain seperti di **Jadual 2.6**. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Januari 2011 mencadangkan satu kertas kerja dibuat untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi memastikan kuarters di Bukit Delima diurus dengan lebih teratur. Antara cadangan lain adalah menyewakan kuarters kepada pihak ketiga sebagai langkah memaksimumkan penyewaan kuarters.

**Jadual 2.5**  
**Tempoh Pemohon Pernah Menduduki**  
**Kuarters Bukit Delima**

Bil.	Tempoh Menduduki	Bil. Pemohon
1.	Kurang 1 bulan	1
2.	1-12 bulan	4
3.	1-2 tahun	5
4.	2-3 tahun	4
5.	3-4 tahun	1
6.	4-5 tahun	1
7.	Lebih 5 tahun	1
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>

Sumber: Unit Pengurusan Aset Dan Bangunan Pejabat SUKNS

**Jadual 2.6**  
**Sebab Pemohon Keluar Daripada Kuarters**

Bil.	Sebab Keluar Daripada Kuarters	Bil. Pemohon
1.	Kurang memuaskan	3
2.	Sebab Peribadi	11
3.	Tukar Kuarters lain	3
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>

Sumber: Unit Pengurusan Aset Dan Bangunan Pejabat SUKNS

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan, permohonan untuk menduduki kuarters Bukit Delima adalah sedikit dan tiada permohonan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Keadaan 69 daripada 76 unit kuarters yang rosak teruk secara tidak langsung menyebabkan penjawat awam tidak berminat untuk memohon mendudukinya.


#### **2.4.5. Keselamatan Dan Keselesaan Pengguna Terjejas**

Pihak Audit telah melawat bangunan Wisma Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol, Tampin dan Seremban untuk mengenal pasti tahap keselamatan dan keselesaan bangunan kepada pengguna. Lawatan Audit ke lokasi tersebut mendapati keadaan bangunan seperti di **Jadual 2.7** hingga **Jadual 2.9** dan **Gambar 2.36** hingga **Gambar 2.39**.

**Jadual 2.7**  
**Keadaan Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol Yang Memerlukan Penyenggaraan Segera**

Keadaan	Akibat/Kesan	Maklum Balas Auditi
Kerosakan dan siling terbuka di bilik belakang tingkat 2 di antara tandas lelaki dan tandas perempuan. <b>(Gambar 2.36)</b>	Berbahaya kepada kakitangan yang menggunakan laluan tersebut dan air hujan akan masuk ke dalam bangunan.	Telah memohon peruntukan P59.
Cat di luar bangunan pejabat kelihatan pudar dan bertompok hitam akibat cuaca. <b>(Gambar 2.37)</b>	Bangunan tidak kelihatan cantik dan boleh mengakibatkan pandangan negatif orang luar terhadap bangunan kerajaan.	Telah memohon peruntukan P59.
Cermin pecah di tingkat 3 dan lantai kotor dan tidak dibersihkan. <b>(Gambar 2.38)</b>	Air hujan dan haiwan seperti burung dan sebagainya akan masuk ke dalam bangunan.	Belum diambil tindakan.
Longgokan barang-barang kelihatan di bilik belakang tingkat 2 di antara tandas lelaki dan tandas perempuan. <b>(Gambar 2.39)</b>	Keadaan bilik kotor dan boleh menjadi tempat pembiakan haiwan perosak seperti tikus dan lipas.	Kerja membersih sedang dilaksanakan.

**Gambar 2.36**  
**Siling Rosak Di Bilik Belakang Tingkat 2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol  
Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 2.37**  
**Dinding Kompleks Kelihatan Pudar Dan Bertompok Hitam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol  
Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 2.38**  
**Cermin Pecah Dan Lantai Kotor Di Tingkat 3**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol

Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 2.39**  
**Bahan Terbuang Di Bilik Belakang Tingkat 2**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol

Tarikh: 12 Oktober 2010

**Jadual 2.8**  
**Keadaan Kompleks Pentadbiran Daerah Tampin Yang Memerlukan Penyenggaraan Segera**

Keadaan Bangunan/ Persekutaran	Akibat/Kesan	Ulasan Audit
Talian wayar telefon dan elektrik dipasang tidak kemas. <b>(Gambar 2.40)</b>	Terdedah dan membahayakan kakitangan/orang awam yang lalu.	Belum dilaksanakan kerana tiada peruntukan.
Siling yang lembap boleh mengakibatkan pembiakan fungus yang dikenal pasti berlaku akibat kebocoran kecil sistem perpaipan. <b>(Gambar 2.41)</b>	Pembiasaan kulat akan mengakibatkan kemerosotan kualiti udara dalaman (IAQ).	Belum dilaksanakan kerana tiada peruntukan.
Kerosakan railing di tingkat 1, 2 dan susur tangga di bahagian tengah bangunan ke tingkat 2. <b>(Gambar 2.42 dan Gambar 2.43)</b>	Berbahaya kepada kakitangan dan orang awam yang menggunakan laluan tersebut.	Belum dilaksanakan kerana tiada peruntukan.

**Gambar 2.40**  
**Talian Wayar Telefon Dan Elektrik Yang Terdedah Pada Laluan Awam**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin

Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.41**  
**Siling Berkulat Di Unit Pendaftaran**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin


Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.42**  
**Kerosakan Railing Di Tingkat 1 Dan 2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 2.43**  
**Kerosakan Railing Tangga Di Bahagian Tengah Bangunan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin  
Tarikh: 14 Oktober 2010

#### **2.4.5.1. Kualiti Udara Dalaman Pejabat Kurang Memuaskan**

Lawatan Audit ke Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin pada 14 Oktober 2010 mendapati keadaan siling dan dinding berkulat. Oleh itu, pihak Audit telah meminta Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan melakukan ujian terhadap kualiti udara di Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin untuk memastikan sama ada persekitaran dalaman pejabat adalah selesa dan selamat untuk diduduki. Ujian ini berpandukan Tata Amalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. Parameter ujian adalah bahan cemar kimia seperti karbon dioksida dan karbon monoksida, keadaan fizikal seperti suhu udara, halaju udara dan kelembapan dan agen biologikal seperti bakteria dan kulat.

- a. Hasil Laporan Pemonitoran Dan Penaksiran Kualiti Udara Dalaman di Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin oleh pegawai Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan pada 23 Disember 2010 dan 6 Januari 2011 mendapati ada bukti visual bagi pertumbuhan kulat di kawasan bilik kebal, tandas lelaki di Aras 2 dan bilik Pembantu Teknik di Aras 3. Ini adalah berpunca daripada kebocoran paip dari tandas lelaki di Aras 2 dan 4. Laporan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan juga mencadangkan pembersihan atau penyingkiran pencemaran mikrob perlu dijalankan untuk meminimumkan pelepasan bahan hazard bawaan udara ke dalam sistem pengalihudaraan atau ruang kerja am. Langkah pencegahan yang disyorkan adalah melaksanakan kawalan kebocoran air dan memastikan bahan bangunan tidak lembap atau basah.
- b. Pengukuran yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan mendapati bacaan maksimum karbon dioksida adalah melebihi had siling yang dibenarkan. Manakala bacaan kadar pergerakan udara adalah di bawah julat yang dicadangkan. Pada pendapat Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan

Pekerjaan Negeri Sembilan, oleh kerana Kompleks menggunakan pendingin udara berasingan (*split unit airconditioner*), ia hanya berfungsi terhadap parameter suhu sahaja dan tidak membantu pengudaraan sesuatu ruang. Sistem pengudaraan di bangunan ini perlu mempunyai peredaran udara keluar dan masuk yang penting bagi mengurangkan sebarang bahan cemar udara dalaman. Namun begitu ia boleh dibaiki dengan menggunakan sistem pengudaraan berpusat (*centralized airconditioner*) dan *exhaust fan* untuk peredaran udara keluar dan masuk dalam sesuatu ruang. Sekiranya masalah ini tidak diatasi ia boleh menimbulkan pelbagai masalah kesihatan kepada penghuni daripada yang bersifat sementara hingga jangka panjang seperti tindak balas alahan, masalah pernafasan, kerengsaan mata, sinusitis, bronkitis dan pneumonia.

**Pada pendapat Audit, keadaan fizikal dan persekitaran bangunan Kerajaan Negeri yang dilawati ada yang tidak memuaskan dan boleh menjadikan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pengguna.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan program penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri mencapai tahap yang memberikan keselesaan dan keselamatan kepada penggunanya, syor berikut perlu dipertimbangkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan semua Pejabat Daerah Dan Tanah:

- 2.5.1. Bajet tahunan yang dimohon hendaklah meliputi butiran semua kerja penyenggaraan.
- 2.5.2. Memastikan semua jenis kerja penyenggaraan sama ada secara pencegahan atau pembaikan dirancang perolehannya untuk mengelakkan kerosakan tidak dibaiki kerana tiada peruntukan.
- 2.5.3. Mengambil tindakan segera untuk memperbaiki kerosakan/kecacatan yang berlaku di pejabat yang terlibat bagi memastikan keselamatan kakitangan terjamin dan pejabat berada dalam keadaan selesa dan kondusif.
- 2.5.4. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bagi pihak Kerajaan Negeri perlu memastikan semua bangunan milik Kerajaan Negeri didaftarkan dalam Daftar Aset Tak Alih bagi membantu mengenal pasti kos penyenggaraan yang diperlukan setiap tahun secara holistik.

## JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

### 3. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI SAYUR-SAYURAN

#### 3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan perundingan, sokongan, teknikal dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran. Ini bertujuan bagi menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga dan Dasar Pertanian Negeri. Program dan aktiviti Jabatan Pertanian Negeri Sembilan digubal meliputi peringkat pengeluaran komoditi tanaman, produk industri asas tani, pembangunan industri, pembangunan sumber manusia, pembangunan infrastruktur asas dan perkhidmatan sokongan teknikal.

3.1.2. Matlamat utama program pembangunan industri sayur-sayuran untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran secara komersial, berkualiti dan selamat untuk pasaran tempatan dan eksport. Objektif pelaksanaan program adalah untuk memulihkan tanah terbiar seluas 120 hektar sepanjang 5 tahun, meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran bebas kimia, meningkatkan pendapatan pengusaha, penggunaan teknologi terkini dan meningkatkan pengeluaran hasil sayur-sayuran. Program pembangunan industri sayur-sayuran mengandungi 3 komponen utama iaitu:

3.1.2.1. Pembangunan sayur-sayuran konvensional yang tertumpu kepada pemulihan tanah terbiar dan pembangunan kawasan sedia ada.

3.1.2.2. Pembangunan sayur-sayuran bebas kimia melalui kaedah "Amalan Pertanian Yang Baik" yang mengelakkan penggunaan baja dan racun perosak kimia atau sintetik. Hasil tanaman dari ladang yang diusahakan di bawah sistem ini selamat dari sisa baki kimia yang tidak diingini.

3.1.2.3. Pembangunan sayur-sayuran secara fertigasi yang menggunakan kaedah penanaman berteknologi moden yang menggabungkan sistem pembajaan, teknologi pengairan fertigasi dengan sukanan yang tepat dan rumah perlindungan hujan.

3.1.3. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan memberi bantuan dalam penyediaan infrastruktur seperti pembersihan kawasan, penyediaan tanah, perparitan ladang, jalan ladang, peralatan sistem pengairan, pinjaman pam air dan bahan input pertanian. Bagi melaksanakan program ini, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan memberi bantuan sejumlah RM8,000 sehektar. Peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk program ini bagi tahun 2008 hingga 2010 berjumlah RM1.27 juta seperti di **Jadual 3.1**. Manakala rancangan pemulihan tanah terbiar untuk program pembangunan industri sayur-sayuran mengikut daerah bagi tempoh RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.1**  
**Peruntukan Bagi Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Program	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	Jumlah (RM)
Peruntukan Negeri	190,000	190,000	190,000	<b>570,000</b>
Peruntukan Persekutuan	192,144	155,000	350,000	<b>697,144</b>
<b>Jumlah</b>	<b>382,144</b>	<b>345,000</b>	<b>540,000</b>	<b>1,267,144</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

**Jadual 3.2**  
**Rancangan Pemulihan Tanah Terbiar Mengikut Daerah**

Daerah	2006 (Hektar)	2007 (Hektar)	2008 (Hektar)	2009 (Hektar)	2010 (Hektar)	Jumlah (Hektar)
Jelebu	1.6	1.6	1.6	1.6	1.6	<b>8.0</b>
Jempol	3.2	3.2	3.2	3.2	3.2	<b>16.0</b>
Kuala Pilah	4.8	4.8	4.8	4.8	4.8	<b>24.0</b>
Port Dickson	4.0	4.0	4.0	4.0	4.0	<b>20.0</b>
Rembau	4.8	4.8	4.8	4.8	4.8	<b>24.0</b>
Seremban	4.0	4.0	4.0	4.0	4.0	<b>20.0</b>
Tampin	1.6	1.6	1.6	1.6	1.6	<b>8.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>120.0</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan program pembangunan industri sayur-sayuran telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pelaksanaan pengurusan program pembangunan industri sayur-sayuran oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (Jabatan) bagi tahun 2008 hingga 2010. Kajian ini melibatkan pelaksanaan program di 4 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Seremban, Rembau, Port Dickson dan Kuala Pilah. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen, menganalisis maklumat program, menemu bual dan berbincang dengan pegawai Jabatan dan Pejabat Pertanian Daerah, menemu bual dan berbincang dengan pengusaha dan membuat pemeriksaan fizikal dan lawatan tapak ke ladang di 4 daerah yang dipilih iaitu Seremban, Rembau, Port Dickson dan Kuala Pilah.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan program pembangunan industri sayur-sayuran di Negeri Sembilan adalah memuaskan. Bagaimanapun sasaran Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk meningkatkan pendapatan purata pengusaha melepas RM1,500 sebulan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 masih belum tercapai, penggunaan rumah perlindungan hujan masih tidak optimum, pemantauan residu racun makhluk perosak kurang

diberi penekanan di peringkat negeri bagi tempoh 2008 hingga 2010. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

### **3.4.1. Prestasi Pembangunan Industri Sayur-Sayuran**

Jabatan memberi bantuan dalam penyediaan infrastruktur seperti pembersihan kawasan, penyediaan tanah, perparitan ladang, jalan ladang, peralatan sistem pengairan, pinjaman pam air dan bahan input pertanian. Pengusaha boleh melaksanakan salah satu daripada 3 komponen pembangunan industri sayur-sayuran. Semakan Audit terhadap program ini mendapati perkara berikut:

#### **3.4.1.1. Pencapaian Penyertaan Pengusaha**

- Pembangunan sayur-sayuran secara konvensional merupakan program yang diminati oleh kebanyakan pengusaha. Tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan bilangan penyertaan pengusaha baru yang paling ramai menceburi penanaman sayur-sayuran secara konvensional.
- Tiada penyertaan pengusaha bagi pembangunan sayur-sayuran dengan menggunakan kaedah bebas kimia atau organik. Ini kerana bagi tahun 2008 hingga 2010, masih tiada pengusaha yang berminat untuk menceburi bidang ini.
- Manakala pembangunan sayur-sayuran dengan menggunakan kaedah fertigasi adalah menggalakkan. Bagi tahun 2008 hingga 2010 bilangan penyertaan pengusaha baru yang mengamalkan pertanian secara fertigasi meningkat setiap tahun.

3.4.1.2. Pencapaian penyertaan pengusaha untuk tempoh 3 tahun dari 2008 hingga 2010 bagi program pembangunan sayur-sayuran konvensional dan fertigasi di Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 3.3** dan **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.3**  
**Analisis Program Pembangunan Sayur Konvensional**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Daerah	Tahun					
		2008		2009		2010	
		Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)	Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)	Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)
1.	Jelebu	10	12.09	1	12.70	2	4.00
2.	Jempol	-	-	3	5.60	5	13.80
3.	Kuala Pilah	7	37.31	12	19.00	8	19.00
4.	Port Dickson	-	-	5	7.84	6	12.50
5.	Rembau	5	24.00	1	2.50	9	19.89
6.	Seremban	7	14.80	6	14.20	8	18.70
7.	Tampin	4	2.50	-	-	5	11.40
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>	<b>90.70</b>	<b>28</b>	<b>61.84</b>	<b>43</b>	<b>99.29</b>

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

**Jadual 3.4**  
**Analisis Program Pembangunan Sayur Fertigasi**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Daerah	Tahun					
		2008		2009		2010	
		Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)	Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)	Bil. Pengusaha	Keluasan Tanah (Hektar)
1.	Jelebu	-	-	5	4.00	3	1.40
2.	Jempol	-	-	-	-	-	-
3.	Kuala Pilah	1	0.4	3	4.40	3	4.00
4.	Port Dickson	3	4.8	1	0.92	1	0.80
5.	Rembau	1	0.4	5	2.20	3	1.63
6.	Seremban	7	1.0	5	2.00	10	8.60
7.	Tampin	2	0.4	1	0.50	1	0.90
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>7.0</b>	<b>20</b>	<b>14.02</b>	<b>21</b>	<b>17.33</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

#### 3.4.1.3. Pencapaian Program

- a. Pencapaian program pembangunan industri sayur-sayuran diukur daripada bilangan pengusaha yang masih meneruskan atau mengusahakan projek bagi tahun 2008 hingga 2010.
  - i. Bagi pembangunan sayur-sayuran secara konvensional 88 daripada 104 pengusaha atau 84.6% berjaya meneruskan projek.
  - ii. Manakala bagi pembangunan sayur-sayuran yang dijalankan secara fertigasi pula, sejumlah 36 daripada 55 pengusaha atau 65.5% berjaya meneruskan projek.
- b. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kegagalan projek seperti modal yang tinggi khususnya pembangunan sayur-sayuran secara fertigasi, kejadian bencana alam seperti banjir yang tidak dijangka, kekurangan pekerja untuk bekerja di ladang dan lain-lain. Antara contoh projek pembangunan sayur-sayuran secara konvensional dan fertigasi yang berjaya diusahakan serta tidak diusahakan lagi oleh pengusaha adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Jabatan menyatakan bahawa banyak faktor yang menyebabkan kegagalan projek seperti memerlukan modal tinggi, banjir yang tidak dijangka, kekurangan pekerja dan lain-lain. Pengusaha juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan, berminat dan bersedia untuk menjalankan projek. Selain itu, bantuan hanya diberi sekali tetapi khidmat nasihat dan pemantauan masih diteruskan sehingga pengusaha menutup projek. Mulai tahun 2010, selepas 3 tahun pengusaha yang masih meneruskan projek akan diberi bantuan sekali lagi.

**Gambar 3.1**  
**Projek Pembangunan Sayur-Sayuran Konvensional Yang Berjaya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Pantai Bt. 7, Seremban  
Tarikh: 4 November 2010

**Gambar 3.3**  
**Projek Pembangunan Sayur-Sayuran Fertigasi Yang Berjaya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Tarun, Seremban  
Tarikh: 4 November 2010

**Gambar 3.2**  
**Projek Pembangunan Sayur-Sayuran Konvensional Yang Tidak Diusahakan Lagi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Pilah Tengah 2, Kuala Pilah  
Tarikh: 14 Oktober 2010

**Gambar 3.4**  
**Projek Pembangunan Sayur-Sayuran Fertigasi Yang Tidak Diusahakan Lagi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg Bukit Merbah, Seremban  
Tarikh: 4 November 2010

Pada pendapat Audit, pencapaian komponen pembangunan sayur secara konvensional adalah baik kerana 84.6% pengusaha berjaya meneruskan projek. Bagi komponen pembangunan sayur secara fertigasi pula adalah kurang memuaskan kerana hanya 65.5% pengusaha berjaya meneruskan projek walaupun semakin ramai pengusaha yang menceburinya. Manakala bagi komponen pembangunan sayur bebas kimia adalah tidak memuaskan kerana masih tiada penyertaan.

#### **3.4.2. Prestasi Pemulihan Tanah Terbiar**

Salah satu objektif Jabatan dalam menjalankan program pembangunan industri sayur-sayuran adalah dari segi sasaran pemulihan tanah terbiar. Jabatan telah menetapkan sasaran untuk memulihkan tanah terbiar seluas 120 hektar atau 24 hektar setiap tahun

sepanjang 5 tahun. Bagi tempoh 2008 hingga 2010, Jabatan telah menetapkan sasaran atau objektif untuk memulihkan tanah terbiar seluas 72 hektar. Setiap daerah diberi sasaran masing-masing untuk mencapai objektif memulihkan tanah terbiar seluas 24 hektar setiap tahun. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mencapai sasaran untuk memulihkan tanah terbiar bagi tempoh 3 tahun tersebut. Bagi tahun 2008, Jabatan telah berjaya memulihkan 70.7 hektar tanah terbiar. Manakala bagi tahun 2009 sejumlah 65.8 hektar tanah terbiar berjaya dipulihkan. Sementara bagi tahun 2010, Jabatan berjaya memulihkan tanah terbiar seluas 47.5 hektar. Secara keseluruhannya Jabatan berjaya memulihkan 184 hektar tanah terbiar dengan program pembangunan industri sayur-sayuran berbanding sasaran 72 hektar. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati 3 daripada 7 daerah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan untuk memulihkan tanah terbiar bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Sasaran dan pencapaian kawasan terbiar bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Sasaran Dan Pencapaian Kawasan Tanah Terbiar Untuk Projek Sayur**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Daerah/ Tahun	2008		2009		2010		Jumlah	
	Sasaran (Hektar)	Pencapaian (Hektar)	Sasaran (Hektar)	Pencapaian (Hektar)	Sasaran (Hektar)	Pencapaian (Hektar)	Sasaran (Hektar)	Pencapaian (Hektar)
Jelebu	1.6	10.1	1.6	13.7	1.6	0.0	4.8	23.8
Jempol	3.2	0.0	3.2	5.6	3.2	10.8	9.6	16.4
Kuala Pilah	4.8	37.3	4.8	20.0	4.8	0.0	14.4	57.3
Port Dickson	4.0	4.0	4.0	3.3	4.0	7.4	12.0	14.7
Rembau	4.8	5.4	4.8	3.0	4.8	8.2	14.4	16.6
Seremban	4.0	12.6	4.0	19.7	4.0	14.8	12.0	47.1
Tampin	1.6	1.3	1.6	0.5	1.6	6.3	4.8	8.1
<b>Jumlah</b>	<b>24.0</b>	<b>70.7</b>	<b>24.0</b>	<b>65.8</b>	<b>24.0</b>	<b>47.5</b>	<b>72.0</b>	<b>184.0</b>
<b>Peratus Pencapaian (%)</b>	<b>294.58</b>		<b>274.17</b>		<b>197.92</b>		<b>255.5</b>	

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemulihan kawasan tanah terbiar adalah baik kerana telah berjaya mencapai 255% iaitu 184 hektar berbanding sasaran 72 hektar bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010.**

### 3.4.3. Purata Pendapatan Pengusaha Tidak Mencapai Sasaran

3.4.3.1. Antara matlamat Jabatan dalam menjalankan program pembangunan industri sayur-sayuran adalah untuk meningkatkan pendapatan pengusaha. Jabatan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan pendapatan seorang pengusaha dengan purata RM1,500 sebulan. Semakan Audit mendapati Jabatan masih belum mencapai sasaran untuk meningkatkan pendapatan seorang pengusaha dengan purata RM1,500 sebulan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2008 sejumlah 18 pengusaha atau 58.1% memperolehi pendapatan kurang RM1,500 sebulan. Pada tahun 2009 sejumlah 13 pengusaha atau 34.2% memperolehi pendapatan kurang RM1,500 sebulan dan pada tahun 2010 sejumlah 16 pengusaha atau 33.3% memperolehi pendapatan kurang RM1,500 sebulan. Secara keseluruhannya, sasaran peningkatan pendapatan pengusaha masih kurang memuaskan kerana sejumlah 47 pengusaha atau 40.2% masih memperolehi pendapatan kurang RM1,500 sebulan. Purata pendapatan pengusaha sebulan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Purata Pendapatan Pengusaha Sebulan Di Daerah**  
**Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah Dan Rembau Bagi Tahun 2008 Hingga 2009**

Purata Pendapatan	Tahun						Jumlah	
	2008		2009		2010		Bil. Pengusaha	(%)
	Bil. Pengusaha	(%)	Bil. Pengusaha	(%)	Bil. Pengusaha	(%)		
> RM3,000	5	16.1	8	21.1	21	43.7	34	29.1
RM3,000- RM2,001	1	3.2	4	10.5	8	16.7	13	11.1
RM2,000- RM1,500	7	22.6	13	34.2	3	6.3	23	19.6
< RM1,500	18	58.1	13	34.2	16	33.3	47	40.2
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>100.0</b>	<b>38</b>	<b>100.0</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>	<b>117</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.4.3.2. Antara faktor yang menyebabkan purata pendapatan pengusaha tidak mencapai sasaran adalah kerana sikap pengusaha yang kurang komited, kesukaran mendapat tenaga kerja, kekurangan modal pusingan, bencana banjir yang tidak dijangka dan serangan makhluk perosak serta penyakit tanaman. Selain itu, kos penyenggaraan yang tinggi bagi penanaman secara fertigasi, pengusaha baru yang tidak bersedia dan kurang pengalaman juga merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian purata pendapatan pengusaha. Adalah menjadi objektif Jabatan untuk setiap peserta memperolehi pendapatan purata RM1,500 sebulan. Bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan matlamat tersebut tidak tercapai. Namun usaha tetap diteruskan bagi meningkatkan hasil pengusaha. Dalam RMKe-10, program peningkatan hasil projek sedia ada akan diberi tumpuan dan menjadi *Key Result Indicator (KRI)* Jabatan.

**Pada pendapat Audit, objektif Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk meningkatkan purata pendapatan pengusaha melebihi RM1,500 sebulan masih belum tercapai.**

#### 3.4.4. Analisis Pemilihan Pengusaha

3.4.4.1. Pemilihan pengusaha dibuat berdasarkan borang permohonan yang lengkap diisi. Borang tersebut perlu dikemukakan bersama salinan geran tanah, perjanjian sewa tanah, pelan perniagaan kepada Pejabat Pertanian Daerah. Senarai permohonan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Pertanian Negeri bagi mendapatkan kelulusan. Laporan kesesuaian tanah dikeluarkan untuk mengesahkan kelayakan peserta sebelum kelulusan bantuan dibuat oleh Ibu Pejabat. Garis panduan dan syarat pemilihan pengusaha dan kawasan telah ditetapkan oleh Jabatan seperti berikut:

##### **Syarat Kelayakan Pengusaha**

- Warganegara Malaysia
- Berumur melebihi 18 tahun
- Mempunyai pengalaman, kelayakan (sijil/diploma/ijazah) atau berminat dalam bidang pertanian
- Mempunyai tanah yang sesuai untuk pertanian sama ada hak milik sendiri atau sewaan

- Mempunyai modal yang mencukupi

#### **Syarat Kawasan Yang Akan Dibangunkan**

- Projek sayuran (minima 1.6 hektar)
- Projek tanaman kontan seperti jagung, tebu, serai, herba (minima 1.6 hektar)
- Projek fertigasi sayuran (minima 5,000 beg)

3.4.4.2. Semakan Audit terhadap 43 daripada 117 fail pengusaha yang berjaya menyertai program mendapati borang permohonan telah disokong oleh Pegawai Pertanian Daerah yang berkenaan. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati 30 daripada 43 fail (69.8%) tidak disertakan dengan laporan kesesuaian tanah. Jabatan menyatakan akan memastikan bahawa semua permohonan projek baru mengandungi maklumat lengkap seperti yang telah ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, laporan kesesuaian tanah tidak diambil berat oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri Sembilan sebagai kriteria dalam membuat pemilihan pengusaha.**

#### **3.4.5. Penggunaan Rumah Perlindungan Hujan Tidak Dioptimumkan**

Bagi menggalakkan perkembangan industri sayur-sayuran secara fertigasi, Jabatan telah memberi bantuan rumah perlindungan hujan dan peralatan fertigasi kepada pengusaha yang layak. Rumah perlindungan hujan yang tidak digunakan lagi oleh pengusaha hendaklah diberikan kepada pengusaha lain yang lebih memerlukan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2010, Jabatan telah memberi bantuan kepada 3 pengusaha projek secara fertigasi. Dua buah rumah perlindungan hujan tersebut telah diberikan kepada pengusaha di Port Dickson. Bagaimanapun, rumah tersebut telah berubah lokasi kerana diserahkan kepada pengusaha lain. Manakala sebuah lagi diberikan kepada pengusaha di Seremban. Maklumat berkaitan 3 rumah perlindungan tersebut adalah seperti di **Jadual 3.7**. Ketiadaan syarat penggunaan rumah perlindungan hujan kepada pengusaha dan pemantauan yang kurang berkesan oleh Jabatan telah menyumbang kepada penggunaan yang tidak optimum.

**Jadual 3.7**  
**Maklumat Bagi 3 Rumah Perlindungan Hujan**

Bil.	Lokasi Terkini	Lokasi Terdahulu	Bantuan Diterima	Kos Bantuan (RM)
1.	Kg. Sunggala, Port Dickson	Kg. Telok Kemang, Port Dickson	Rumah perlindungan hujan (6' x 12')	12,799
2.	Kg. Tg. Agas, Port Dickson	Kg. Sungai Raya, Port Dickson	Rumah perlindungan hujan (6' x 12')	19,122
3.	Kg. Bukit Merbah, Seremban	-	Sistem operasi, sistem pengairan, baja fertigasi dan media tanaman	43,932
<b>Jumlah</b>				<b>75,853</b>

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

### **3.4.5.1. Kg. Sunggala, Port Dickson**

Lawatan Audit pada 29 November 2010 mendapati bantuan rumah perlindungan hujan untuk projek fertigasi yang dipindahkan daripada projek Teluk Kemang telah digunakan oleh pengusaha sebagai tapak semaian seperti di **Gambar 3.5**. Jabatan melaporkan pengusaha di Kg. Sunggala telah menukar kepada penanaman sayur-sayuran secara konvensional oleh itu rumah perlindungan hujan tersebut telah dijadikan tapak semaian cili.

**Gambar 3.5**  
**Rumah Perlindungan Hujan Yang**  
**Digunakan Sebagai Tapak Semaian**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg Sawah Sunggala, Port Dickson  
Tarikh: 29 November 2010*

### **3.4.5.2. Kg. Tg. Agas, Port Dickson**

Lawatan Audit pada 29 November 2010 mendapati pengusaha telah mendapat rumah perlindungan hujan yang dipindahkan oleh Jabatan daripada projek Sg. Raya untuk digunakan di dalam projek sayur secara fertigasi. Bagaimanapun, rumah perlindungan hujan tersebut tidak digunakan kerana masih belum dipasang sepenuhnya oleh pengusaha. Manakala sebahagian struktur rumah perlindungan hujan tersebut telah rosak dan berkarat seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

**Gambar 3.6**  
**Rumah Perlindungan Hujan Yang Dipindahkan Kepada Pengusaha Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg Tanjung Agas, Port Dickson  
Tarikh: 29 November 2010

**Gambar 3.7**  
**Struktur Rumah Perlindungan Hujan Yang Telah Rosak Dan Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg Tanjung Agas, Port Dickson  
Tarikh: 29 November 2010

#### **3.4.5.3. Kg. Bukit Merbah, Seremban**

Lawatan Audit pada 4 November 2010 mendapati pengusaha telah menjalankan projek fertigasi secara berkelompok selama 2 tahun sejak bulan Ogos 2008. Bagaimanapun, temu bual bersama pengusaha menyatakan bahawa beliau sudah tidak berminat untuk meneruskan projek ini kerana masalah kos yang tinggi dan juga kekurangan pekerja. Projek telah ditutup pada bulan Oktober 2010 dan rumah perlindungan hujan yang diberikan oleh Jabatan sudah tidak digunakan tetapi masih belum dipindahkan oleh kepada pengusaha lain yang lebih memerlukan seperti di **Gambar 3.8**. Selepas teguran Audit, Jabatan memaklumkan pengusaha masih berminat menjalankan penanaman sayur-sayuran fertigasi di Kg. Bukit Merbah dan akan dimulakan pada awal Julai 2011.

**Gambar 3.8**  
**Rumah Perlindungan Hujan Yang Tidak Digunakan Lagi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Bukit Merbah, Seremban  
Tarikh: 4 November 2010

**Pada pendapat Audit, penggunaan rumah perlindungan hujan oleh pengusaha adalah tidak memuaskan kerana tidak digunakan secara optimum untuk penanaman sayur-sayuran fertigasi.**

### **3.4.6. Pensampelan Residu Racun Kurang Memuaskan**

3.4.6.1. Objektif pensampelan residu racun makhluk perosak dilakukan adalah untuk memastikan racun yang digunakan oleh pengusaha adalah racun yang berdaftar, disyorkan dan tidak melebihi penggunaan yang ditetapkan. Penghantaran sampel residu racun makhluk perosak ke makmal oleh Jabatan hendaklah menepati atau melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hortikultur Jabatan Pertanian di Putrajaya. Sampel residu racun hendaklah dihantar sekurang-kurangnya 6 kali sebulan ke Makmal Sakibaki Racun, Bahagian Kawalan Racun Perosak, Kuala Lumpur untuk dianalisis. Sasaran penghantaran sampel adalah seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8  
Sasaran Penghantaran Sampel Residu Racun  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Sasaran (Bil. Sampel)
2008	72
2009	72
2010	84

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

3.4.6.2. Jabatan telah merancang jadual penghantaran sampel ke makmal dengan 6 sampel setiap bulan bagi setiap daerah. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak melaksanakan ujian sampel residu racun terhadap pengeluaran sayur-sayuran pengusaha secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini adalah disebabkan pihak Jabatan kekurangan kakitangan khususnya Pembantu Pertanian untuk menjalankan pensampelan residu racun perosak. Selain itu, Jabatan juga tidak menyediakan kursus yang mencukupi berkaitan pensampelan residu racun perosak kepada Pembantu Pertanian yang baru. Pencapaian sampel yang kurang memuaskan menyebabkan tahap dan kualiti penggunaan racun oleh pengusaha tidak dapat dipastikan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan. Analisis Audit bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 mendapati pencapaian penghantaran sampel berbanding sasaran adalah di antara 50% ke 84.5% seperti di **Jadual 3.9**. Jabatan menyatakan ujian sampel residu racun telah dilaksanakan tetapi terdapat daerah yang tidak menghantar sampel mengikut jadual seperti yang ditetapkan. Jabatan bersetuju perkara ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan yang berterusan.

**Jadual 3.9  
Pencapaian Penghantaran Sampel Residu Racun  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Sasaran (Bil. Sampel)	Pencapaian (Bil. Sampel)	Pencapaian (%)
2008	72	57	79.2
2009	72	36	50.0
2010	84	71	84.5

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

Pada pendapat Audit, penghantaran sampel untuk ujian bagi setiap daerah adalah tidak memuaskan. Oleh itu, Jabatan pertanian Negeri Sembilan perlu memastikan pengusaha mematuhi prosedur yang ditetapkan bagi mengelakkan bahaya keselamatan manusia dan juga alam sekitar.

### 3.4.7. Penggunaan Racun Yang Tidak Disyor Dan Melebihi Had Penggunaan

3.4.7.1. Garis Panduan Program Pemantauan Pelanggaran Penggunaan Racun Makhluk Perosak menetapkan 3 pelanggaran penggunaan Racun Makhluk Perosak iaitu:

- a. Terdapat residu racun dalam sampel hasil tanaman yang dianalisis mengandungi kadar peratus melebihi *Maximum Residue Level (MRL)*.
- b. Penggunaan racun yang tidak mengikut disyor atau yang dinyatakan pada label.
- c. Melibatkan penggunaan racun yang tidak berdaftar di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

3.4.7.2. Sekiranya keputusan analisis sampel menunjukkan terdapat pelanggaran penggunaan racun makhluk perosak, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan hendaklah melakukan siasatan dan menyediakan laporan. Matlamat utama program pemantauan ini adalah untuk menyenaraikan pengusaha yang melanggar sebanyak 3 kali berturut-turut peraturan penggunaan racun makhluk perosak supaya tindakan penguatkuasaan selanjutnya diambil oleh pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan dan Bahagian Kawalan Makhluk Perosak Jabatan Pertanian.

3.4.7.3. Semakan Audit mendapati tiada laporan dikemukakan bagi analisis sampel pelanggaran penggunaan racun untuk tahun 2008 dan 2009. Manakala bagi tahun 2010 sebanyak 13.3% sampel didapati melanggar peraturan penggunaan racun makhluk perosak. Keputusan analisis sampel bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Keputusan Analisis Sampel Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Bil. Sampel Dianalisis	Bil. Sampel Melanggar	Sampel Melanggar (%)
2008	57		Tiada Laporan Dikemukakan
2009	36		Tiada Laporan Dikemukakan
2010	30	4	13.3

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

3.4.7.4. Semakan lanjut mendapati 4 daripada 30 sampel yang melanggar penggunaan racun makhluk perosak adalah tidak mengikut syor yang dinyatakan pada label penggunaan racun. Antara pelanggaran yang tidak mengikut syor ialah *lambda cyhalothrin* pada sayur sawi di Daerah Seremban, *dimethoate* pada sayur peria dan *chlorothalonil* pada sayur terung dan bendi di Daerah Kuala Pilah. Tiada tindakan susulan daripada Jabatan bagi mengesahkan sama ada pengusaha telah mengambil tindakan terhadap perlanggaran tersebut. Selain itu, pengambilan sampel untuk ujian kedua juga tidak dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan bagi memastikan perlanggaran

tersebut tidak berulang. Jabatan menyatakan pengambilan sampel untuk ujian kedua tidak dapat dilaksanakan kerana tiada projek tanaman selepas hasil dituai. Sampel telah pun diambil sekali lagi pada bulan Februari 2011 terhadap tanaman baru tetapi keputusan belum diterima kerana ia mengambil masa 2 bulan untuk dikaji. Jabatan menjelaskan, pada tahun 2008 hingga 2010 pemantauan bagi penggunaan racun kurang dikuatkuasakan di peringkat Negeri.

**Pada pendapat Audit, pelanggaran penggunaan racun makhluk perosak tidak dipantau bagi tahun 2008 hingga 2010 kerana kurang dikuatkuasakan di peringkat Negeri.**

### 3.4.8. Lawatan Pemantauan

3.4.8.1. Pemantauan dijalankan oleh Pembantu Pertanian Kawasan yang ditempatkan di setiap daerah mengikut mukim. Pembantu Pertanian Kawasan selaku pegawai pembimbing membuat lawatan dan memberi khidmat nasihat kepada pengusaha. Selain itu, Pembantu Pertanian Kawasan juga bertanggungjawab untuk memeriksa peralatan pertanian dan mesin yang dibekalkan serta melaporkan masalah yang dihadapi oleh pengusaha kepada pihak pengurusan supaya tindakan dapat diambil dengan segera. Berdasarkan arahan daripada Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, setiap Pembantu Pertanian Kawasan perlu membuat lawatan ke tapak projek pengusaha dan hendaklah melaporkan lawatan tersebut di dalam Buku Catatan Kerja Pengembangan yang telah disediakan oleh Jabatan Pertanian di Putrajaya.

3.4.8.2. Semakan Audit mendapati perancangan tahunan pemantauan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan yang dijalankan oleh Pembantu Pertanian Kawasan di setiap daerah hanya dibuat pada tahun 2010. Jabatan menetapkan sasaran sebanyak 144 lawatan bagi setiap daerah. Bagaimanapun, pelaksanaan perancangan iaitu sebanyak 120 lawatan telah mencapai 83.3% sasaran. Antara faktor yang menyebabkan pemantauan oleh Pembantu Pertanian Kawasan tidak mencapai sasaran adalah kerana Pembantu Pertanian Kawasan perlu memantau bukan sahaja projek sayur tetapi projek lain seperti buah-buahan yang meliputi peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Jabatan memaklumkan akan memastikan semua Pembantu Pertanian Kawasan melaksanakan lawatan pemantauan secara berjadual tersebut sekurang-kurangnya 90% daripada sasaran yang ditetapkan serta menyediakan laporan lawatan secara konsisten dan berterusan. Pemantauan oleh Pembantu Pertanian Kawasan berbanding sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan di 4 daerah yang dipilih adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Sasaran Dan Pencapaian Pemantauan Fizikal Oleh PPK**  
**Pada Tahun 2010**

Daerah	Sasaran	Pencapaian	Pencapaian (%)
Seremban	144	120	83.3
Port Dickson	144	120	83.3
Kuala Pilah	144	120	83.3
Rembau	144	120	83.3

*Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan*

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan adalah memuaskan kerana mencapai lebih 80% sasaran yang ditetapkan.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Beberapa isu pengurusan yang telah dibangkitkan perlu diambil tindakan sewajarnya. Sehubungan itu, disyorkan supaya Jabatan Pertanian Negeri Sembilan memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- 3.5.1. Membuat penyeliaan dan pemantauan bagi mengenal pasti punca sesuatu projek gagal bagi membantu pengusaha mencapai pendapatan purata RM1,500 sebulan kerana ia merupakan KRI (*Key Result Indicator*) Jabatan Pertanian Negeri Sembilan.
- 3.5.2. Memastikan pengurusan pinjaman peralatan pertanian khususnya rumah perlindungan hujan adalah teratur dan mengambil semula peralatan tersebut sekiranya tidak digunakan.
- 3.5.3. Mengkaji semula sistem pengagihan bantuan seajar dengan perancangan dan kemajuan projek pengusaha. Bantuan sepatutnya dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kemajuan projek dan peruntukan kewangan bagi mengelakkan pembaziran.
- 3.5.4. Memastikan penghantaran sampel racun makhluk perosak untuk dianalisis mengikut jadual yang ditetapkan dan menguatkuasakan Garis Panduan Pelanggaran Penggunaan Racun Makhluk Perosak.

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN,  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON  
DAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN**

**4. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR**

**4.1. LATAR BELAKANG**

4.1.1. Hutan Paya Laut (*Mangroves Forest*) adalah hutan yang terdapat di persisiran pantai yang berlumpur dan bercampur dengan air laut serta mengalami air pasang surut. Hutan ini toleran terhadap air masin dan mempunyai ekosistem yang paling kompleks di dunia. Ia menjadi sempadan antara laut dan daratan serta berfungsi sebagai benteng untuk mengurangkan kadar hakisan pantai, mempengaruhi pergerakan angin dan ribut, melindungi hidupan akuatik dan mamalia kecil serta mengimbangi kadar oksigen di atmosfera. Di Malaysia, hutan ini boleh didapati di persisiran pantai Selat Melaka dan dianggap sebagai hutan yang paling tinggi kepelbagaian biologinya. Ia mempunyai lebih kurang 60 spesies tumbuhan dan pelbagai jenis hidupan yang boleh beradaptasi terhadap persekitaran serta mempunyai saliniti yang tinggi dan keadaan yang berubah-ubah.

4.1.2. Hutan paya laut lazimnya didominasi oleh pelbagai jenis spesies bakau, perepat, berembang, tumu, berus, nipah, mengkuang dan lain-lain yang menjadi pelindung kepada ekosistem pantai yang kaya dengan biologi akuatik. Sistem akarnya yang kompleks dan berceracak berupaya menahan dan mengurangkan tenaga hakisan serta berfungsi memerangkap segala bahan yang dibawa oleh agen-agen hakisan. Ia menjadi tempat pembiakan pelbagai spesies ikan, udang dan ketam serta habitat bagi hidupan liar seperti mamalia kecil, burung, reptilia, amfibia dan haiwan krustasia. Selain dari memainkan peranan penting bagi menjana sumber ekonomi dalam penghasilan kayu arang dan kayu jaras, tradisinya ia menjadi sumber pendapatan kepada nelayan dan penduduk tempatan di samping menghasilkan pelbagai jenis kraf tangan.

4.1.3. Menurut Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan mempunyai keluasan hutan paya laut yang agak kecil berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu sekitar 450 hektar sahaja yang terletak di persisiran pantai Daerah Port Dickson. Bagaimanapun, sebahagian besar kawasan hutan ini berada di kawasan tanah milik awam dan hanya sebahagian kecil sahaja masih berstatus tanah atau rizab Kerajaan.

4.1.4. Kegiatan penerokaan tanah untuk tujuan pembangunan termasuk tanah persisiran pantai yang mempunyai hutan paya laut menyebabkan habitat semula jadi hutan ini semakin terancam dan keluasannya semakin mengecil. Jika aktiviti ini tidak dikawal dan langkah-langkah perlindungan dan pemuliharaan semula tidak diambil perhatian dengan serius, ia bukan sahaja akan mengakibatkan kepupusan, malahan akan mengancam kestabilan ekosistem pantai, merosakkan pelbagai jenis flora dan fauna, tempat perlindungan dan pembiakan hidupan akuatik dan akhirnya memberi kesan kepada alam sekitar.

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hutan paya laut di Negeri Sembilan telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya kepada alam sekitar.

## **4.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini tertumpu kepada pengurusan hutan paya laut yang bertaraf Hutan Simpan Kekal (HSK), hutan tanah Kerajaan dan mana-mana kawasan yang mempunyai hutan paya laut bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (Jabatan), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Port Dickson dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan. Lawatan tapak juga telah dibuat ke beberapa lokasi bagi meninjau keadaan persekitaran hutan paya laut. Selain itu temu bual dengan pegawai Jabatan dan orang awam serta mengedar borang soal selidik juga telah diadakan. Pasukan Audit juga telah mendapatkan bantuan dan khidmat kepakaran agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan dan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

## **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Ogos hingga November 2010 pada keseluruhannya mendapati pengurusan hutan paya laut adalah memuaskan. Jabatan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik namun tidak dapat bertindak secara khusus kerana tiada lagi hutan paya laut bertaraf Hutan Simpan Kekal semenjak terakhir dikeluarkan pada tahun 2004. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan iaitu tiada Dasar Kerajaan Negeri, Undang-undang, Peraturan dan Garis Panduan Khusus Terhadap Pengurusan Hutan Paya Laut. Draf Pewartaan bagi penggantian semula hutan paya laut sejumlah 101.93 hektar di Mukim Jimah masih dalam status semakan Penasihat Undang-undang Negeri. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan sukar mengawal kesan aktiviti manusia terhadap hutan paya laut kerana telah diberi milik. Penjelasan lanjut mengenai isu yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

### **4.4.1. Dasar Kerajaan Negeri, Undang-Undang, Peraturan Dan Garis Panduan Terhadap Pengurusan Hutan Paya Laut**

4.4.1.1. Akta Perhutanan Negara 1984, (Pindaan 1993), Akta 313 digubal untuk menyeragamkan garis panduan pengurusan hutan di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi mencapai objektif Dasar Perhutanan Negara. Melalui Akta ini Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan 'Enakmen Perhutanan Negeri (Penerimaanpakai) Pindaan 1993' dan 'Kaedah-Kaedah Hutan (Negeri Sembilan) 1996'. Ia adalah merupakan undang-undang yang bertujuan untuk memantapkan dasar pengurusan dan amalan perhutanan selaras dengan konsep 'Pengurusan Hutan Secara Berkekalan' dan Jabatan adalah diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan hutan di Negeri Sembilan. Jabatan turut menggunakan 'Manual Perhutanan' yang dikeluarkan oleh

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), pekeliling dan arahan Jabatan sebagai garis panduan dalam pengurusan hutan. Manual Perhutanan - Jilid 3 adalah merupakan satu garis panduan yang dikeluarkan oleh JPSM yang berkaitan khusus dengan pengurusan hutan paya laut di Malaysia yang bertaraf Hutan Simpan Kekal.

4.4.1.2. Semakan Audit terhadap fail, dokumen dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan hutan paya laut mendapat perkara berikut:

- a. Jabatan tidak mempunyai pelan pengurusan yang khusus bagi hutan paya laut di Negeri Sembilan sebagaimana yang diamalkan oleh Hutan Paya Laut Matang, Perak.
- b. Negeri Sembilan tidak mempunyai kawasan hutan paya laut yang bertaraf Hutan Simpan Kekal. Semua kawasan hutan paya laut bertaraf Hutan Simpan Kekal telah dimansuhkan untuk tujuan pembangunan. Hutan paya laut yang masih ada terletak di kawasan tanah milik persendirian dan hanya sebahagian kecil sahaja di tanah milik Kerajaan.
- c. Tiada pengusahasilan dari hutan paya laut sama ada kayu arang atau kayu jaras yang boleh menyumbangkan hasil kepada Kerajaan Negeri.

4.4.1.3. Pemantauan terhadap hutan paya laut dikendalikan oleh Unit Sivilkultur Dan Perlindungan Hutan yang dianggotai oleh seorang Pegawai Perhutanan dan dibantu oleh 4 orang Pengawas Hutan yang ditempatkan di Pejabat Renjer Daerah Port Dickson. Di samping itu, Unit Penguatkuasaan di peringkat Negeri akan turut menjalankan tinjauan di kawasan hutan paya laut dengan kekerapan lawatan sebanyak 2 kali seminggu. Mengikut rekod Jabatan tiada kegiatan mencuri kayu bakau dikesan di dalam hutan paya laut tanah Kerajaan di persisiran pantai Negeri Sembilan. Bagi kawasan tanah milik persendirian pula pemantauan hanya dibuat untuk tujuan pengeluaran permit pemindahan hasil hutan mengikut kehendak Seksyen 40, Akta Perhutanan Negara 1984. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 tiada sebarang hasil yang dikutip dari kawasan hutan ini. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan menyatakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut telah disediakan untuk tahun 2011-2015 berasaskan kepada kawasan dicadangkan dan diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal dan masih di peringkat penelitian Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia.

**Pada pendapat Audit, pemansuhan kawasan hutan paya laut yang bertaraf Hutan Simpan Kekal di Negeri Sembilan boleh menjaskan usaha Kerajaan untuk melindungi persisiran pantai seperti mengadakan program penanaman pokok bakau dan spesies yang sesuai di persisiran pantai Negeri Sembilan.**

#### **4.4.2. Penggantian Semula Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Dimansuhkan**

4.4.2.1. Akta Perhutanan Negara 1984 tidak membezakan antara hutan tanah tinggi dengan hutan paya laut secara spesifik. Seksyen 11, Akta Perhutanan Negara 1984 menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah daripada Hutan Simpan Kekal untuk tujuan ekonomi yang lebih tinggi. Manakala Seksyen 12 Akta yang

sama pula menyatakan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengganti kawasan tanah yang dikeluarkan itu satu kawasan yang lebih kurang sama luasnya sebagai Hutan Simpan Kekal. Bagaimanapun, sering kali penggantian ini tidak dapat dilakukan sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Negeri kerana kekurangan kawasan tanah atau terdapat keadaan di mana tanah HSK yang dikeluarkan itu adalah kawasan hutan paya laut (*mangrove*). Namun penggantian semula adalah merupakan hutan tanah tinggi (*dipterocarp*) yang jauh dari laut. Ini mengakibatkan keluasan hutan paya laut semakin mengecil dan akhirnya pupus.

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati terdapat 5 kawasan hutan seluas 2,388.65 hektar bertaraf Hutan Simpan Kekal di Daerah Port Dickson, 3 daripadanya adalah kategori rizab hutan paya laut (*Mangrove Forest Reserve*) iaitu Mukim Sepang, Lukut dan Linggi. Manakala 2 kawasan lagi adalah jenis hutan dipterokarp bukit iaitu Hutan Simpan Pasir Panjang dan Hutan Simpan Sungai Menyala. Tiga kawasan hutan paya laut tersebut adalah kawasan terakhir yang dimansuhkan pada tahun 2004 untuk tujuan pembangunan. Ketiga-tiga hutan paya laut tersebut telah dimansuhkan untuk tujuan pembangunan di mana Hutan Paya Laut Sepang adalah kawasan terakhir yang dimansuhkan pada tahun 2004. Walaupun pihak Jabatan ada mengambil tindakan untuk mengenal pasti kawasan hutan paya laut tanah Kerajaan yang lain yang berpotensi untuk menggantikan semula kawasan yang telah dimansuhkan itu, namun ia menghadapi kesukaran kerana beberapa kawasan tersebut juga telah diberi milik. Sehingga bulan November 2010, hanya 3 kawasan yang telah dikenal pasti untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri bagi dijadikan kawasan Hutan Simpan Kekal iaitu seluas 40.28 hektar tetapi ia masih belum diluluskan. Kawasan yang dikenal pasti adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**

**Kawasan Cadangan Untuk Mengganti Semula HSK Setakat November 2010**

Bil.	Mukim	Luas (Hektar)	Jenis Hutan
1.	Pasir Panjang	3.48	Hutan Paya Laut
2.	Jimah	32.30	Hutan Paya Laut
3.	Pulau Arang	4.50	Hutan Darat
<b>Jumlah</b>		<b>40.28</b>	

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, 2010

4.4.2.3. Analisis Audit terhadap kawasan yang dicadangkan itu menunjukkan 2 kawasan seluas 35.78 hektar adalah merupakan hutan paya laut manakala satu kawasan lagi seluas 4.5 hektar adalah jenis hutan darat persisiran pantai di Pulau Arang. Cadangan penggantian semula HSK seluas 35.78 hektar ini juga hanya meliputi kira-kira 20% daripada jumlah luas kawasan hutan paya laut terakhir yang dikeluarkan pada tahun 2004.

4.4.2.4. Maklum balas PTGNS menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri maklum tentang kepentingan hutan paya laut terhadap keseimbangan ekosistem. Sehubungan itu

pada tahun 2010, Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju meluluskan perwartaan 2 kawasan paya laut di Port Dickson sebagai Hutan Simpan Kekal iaitu di:

- a. Mukim Jimah seluas 101.932 hektar (setakat 2 Jun 2011, draf warta masih disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri).
- b. Pulau Arang, Mukim Port Dickson seluas 2.4 hektar (WKNS No. 18 bertarikh 20 Januari 2011).

**Pada pendapat Audit, usaha Kerajaan Negeri untuk penggantian semula hutan paya laut adalah memuaskan. Bagaimanapun usaha perlu diteruskan untuk menambah kawasan yang diwartakan.**

#### **4.4.3. Perlindungan Dan Pemuliharaan Hutan Paya Laut**

Berdasarkan data dan maklumat asas daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran 2009, menunjukkan 24.5 kilometer (42.2%) daripada 58 kilometer pantai di Negeri Sembilan mengalami hakisan pantai. Secara purata, hakisan ini berada di bawah kategori II iaitu kawasan yang sedang mengalami hakisan dan ancaman terhadap infrastruktur atau aktiviti ekonomi akan menjadi nyata dalam masa 5 hingga 10 tahun. Oleh itu, pemantauan dan penilaian terhadap hakisan pantai perlu dibuat dari semasa ke semasa. Berikut adalah penemuan Audit terhadap aktiviti perlindungan dan pemuliharaan hutan paya laut:

##### **4.4.3.1. Program Penanaman Bakau Di Persisiran Pantai Negara**

Tragedi tsunami telah membuktikan peranan pokok bakau amat berkesan sebagai pemecah ombak maka keluasan hutan paya laut perlu dikenalkan bagi memastikan hutan ini adalah mencukupi bagi memelihara dan memulihara kawasan pesisiran pantai. Oleh itu, program serta kempen pemuliharaan semula tanah pesisiran pantai mula dipertingkatkan oleh Kerajaan Negeri.

- a. Semakan Audit mendapati usaha perlindungan dan pemuliharaan tanah persisiran pantai di Negeri Sembilan mula dilaksanakan pada tahun 2006. Jabatan telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti beberapa kawasan tanah yang sesuai untuk ditanam dengan pokok bakau. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi menggembungkan tenaga bagi menanam pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di pantai Port Dickson. Ia bertujuan untuk memulihara kawasan persisiran pantai supaya lebih stabil sebagai lapisan perlindungan semula jadi untuk mengurangkan kesan kerosakan pantai, kemudahan infrastruktur, harta awam dan hakisan tanah akibat dari pukulan ombak dan angin.
- b. Selain mewujudkan zon penampang yang kukuh bagi mengurangkan kos penyenggaraan pantai pada masa hadapan, ia juga dapat memuliharkan habitat semula jadi kepelbagaiannya biologi hutan paya laut. Bagaimanapun, Jabatan telah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kawasan penanaman bakau kerana kawasan Hutan Paya Laut Sepang, Lukut dan Linggi yang dikenal pasti sebagai

kawasan semula jadi yang terbesar adalah merupakan tanah milik awam. Manakala hutan paya laut tanah Kerajaan yang lain agak kecil dan terpisah antara satu sama lain. Sungguhpun begitu, bagi tempoh 2007 hingga 2010, Jabatan telah berjaya menanam sebanyak 177,104 pokok bakau di beberapa lokasi di sekitar pantai Negeri Sembilan. Program dan peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk penanaman pokok bakau di persisiran pantai Negeri Sembilan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**

**Program Dan Peruntukan Bagi Penanaman Pokok Bakau Persisiran Pantai Negeri Sembilan**

Tahun	Lokasi Penanaman	Bilangan Pokok	Keluasan Tanaman (Hektar)	Peruntukan Persekutuan (RM)
2007	Jimah Power Plant (Blok A)	3,112	5.0	100,000
	Sungai Sengkawang, Port Dickson	3,000	2.5	
2008	Jimah Power Plant (Blok B)	4,000	3.0	250,000
	Jimah Power Plant (Blok C)	17,000	5.0	
	Terusan Air, Jimah (JPS)	4,000	1.0	
	Kg. Teluk Senteng, Rumah Peranginan	365	1.5	
	Kg. Chuah, Lukut	9,500	6.5	
	Pasir Panjang	9,000	5.0	
2009	Pasir Panjang	18,520	4.5	200,000
	Tanjung Agas	13,887	6.0	
	Kg. Chuah, Lukut	34,720	4.8	
2010	Kg. Balak	15,000	2.5	200,000
	Sungai Linggi	30,000	10.0	
	Pengkalan Nipah, Kuala Lukut	15,000	2.5	
<b>Jumlah</b>		<b>177,104</b>	<b>59.8</b>	<b>750,000</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, 2010

- c. Lawatan Audit ke tapak penanaman menunjukkan kawasan yang ditanam ini merupakan kawasan berisiko tinggi di mana kadar pertumbuhan dan daya tahan anak pokok yang ditanam amat rendah. Pengalaman Jabatan selama 3 tahun dari tahun 2007 hingga 2009 menunjukkan kesukaran untuk mengayakan semula hutan yang telah terancam ini. Selain ancaman pukulan ombak dan serangan teritip (lava) yang menjadikan anak pokok sebagai rumah tumpangan, nelayan tempatan juga sering menjalankan kegiatan menjaring ikan dan udang yang turut merosakkan tanaman ini. Jabatan menganggarkan hanya sekitar 50% daripada anak-anak pokok ini akan membesar manakala yang lainnya akan mati.

- d. Untuk mengurangkan ancaman ombak, teritip dan nelayan tempatan, pada tahun 2010 Jabatan telah membuat kajian penanaman berskala kecil (1 hektar) melalui teknik inovatif di kawasan berisiko tinggi dengan menggunakan ‘Comp-Pillow’ dan ‘Comp-Mat’ dengan bantuan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Bagaimanapun, penanaman menggunakan teknik inovatif ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan anggaran kos yang tinggi. Anggaran yang dibuat mengikut teknik ‘Comp-Pillow’ adalah RM16.30 setiap anak pokok manakala teknik ‘Comp-Mat’ pula lebih tinggi iaitu RM18 berbanding teknik konvensional antara RM3 hingga RM5 bagi setiap anak pokok.
- e. Lawatan Audit ke Kg. Balak, Pasir Panjang pada 2 November 2010 mendapati kebanyakan anak pokok bakau yang ditanam secara konvensional tidak dapat bertahan akibat pukulan ombak atau hanyut dibawa arus. Ini disebabkan oleh kayu pancang yang diikat pada anak pokok bakau yang baru ditanam terlalu kecil dan tidak dapat menahan pukulan ombak yang tinggi dan arus laut yang kuat seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**. Semakan lanjut yang dilakukan mendapati garis panduan penanaman pokok bakau khusus bagi penanaman di persisiran pantai untuk tujuan perlindungan ada disediakan. Oleh itu, adalah disarankan agar pihak Jabatan menggunakan kaedah terbaik bagi penanaman di persisiran pantai yang terdedah kepada pukulan ombak yang tinggi dan arus laut yang kuat agar pertumbuhan dan ketahanan pokok yang ditanam akan meningkat.

**Gambar 4.1**

Kayu Pancang Yang Digunakan Untuk Diikat  
Pada Anak Pokok Bakau Yang Baru Ditanam



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Balak, Pasir Panjang  
Tarikh: 2 November 2010

**Gambar 4.2**

Anak Pokok Bakau Yang Hidup  
Semakin Berkurangan Selepas 6 Bulan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Balak, Pasir Panjang  
Tarikh: 12 Mei 2011

- f. Jabatan menyatakan bahawa teknik konvensional masih digunakan bagi penanaman pokok bakau namun teknik inovatif dengan bantuan para penyelidik dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia akan dicuba bagi meningkatkan peratusan pertumbuhan anak pokok bakau. Terdapat pelbagai faktor dalam memastikan agar ketahanan anak pokok bakau dapat dipertingkatkan seperti keadaan tanah, kualiti

tanah, keadaan pasang surut air laut, kaedah tanaman dan spesies anak pokok. Bagaimanapun, ia juga bergantung kepada peruntukan kewangan.

#### **4.4.3.2. Kempen Kesedaran Penduduk Terhadap Kepentingan Hutan Persisiran Pantai Dan Alam Sekitar**

Selain program penanaman bakau di persisiran pantai negara, Jabatan turut menganjurkan kempen kesedaran penduduk terhadap kepentingan hutan persisiran pantai dan alam sekitar. Ia bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan orang awam dan penduduk tempatan bagi menjaga dan memulihara khazanah alam ini terutama hutan paya laut yang telah banyak memberi manfaat kepada kehidupan masyarakat. Adalah didapati Kerajaan Negeri dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO's) seperti Persatuan Nelayan, Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persatuan Belia telah mengadakan kempen kesedaran penduduk terhadap kepentingan hutan persisiran pantai dan alam sekitar. Kempen ini turut disertai oleh penduduk kampung dan murid sekolah bagi membersih dan menanam pokok bakau. Kempen kesedaran yang telah dijalankan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 4.3** dan contoh semasa aktiviti berjalan adalah seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

**Jadual 4.3**  
**Kempen Kesedaran Penduduk Terhadap Kepentingan Hutan**  
**Paya Laut Negeri Sembilan Dengan Kerjasama Jabatan**

Bil.	Lokasi	Tarikh	Anjuran	Penyertaan	Bilangan Peserta
1.	Kg. Balak Pasir Panjang	11.11.2008	Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar Dan Pengaduan Awam	Pelajar Sekolah, Penduduk Tempatan, Kakitangan Jabatan	100
2.	Kg. Tanjung Agas (Cadangan Hutan Simpan Kekal)	24.12.2009	Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar Dan Pengaduan Awam	Persatuan Belia, Kelab Rakan Muda, Persatuan Nelayan Tg. Agas, Kakitangan Jabatan	250
3.	Pantai Cahaya Negeri	19.10.2010	Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar Dan Pengaduan Awam	Persatuan Belia, Pelajar Sekolah, Penduduk Tempatan, Kakitangan Jabatan	300
4.	Pantai Cahaya Negeri	27.11.2010	OISCA Malaysia (Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement), Lanskap Malaysia dan Sekretariat Malaysia Prihatin.	Jabatan Kerajaan, NGO, OISCA Ehime Japan, OISCA Malaysia, Pelajar Sekolah, Penduduk Tempatan, Kakitangan Jabatan	359
<b>Jumlah</b>					<b>1,009</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

**Gambar 4.3**

**Upacara Menandatangani Plak Perasmian  
Program Kempen Kesedaran Penduduk**



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan  
Lokasi: Kg.Tanjung Agas , Port Dickson  
Tarikh: 24 Disember 2009

**Gambar 4.4**

**Peserta Kempen Giat Menanam Anak Pokok  
Bakau Di Kg. Tanjung Agas, Port Dickson**



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan  
Lokasi: Kg.Tanjung Agas, Port Dickson  
Tarikh: 24 Disember 2009

#### **4.4.4. Penilaian Ke Atas Kesedaran Orang Awam Terhadap Kepentingan Hutan Paya Laut**

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik di 4 Jabatan Kerajaan di Negeri Sembilan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan pengurusan hutan paya laut di Negeri Sembilan. Temu bual juga turut dijalankan dengan penduduk tempatan untuk menilai tahap kesedaran penduduk terhadap kepentingan hutan ini kepada masyarakat. Soal selidik ini juga bertujuan untuk menilai usaha Kerajaan Negeri khususnya Jabatan untuk melindungi dan memulihara hutan ini daripada ancaman kepupusan. Daripada 40 borang soal selidik yang diedarkan di 4 Jabatan yang dipilih, 37 borang telah diterima manakala 3 borang tidak dikembalikan. Analisis Audit terhadap soal selidik yang dibuat adalah seperti di **Carta 4.1** yang menunjukkan:

4.4.4.1. 32 responden (86%) menyedari hutan ini berfungsi sebagai zon penampang yang melindungi hakisan pantai daripada ombak dan arus laut yang kuat,


4.4.4.2. 31 responden (84%) mengetahui sumber dari hutan paya laut telah memberi sumbangan kepada ekonomi negeri dan masyarakat dalam industri perikanan serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk. Manakala 22 responden (60%) lagi mengetahui bahawa hutan ini boleh menghasilkan kayu arang dan kayu cerucuk untuk kegunaan tempatan,

4.4.4.3. 18 responden (49%) berpendapat hutan paya laut di Negeri Sembilan telah tercemar kesan daripada aktiviti pembangunan, pelancongan, pembuangan sampah sarap dan sisa bahan buangan domestik,

4.4.4.4. 30 responden (81%) tidak mengetahui bahawa hutan paya laut ini telah dimansuhkan untuk diberi milik kepada orang awam bagi pelbagai tujuan. Manakala 24 responden (65%) tidak bersetuju dengan pemberian tersebut,

4.4.4.5. 18 responden (49%) tidak mengetahui tentang usaha Kerajaan untuk memulihkan hutan ini melalui program penanaman anak pokok bakau di persisiran pantai di Negeri Sembilan.

**Carta 4.1**  
**Maklum Balas Orang Awam Berkenaan Pengurusan Hutan Paya Laut**  
**Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar Di Negeri Sembilan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Petunjuk	Huraian
1	Kewujudan hutan paya laut di Negeri Sembilan yang berfungsi sebagai zon penampakan.
2	Sebagai sumber ekonomi negeri dan memberi peluang pekerjaan.
3	Berfungsi sebagai penghasilan kayu arang dan kayu cerucuk.
4	Pencemaran hutan paya laut akibat dari aktiviti pembangunan dan sebagainya.
5	Terdapat hutan paya laut yang telah diberi milik kepada orang awam.
6	Bersetuju dengan pemberian hutan paya laut kepada orang awam.
7	Usaha kerajaan untuk memulihkan ekosistem pantai dan perlindungan alam sekitar.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, program penanaman pokok bakau sebagai usaha mengayakan semula hutan yang terancam telah dilaksanakan oleh Jabatan dengan baik serta dapat membantu mengurangkan hakisan pantai. Namun teknik penanaman perlu dikaji semula bagi memastikan anak pokok bakau boleh bertahan daripada ombak dan arus yang kuat. Usaha Pihak Berkuasa Negeri dan Jabatan memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat untuk melindungi dan memulihara hutan persisiran pantai haruslah dipuji dan program ini haruslah dipertingkatkan.**

#### 4.4.5. Kesan Aktiviti Manusia Terhadap Hutan Paya Laut

Persisiran pantai Port Dickson sepanjang 57.5 km bermula dari Kuala Sungai Sepang sempadan di Negeri Selangor hingga ke Kuala Linggi yang bersempadan dengan Negeri

Melaka. Tiga kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan paya laut berada di mukim Sepang, Lukut dan Linggi.

#### 4.4.5.1. Hutan Paya Laut Lukut

Hutan Paya Laut Lukut hidup secara semula jadi dari persisiran pantai hingga ke kawasan pedalaman Sungai Kuala Lukut. Mengikut Jabatan, rizab Hutan Simpan Kekal ini telah dimansuhkan sekitar tahun 1980-an untuk tujuan pembangunan bercampur. Lawatan Audit ke kawasan tersebut mendapati:

##### a. Kawasan Tanah Telah Diteroka Untuk Pembangunan

Semakan Audit mendapati kawasan yang diberi milik seluas 225 hektar telah diteroka dan ditambak sebagai tapak perumahan awam dan industri ringan tetapi sebahagian daripadanya tidak diusahakan. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan pada 8 Ogos 2010 bersama pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson mendapati masih wujud kawasan hutan paya laut di sepanjang jaluran sungai menghala ke pedalaman. Ia didominasi oleh pelbagai spesies bakau, berembang, perepat, lenggadai dan lain-lain yang tumbuh secara semula jadi. Kawasan yang telah ditambak untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan awam adalah seperti di **Gambar 4.5**. Sementara saki baki hutan bakau bersebelahan kawasan yang dimajukan yang masih kekal di tebing Sungai Kuala Lukut adalah seperti di **Gambar 4.6**.

**Gambar 4.5**

**Kawasan Hutan Paya Laut Lukut Yang Telah Ditambah Untuk Dimajukan Sebagai Kawasan Perumahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Kuala Lukut  
Tarikh: 8 Ogos 2010

**Gambar 4.6**

**Hutan Paya Laut Tumbuh Secara Semula Jadi Di Sepanjang Tebing Sungai**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Kuala Lukut  
Tarikh: 8 Ogos 2010

##### b. Kawasan Telah Diteroka Menjadi Kolam Terbiar

Dari bahagian muara Sungai Kuala Lukut hingga ke persisiran pantai pula terdapat kawasan kolam ternakan udang yang terbiar. Pihak Audit mendapati tapak kawasan kolam ini adalah kawasan persisiran pantai berlumpur yang mengalami air pasang surut dan merupakan habitat semula jadi hutan paya laut. Lawatan Audit pada 8

Ogos 2010 mendapati kolam tersebut terbiar dan tidak diusahakan. Penerokaan ini bukan sahaja telah merosakkan ekosistem pantai yang menyebabkan kehilangan spesies bakau, tempat perlindungan dan pembiakan hidupan akuatik malahan telah mengubah landskap pantai daripada kawasan hutan paya kepada kawasan lapang. Pemandangan satelit kawasan Hutan Paya Laut Lukut yang diberi milik sebagai kolam ternakan udang dan satu daripada puluhan kolam udang yang terbiar di kawasan hutan paya laut ini adalah seperti di **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

**Gambar 4.7**  
**Imej Satelit Bekas Kolam Ternakan**  
**Udang Di Kuala Sungai Lukut**



Sumber: Enjin Carian Google  
Lokasi: Kuala Sungai Lukut  
Tarikh Carian: 19 Ogos 2010

**Gambar 4.8**  
**Bekas Kolam Ternakan Udang Yang**  
**Terbiar Di Kuala Sungai Lukut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Lukut  
Tarikh: 9 Ogos 2010

Pada pendapat Audit, kawasan hutan paya laut ini bukan sahaja telah mengalami kerosakan ekosistem pantai malahan telah mengganggu tempat perlindungan dan pembiakan hidupan akuatik. Usaha pemuliharaan semula kawasan ini tidak dapat dilakukan kerana ia telah menjadi milik awam kecuali Kerajaan Negeri mengambil semula kawasan yang tidak dibangunkan.

#### 4.4.6. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Linggi

4.4.6.1. Lawatan Audit pada 2 November 2010 ke Kuala Sungai Linggi mendapati Projek Rancangan Tebatan Banjir telah dilaksanakan di muara Sungai Linggi. Projek ini adalah di bawah RMKe-9 dan dilaksanakan mulai 10 November 2008 dan disiapkan sepenuhnya pada bulan November 2009. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan bertanggungjawab melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Linggi bagi membersih, melebar dan mendalamkan dasar sungai sepanjang 10 km di bahagian muara sungai dengan kos projek berjumlah RM8.5 juta. Ianya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di beberapa kawasan rendah seperti Mukim Rantau, Linggi, Kuala Sawah dan sekitar lembangan sungai.

4.4.6.2. Lawatan Audit juga mendapati kawasan tapak projek ini adalah merupakan sebahagian daripada kawasan Hutan Paya Laut Linggi yang didominasi oleh spesies berembang dan nipah. Kawasan ini adalah merupakan kawasan tumpuan habitat kelip-

kelip, buaya dan bangau di Pengkalan Kempas yang menjadi daya tarikan pelancong ke Sungai Linggi. Kerja mendalamkan dasar sungai oleh kontraktor yang dilantik dibuat melalui kaedah sedutan atau ‘*dredging pump*’ telah memberi kesan negatif kepada sumber perikanan dan mengganggu eko-sistem sungai yang menjadi tempat pembiakan dan tumbesaran hidupan akuatik. Bagaimanapun, pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan telah mengarahkan agar kontraktor yang menjalankan Projek Rancangan Tebatan Banjir ini untuk menanam kembali tumbuhan pokok nipah dan berembang seperti mana syor Kerajaan Negeri dalam memastikan eko-sistem sungai terpelihara. Selain itu, kerja pengorekan sungai ini telah mewujudkan longgokan pasir di tebing sungai. Ini berpunca daripada kelewatan pelantikan kontraktor yang bertanggungjawab mengeluar, memindah dan mengangkat pasir sungai tersebut. Kesan daripada kelewatan pelantikan menyebabkan longgokan pasir memasuki kawasan pokok bakau dan memusnahkan pokok bakau. Aktiviti pengorekan pasir yang dibuat melalui kaedah ‘*dredging pump*’ dan longgokan pasir yang terhasil dari sedutan tersebut adalah seperti di **Gambar 4.9** hingga **Gambar 4.12**.

**Gambar 4.9**  
**Pengorekan Pasir Dasar Sungai Linggi Dibuat Melalui ‘Dredging Pump’ Yang Dilonggokkan Di Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan  
Lokasi: Lembangan Sungai Linggi, Port Dickson  
Tarikh: 15 Disember 2009

**Gambar 4.10**  
**Longgokan Pasir Di Tebing Sungai Menyebabkan Kemusnahaan Pokok Bakau**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan  
Lokasi: Lembangan Sungai Linggi, Port Dickson  
Tarikh: 15 Disember 2009

**Gambar 4.11**  
**Pokok Yang Telah Mati Akibat Timbunan Pasir Di Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lembaran Sungai Linggi  
Tarikh: 2 November 2010

**Gambar 4.12**  
**Pokok Yang Telah Mati Di Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lembaran Sungai Linggi  
Tarikh: 2 November 2010

4.4.6.3. Jabatan memaklumkan, longgokan pasir di tebing Sungai Linggi hanya terdapat setempat dan ianya tidak menyebabkan berlakunya kemasuhan hidupan paya laut terutama pokok bakau di tebing sungai tersebut. Selain itu, kontraktor yang menjalankan projek ini telah mengambil tindakan menanam semula 3,000 pokok berembang dan 1,500 pokok nipah. Jabatan juga turut menanam anak pokok bakau di kawasan tersebut pada tahun 2010.

**Pada pendapat Audit, Projek Rancangan Tebatan Banjir yang dilaksanakan adalah baik bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku. Bagaimanapun, kaedah pelaksanaan yang dilakukan tidak dirancang dengan teliti sehingga menyebabkan berlaku kemasuhan hidupan paya laut di tebing sungai tersebut.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Kerajaan Negeri perlu mengambil inisiatif untuk melindungi hutan persisiran pantai yang masih ada di Negeri Sembilan. Hutan yang unik ini bukan sahaja bertindak sebagai pemecah ombak untuk mengurangkan kadar hakisan, melindungi hidupan akuatik dan mamalia kecil serta mengimbangi kadar oksigen di atmosfera dan mengekalkan ekosistem pantai malahan ia penting untuk menjamin keselamatan awam dan kesejahteraan penduduk setempat. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Pihak Berkuasa Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu memastikan semua hutan persisiran rizab pantai dan sungai di Negeri Sembilan dilindungi daripada sebarang aktiviti yang boleh mengancam ekosistem pantai, flora dan fauna serta kestabilan alam sekitar di samping mengekalkan keindahan hutan ini sebagai daya tarikan pelancong dan warisan generasi akan datang.

4.5.2. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu mengenal pasti mana-mana kawasan berhutan tanah Kerajaan yang lain untuk menggantikan semula Hutan Simpan Kekal yang telah dibatalkan. Ia selaras dengan Seksyen 12, Akta Perhutanan Negara 1984 yang menghendaki Pihak Berkuasa Negeri mengganti kawasan tanah yang dikeluarkan, satu kawasan yang lebih kurang sama luasnya sebagai Hutan Simpan Kekal.

4.5.3. Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir oleh Kerajaan Negeri perlu mengambil kira prosedur yang sesuai agar tidak menjejaskan hutan paya laut dan hidupan akuatik di sepanjang sungai.

4.5.4. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu mengenal pasti cara penanaman anak pokok bakau yang lebih berkesan bagi memastikan anak pokok dapat bertahan dari pukulan ombak.

4.5.5. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan perlu meneruskan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat dan penduduk setempat akan kepentingan hutan ini untuk melindungi persisiran pantai.

4.5.6. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan koordinasi antara Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhilitan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang lain bagi memantau dan menyelia kawasan hutan paya laut daripada aktiviti yang dilarang.

## **PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

### **5. PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN (PROGRAM KHAS)**

#### **5.1. LATAR BELAKANG**

5.1.1. Program Khas ini merupakan program pembasmian kemiskinan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mengeluarkan golongan miskin daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari serta menikmati kehidupan yang lebih selesa menjelang akhir RMKe-9 iaitu membasi kemiskinan tegar dan sasaran 2.8% kemiskinan keseluruhan. Program Khas ini hanya mendapat peruntukan bagi tempoh 2008 hingga 2009 berjumlah RM8.34 juta. Peruntukan tersebut telah disalurkan untuk 22 projek. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri berperanan menyelaras program tersebut sementara Pejabat Daerah Dan Tanah sebagai Agensi Pelaksana. Manakala Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar dilantik sebagai Agensi Teknikal dalam memberi khidmat nasihat. *Focus Group* diwujudkan di peringkat daerah dan negeri bagi memudahkan pemantauan jumlah golongan miskin sekali gus diharap dapat memantau keberkesanan setiap projek.

5.1.2. Melalui program ini, terdapat 2 kaedah dalam mengagihkan peruntukan kepada golongan miskin (selepas ini disebut peserta) iaitu:

5.1.2.1. Pemberian dividen kepada peserta di mana pengusaha dilantik dan diberi modal permulaan bagi mengusahakan sesuatu projek ternakan/tanaman. Tapak projek adalah tanah Kerajaan dan peruntukan program digunakan untuk penyediaan infrastruktur, baja, benih dan racun. Sebahagian hasil jualan akan diberi kepada peserta secara tunai setiap bulan. Peserta tidak terikat dalam menjalankan projek.

5.1.2.2. Peserta diberikan bantuan permulaan untuk melaksanakan projek ternakan/tanaman di tanah milik sendiri atau menumpang di tanah saudara mara. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk membantu peserta memperoleh pendapatan bulanan yang tetap dan melangkaui Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

#### **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Pembasmian Kemiskinan (Program Khas) telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

#### **5.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan program bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 yang melibatkan 10 daripada 22 projek dengan peruntukan RM6.67 juta. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan 5 Agensi Pelaksana iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Seremban, Tampin, Rembau, Kuala Pilah dan Jelebu. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan mengkaji maklumat berdasarkan data, rekod dan dokumen

berkaitan. Lawatan juga dilakukan ke tapak pelaksanaan projek dan rumah peserta yang terlibat. Selain itu, soal selidik dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan projek serta peserta dilakukan bagi mendapat pandangan dan maklum balas keberkesanan projek. Sepuluh projek yang dilawati adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Senarai Sampel Program Khas ICU JPM**

Bil.	Nama Projek	Agenzi Pelaksana	Projek/Dividen	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Ternakan Lembu Fidlot	PDT Tampin	Dividen	3,478,000
2.	Ternakan Lembu Tenusu	PDT Kuala Pilah	Dividen	950,000
3.	Ternakan Ikan Tilapia Merah	PDT Jelebu	Dividen	700,000
4.	Ternakan Kambing	PDT Jelebu	Dividen	370,000
5.	Ternakan Ikan Air Tawar (Keli)	PDT Rembau	Dividen	370,000
6.	Ternakan Ikan Keli Dalam Tangki	PDT Seremban	Dividen	270,000
7.	Tanaman Limau Kasturi	PDT Jelebu	Dividen dan Projek	220,000
8.	Tanaman Cili Fertigasi	PDT Rembau	Projek	112,618
9.	Tanaman Cili Fertigasi	PDT Seremban	Projek	100,000
10.	Ternakan Ayam Kampung	PDT Kuala Pilah	Projek	100,000
<b>Jumlah</b>				<b>6,670,618</b>

Sumber: Rekod PPPN

#### 5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan (Program Khas) secara keseluruhannya kurang memuaskan. Walaupun Kerajaan Negeri Sembilan mencapai sasaran di bawah 2.8% kadar kemiskinan pada akhir tahun 2010 namun prestasi Program Khas ini dilihat kurang menyumbang bagi membantu pembasmian kemiskinan. Semakan ke atas 10 projek yang mendapat peruntukan RM6.67 juta tidak memberi kesan positif untuk membasmi kemiskinan kerana 7 daripada 10 projek menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan bagi membantu menjana pendapatan. Memorandum Persefahaman (MOU) tidak melindungi kepentingan Kerajaan dan terdapat pengusaha yang tidak komited. Sementara 4 daripada 7 projek yang diberi kepada pengusaha tidak dapat menjana dividen yang konsisten dan dividen terlalu rendah dan dividen tidak diagihkan secara berkala oleh Agenzi Pelaksana. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti berikut:

##### 5.4.1. Prestasi Projek Tidak Memuaskan

Program Khas ini bertujuan untuk mengeluarkan golongan miskin daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari serta menikmati kehidupan yang lebih selesa menjelang akhir RMKe-9. Oleh itu peruntukan yang dikeluarkan diharap dapat menjana pendapatan bagi membantu golongan miskin. Semakan Audit mendapati 7 daripada 10 projek yang dipilih menghadapi pelbagai masalah sehingga menjaskan hasil yang sepatutnya dijana daripada projek ini seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Senarai Projek Yang Mengalami Prestasi Yang Tidak Memuaskan**

Bil.	Projek/ Tarikh Mula	Agensi Pelaksana/ Peruntukan	Masalah
1.	Ternakan Ikan Air Tawar (Ikan Keli) 3.8.2008	PDT Rembau RM370,000	Peruntukan digunakan untuk infrastruktur, benih dan makanan ikan untuk permulaan. Pengusaha pertama hanya membayar sewa untuk 8 bulan sebelum menarik diri kerana masalah kewangan. Pengusaha kedua membayar sewa untuk 2 bulan juga telah menarik diri dan menyebabkan PDT Rembau perlu mencari pengusaha baru.
2.	Ternakan Ikan Keli Dalam Tangki 16.10.2009	PDT Seremban RM270,000	Peruntukan digunakan untuk infrastruktur, benih dan makanan ikan untuk permulaan. Pengusaha hanya membayar dividen untuk 2 bulan sejumlah RM4,300 dan mendakwa gagal memasarkan ikan yang telah matang. Pengusaha ditamatkan oleh PDT Seremban pada 1 Disember 2010 dan perlu mencari pengusaha baru untuk menyewa tapak.
3.	Tanaman Cili Fertigasi 22.10.2008	PDT Rembau RM112,618	Peruntukan habis guna untuk pusingan pertama. Penanaman pusingan kedua, Pejabat Pertanian Daerah Rembau memberi bantuan baja dan anak benih. Hanya 4 daripada 14 peserta berjaya ke pusingan ketiga.
4.	Tanaman Cili Fertigasi 16.4.2009	PDT Seremban RM100,000	Peruntukan habis guna untuk pusingan pertama. Penanaman pusingan kedua, peserta diserahkan kepada Pejabat Pertanian Daerah Seremban untuk mendapat bantuan baja dan anak benih.
5.	Ternakan Kambing 4.12.2008	PDT Jelebu RM370,000	Kambing yang dijaga pengusaha mendapat penyakit <i>Brucella Melintensis</i> menyebabkan daripada 208 ekor kambing cuma 16 ekor masih hidup namun perlu dilupuskan atas nasihat Pejabat Perkhidmatan Veterinar setakat 31.03.2011 dan sejumlah RM10,200 sahaja yang dibayar sebagai dividen setakat ini.
6.	Jus Limau Kasturi 8.1.2009	PDT Jelebu RM220,000	Buah limau kasturi tidak mencapai kualiti untuk diproses menjadi jus menyebabkan pengeluaran jus terhad, oleh itu dividen hanya dibayar sekali oleh pengusaha pada tahun 2009 sejumlah RM5,000.
7.	Ternakan Ayam Kampung (Kacukan Ipoh) 29.6.2009	PDT Kuala Pilah RM100,000	Peserta mendakwa ayam diserang penyakit, makanan ayam mahal dan harga jualan rendah berbanding ayam kampung biasa. Akhirnya cuma 4 daripada 10 peserta meneruskan projek pada 31.12.2010.

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Berkaitan

5.4.1.1. Daripada 10 projek diaudit, 3 projek yang dilaksanakan oleh pengusaha dilihat berjaya kerana dapat menjana dividen seperti yang dijanjikan dalam MOU setakat 31 Disember 2010 seperti berikut:

#### a. Ternakan Lembu Tenuusu

Projek ternakan ini diberi peruntukan sejumlah RM950,000 telah dimulakan pada 5 November 2009 di bawah pemantauan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah.

Projek ini telah dapat menjana dividen dari Julai hingga Disember 2010 sejumlah RM14,400.

**b. Ternakan Ikan Tilapia Merah**

Projek ternakan ini diberi peruntukan sejumlah RM700,000 telah dimulakan pada November 2009 di bawah pemantauan Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu. Projek ini telah dapat menjana dividen dari Jun hingga Disember 2010 sejumlah RM112,618.

**c. Ternakan Lembu Fidlot**

Projek ternakan ini diberi peruntukan sejumlah RM3,478,000 telah dimulakan pada 29 Mei 2009 di bawah pemantauan Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin. Projek ini telah dapat menjana dividen dari April hingga Disember 2010 sejumlah RM234,780.

5.4.1.2. Semakan Audit terhadap 7 projek bermasalah adalah seperti berikut:

**a. Projek Ternakan Ikan Air Tawar (Ikan Keli) Daerah Rembau**

Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau dan pengusaha pertama telah menandatangani MOU pada 17 September 2009 untuk tempoh 3 tahun. Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau memaklumkan pengusaha pertama dipilih berdasarkan pengalaman dalam bidang penternakan air tawar bagi tempoh lebih 5 tahun dan dicadangkan oleh Pejabat Perikanan Daerah Rembau. Bagaimanapun pengusaha pertama telah menarik diri pada bulan April 2010 setelah melaksanakan projek selama 8 bulan dengan alasan mengalami masalah kewangan. Seterusnya pada 2 September 2010 satu MOU telah ditandatangani antara pengusaha kedua dan Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau untuk tempoh 3 tahun. Pengusaha ini hanya dipilih melalui hebahan kepada orang ramai. Pengusaha kedua ini menarik diri mulai penghujung bulan Oktober 2010 selepas 2 bulan melaksanakan projek dengan alasan tiada rakan kongsi.

**b. Projek Ternakan Ikan Keli Dalam Tangki Daerah Seremban**

Projek yang mendapat peruntukan RM270,000 ini telah dimulakan pada 16 Oktober 2009. Pengusaha hanya membayar dividen untuk tempoh 2 bulan berjumlah RM4,300. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah menamatkan MOU dengan pengusaha pada 1 Disember 2010 kerana pengusaha gagal membayar dividen yang dijanjikan. Lawatan Audit pada 4 November 2010 ke tapak projek mendapati ikan keli diternak di dalam kolam simen dan beberapa kolam dalam keadaan kotor dan berbau. Pengusaha mendakwa ikan keli yang telah matang tidak dapat dijual kerana gagal mencari pasaran. Ternakan ikan keli yang telah diusahakan adalah seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**.

**Gambar 5.1**  
**Keadaan Kolam Ternakan Ikan Keli Yang Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ikan Keli  
Dalam Tangki Daerah Seremban

Tarikh: 4 November 2010

**Gambar 5.2**  
**Ternakan Ikan Keli Yang Telah Matang Tetapi Tidak Dapat Dijual**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ikan Keli  
Dalam Tangki Daerah Seremban

Tarikh: 4 November 2010

### c. Projek Tanaman Cili Fertigasi Daerah Rembau

Pengusaha dilantik oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau untuk membekalkan peralatan benih dan baja kepada 14 peserta dengan peruntukan keseluruhan RM112,618 mulai 22 Oktober 2008. Hasil daripada jualan tuaian musim pertama sejumlah RM700 bagi setiap peserta akan disimpan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau bagi modal pusingan untuk tuaian musim kedua dan seterusnya. Bagi peserta yang tidak mempunyai simpanan yang cukup, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau mendapatkan bantuan baja dari Pejabat Pertanian Daerah Rembau untuk menampung keperluan tanaman peserta kerana baja yang dibekalkan oleh pengusaha lebih mahal harganya. Namun bekalan baja tersebut berbeza kualitinya berbanding baja yang dibekalkan oleh pihak pengusaha menyebabkan hasil tanaman kurang berkualiti dan mudah diserang penyakit. Semakan Audit mendapati hanya 6 daripada 14 peserta projek dapat meneruskan tanaman ke musim tuaian kedua dan hanya 4 daripada 6 peserta tersebut berjaya sehingga ke musim tuaian ketiga. Penarikan diri peserta menyebabkan pembaziran peralatan dan terpaksa diambil semula oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau. Peralatan yang terbiar di Daerah Rembau apabila peserta menarik diri semasa lawatan Audit adalah seperti di Gambar 5.3 hingga Gambar 5.6.

**Gambar 5.3**  
**Peralatan Yang Terbiar**  
**Apabila Peserta Menarik Diri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Tanaman Cili Fertigasi,  
Kampung Penajis, Rembau  
Tarikh: 31 Oktober 2010

**Gambar 5.5**  
**Peralatan Yang Terbiar**  
**Apabila Peserta Menarik Diri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Tanaman Cili Fertigasi,  
Kampung Rendah, Rembau  
Tarikh: 31 Oktober 2010

**Gambar 5.4**  
**Peralatan Yang Terbiar**  
**Apabila Peserta Menarik Diri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Tanaman Cili Fertigasi,  
Kampung Rendah, Rembau  
Tarikh: 31 Oktober 2010.

**Gambar 5.6**  
**Peralatan Yang Terbiar**  
**Apabila Peserta Menarik Diri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Tanaman Cili Fertigasi,  
Kampung Baru Semin Lubok China, Rembau  
Tarikh: 27 Oktober 2010

#### d. Projek Tanaman Cili Fertigasi Daerah Seremban

Projek yang mendapat peruntukan RM100,000 ini dilaksanakan sendiri oleh 10 peserta melalui pengusaha mulai 16 April 2009. Pengusaha yang dilantik oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban ini bertanggungjawab membekalkan peralatan, anak benih dan baja kepada setiap peserta bagi tempoh satu musim tuaian. Menurut Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, hasil yang diperolehi oleh peserta selepas musim tanaman pertama tidak dapat menampung modal bagi tuaian yang berikutnya. Bagi meneruskan kesinambungan projek, peserta telah diserahkan kepada Pejabat Pertanian Daerah Seremban untuk dibekalkan anak benih dan baja bagi musim tuaian berikutnya mulai 1 Januari 2010. Namun, bekalan anak benih dan

baja yang berbeza menyebabkan hasil tanaman kurang berkualiti dan mudah diserang penyakit. Bagaimanapun, mengikut pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, hasil tuaian yang berkurangan adalah disebabkan oleh kelemahan serta kurangnya penjagaan serta tumpuan oleh peserta sendiri.

#### e. Projek Ternakan Kambing Daerah Jelebu

Peruntukan sejumlah RM370,000 disalurkan bagi projek ini. Pengusaha dibekalkan dengan kemudahan infrastruktur dan 8 ekor kambing jantan kacukan boer serta 200 ekor kambing induk betina dan projek bermula bulan Disember 2008. Nota penghantaran bertarikh 4 dan 5 Disember 2008 daripada pembekal menunjukkan wakil Pegawai Veterinar Daerah telah mengesahkan bahawa 200 ekor kambing yang dibekalkan dalam keadaan memuaskan. Bagaimanapun mengikut laporan yang disediakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu, kematian mendadak bermula pada bulan Julai hingga September 2010 berpunca daripada serangan penyakit *Brucella Melintensis*. Menurut laporan Pejabat Perkhidmatan Veterinar, penyakit ini tidak boleh dirawat sebaliknya kambing perlu dilupuskan kerana membahayakan ternakan lain dan boleh menjangkiti manusia. Baki kambing yang masih hidup setakat 31 Mac 2011 cuma 16 ekor dan sedang dikuarantin bagi dilupuskan atas nasihat Pejabat Perkhidmatan Veterinar. Tulang ternakan kambing yang telah disingkirkan bagi projek ini adalah seperti di **Gambar 5.7** dan **Gambar 5.8**.

**Gambar 5.7**  
Tulang Ternakan Kambing Yang Telah  
Disingkirkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Kambing,  
Kampung Petaseh Hilir, Jelebu  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 5.8**  
Tulang Ternakan Kambing Yang Telah  
Disingkirkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Kambing,  
Kampung Petaseh Hilir, Jelebu  
Tarikh: 23 November 2010

#### f. Projek Jus Limau Kasturi Daerah Jelebu

Peruntukan sebanyak RM220,000 telah disalurkan bagi projek ini. MOU telah ditandatangani di antara Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu dengan pengusaha pada 21 Mei 2009. Sejumlah RM107,983 digunakan bagi perbelanjaan menyediakan infrastruktur serta membekal dan menanam 800 anak pokok limau kasturi termasuk kerja penyediaan tapak, memagar dan penjagaan tanaman kepada pengusaha. Baki


peruntukan sejumlah RM112,017 telah digunakan untuk perbelanjaan membeli barang keperluan bagi proses pembuatan jus limau kasturi sehingga siap untuk diedarkan. Semakan Audit di premis memproses jus mendapat tiada rekod pengeluaran diselenggara. Oleh itu pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah pengeluaran yang dihasil oleh pengusaha. Dividen yang dibayar cuma RM5,000 dan tiada dividen bagi tahun 2010. Mengikut temu bual dengan pengusaha, pasaran jus limau kasturi terhad di daerah Jelebu sahaja. Menurut maklum balas Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu, bekalan limau kasturi terhad kerana gred buah yang ditanam tidak mencapai kualiti yang diperlukan untuk diproses menjadi jus. Produk jus limau kasturi yang dihasilkan dan tanaman limau kasturi yang diusahakan adalah seperti di **Gambar 5.9** dan **Gambar 5.10**.

**Gambar 5.9**  
Produk Jus Limau Kasturi Yang Dikeluarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Pembuatan Jus Limau Kasturi,  
Di Balai Raya Kampung Kemin, Jelebu  
Tarikh: 7 Disember 2010

**Gambar 5.10**  
Tanaman Limau Kasturi Yang Diusahakan  
Di Rumah Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Tanaman Limau Kasturi,  
Kampung Tembon, Kuala Klawang  
Tarikh: 7 Disember 2010

#### **g. Projek Ternakan Ayam Kampung Daerah Kuala Pilah**

Peruntukan berjumlah RM100,000 di mana sejumlah RM10,000 diperuntukkan bagi setiap peserta untuk reban, bekalan makanan dan anak ayam sebanyak 250 ekor pada pusingan pertama dan pusingan kedua. Seramai 10 peserta terpilih pada November 2009 untuk menternak ayam di rumah masing-masing dan bertanggungjawab untuk memasarkan ternakan mereka. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah memaklumkan 3 peserta menarik diri selepas pusingan pertama. Lawatan Audit pada 9 dan 10 November 2010 mendapat 3 daripada 7 peserta telah gagal meneruskan projek ke Fasa 2 kerana serangan penyakit sampar yang menyebabkan kematian ternakan ayam. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah memaklumkan ada membuat pemantauan dan memberi khidmat nasihat kepada peserta bersama Pejabat Perkhidmatan Veterinar, bagaimanapun penyakit sampar tidak dapat dielakkan kerana ianya adalah bawaan udara (*airborne*). Lima peserta yang ditemu bual menjelaskan pendapatan yang diperolehi hasil jualan ayam tidak dapat menampung kos makanan ayam yang tinggi. Selepas teguran Audit Pejabat

Daerah Dan Tanah Kuala Pilah memaklumkan mereka tidak mempunyai pilihan peserta selain daripada yang tersenarai dalam eKasih. Sehubungan itu, mentaliti dan daya usaha sedia ada peserta terpaksa diterima seadanya. Empat daripada 7 lokasi ternakan ayam yang dilawati pihak Audit adalah seperti di **Gambar 5.11** hingga **Gambar 5.14**.

**Gambar 5.11**  
Keadaan Ayam Yang Diserang  
Penyakit Sampar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ayam Kampung  
Kampung Juasseh Tengah, Kuala Pilah  
Tarikh: 10 November 2010

**Gambar 5.12**  
Keadaan Reban Ayam Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ayam Kampung  
Kampung Senaling, Kuala Pilah  
Tarikh: 10 November 2010.

**Gambar 5.13**  
Keadaan Reban Ayam Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ayam Kampung  
Kampung Guntur, Tengkek, Kuala Pilah  
Tarikh: 10 November 2010

**Gambar 5.14**  
Keadaan Reban Ayam Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek Ternakan Ayam Kampung  
Kampung Dioh, Senaling, Kuala Pilah  
Tarikh: 10 November 2010

Pada pendapat Audit, prestasi projek yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana tidak memberi hasil yang diharapkan atas sebab pelbagai masalah seperti pengusaha yang tidak komited untuk menjayakan projek dan peserta yang kurang berusaha melaksanakan projek walaupun diberi bantuan. Kegagalan projek menyumbang kepada kegagalan program dan pembaziran peruntukan Kerajaan.

#### 5.4.2. MOU Tidak Melindungi Kepentingan Kerajaan

Perjanjian perlu disediakan oleh Agensi Pelaksana untuk mengikat pengusaha agar melaksanakan projek dan dapat memberi imbuhan yang ditetapkan kepada peserta sebagai sasaran untuk membasmi kemiskinan. Kaedah untuk mengikat pengusaha dalam melaksanakan projek tidak dibuat melalui perjanjian tetapi hanya melalui Memorandum Persefahaman (MOU) yang tidak dapat dikuatkuasakan di sisi undang-undang apabila berlaku pelanggaran terma di salah satu pihak. Semakan Audit mendapat:

5.4.2.1. Sembilan daripada 10 projek yang disemak, memerlukan MOU kerana melibatkan pengusaha, sementara satu projek iaitu Ternakan Ayam Kampung adalah projek pemberian terus kepada peserta. Setakat 31 Disember 2010, cuma 7 projek sahaja yang mempunyai MOU manakala projek Ternakan Ikan Tilapia Merah masih dalam proses penyediaan MOU walaupun projek dimulakan pada November 2009 berdasarkan laporan kemajuan pengusaha. Sementara satu lagi projek iaitu Tanaman Cili Fertigasi di Daerah Seremban telah dilaksanakan mulai 16 April 2009 berdasarkan tarikh pembelian peralatan tetapi tiada MOU disediakan sehingga projek tamat dengan pengusaha tersebut pada Disember 2009. Maklumat 9 projek yang diaudit berbanding penyediaan MOU adalah seperti di **Jadual 5.3.**

**Jadual 5.3  
Status Penyediaan MOU Bagi Program Khas ICU JPM Setakat 31 Disember 2010**

Bil.	Nama Projek	Agensi Pelaksana	Tarikh MOU	Jumlah Peruntukan (RM)	Status Penyediaan MOU
1.	Ternakan Lembu Fidlot	PDT Tampin	21.12.2009	3,478,000	✓
2.	Ternakan Lembu Tenusu	PDT Kuala Pilah	5.11.2009	950,000	✓
3.	Ternakan Ikan Tilapia Merah	PDT Jelebu	-	700,000	Dalam Proses
4.	Ternakan Kambing	PDT Jelebu	18.12.2008	370,000	✓
5.	Ternakan Ikan Air Tawar (Keli)	PDT Rembau	17.9.2009	370,000	✓
6.	Ternakan Ikan Keli Dalam Tangki	PDT Seremban	21.7.2010	270,000	✓
7.	Tanaman Limau Kasturi	PDT Jelebu	21.5.2009	220,000	✓
8.	Tanaman Cili Fertigasi	PDT Rembau	22.10.2008	112,618	✓
9.	Tanaman Cili Fertigasi	PDT Seremban	-	100,000	✗
Jumlah				<b>6,570,618</b>	

Sumber: Rekod PPPN

5.4.2.2. Semakan Audit mendapati terma untuk MOU tidak ditetapkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, terserah kepada Agensi Pelaksana untuk menyediakannya. Oleh itu terma yang digunakan tidak seragam dan terma untuk menjamin kepentingan Kerajaan seperti Wang Jaminan Pelaksanaan tidak diwajibkan. Analisis terma MOU bagi 6 projek dengan pengusaha adalah seperti di **Jadual 5.4.**

**Jadual 5.4**  
**Terma MOU Bagi 6 Projek Dengan Pengusaha**

Bil.	Terma Terkandung Dalam MOU	Senarai Projek					
		Ternakan Ikan Keli Daerah Seremban	Tanaman Cili Fertigasi Daerah Rembau	Ternakan Ikan Air Tawar (Keli) Daerah Rembau	Ternakan Lembu Tenusu Daerah Kuala Pilah	Jus Limau Kasturi Daerah Jelebu	Ternakan Kambing Daerah Jelebu
1.	Tarikh MOU Ditandatangani	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Pihak Yang Terlibat	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Tafsiran	✓	✗	✗	✓	✓	✓
4.	Tempoh MOU	✓	✗	✓	✓	✓	✓
5.	Pembaharuan MOU	✓	✗	✓	✓	✓	✓
6.	Tanggungjawab Kerajaan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Tanggungjawab Pengusaha	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8.	Kos	✓	✓	✗	✓	✓	✓
9.	<b>Wang Jaminan Pelaksanaan</b>	✓	✗	✗	✗	✗	✗
10.	Elaun Peserta	TB	TB	✓	✓	TB	TB
11.	Pembahagian Keuntungan	✓	TB	TB	✓	✓	✓
12.	Ada Rekod Kewangan	✗	✗	✗	✓	✓	✓
13.	Perpindahan Hak Milik	✓	TB	TB	✓	✓	✓
14.	Hak Milik Peralatan, Bahan Dan Ternakan	✓	TB (peralatan dengan peserta)	✓	✓	✓	✓
15.	<i>Force Majeure</i>	✓	✗	✓	✓	✗	✓
16.	Jawatankuasa Pemantau	✓	✗	✗	✓	✓	✓
17.	Pengeluaran Notis	✓	✗	✗	✓	✓	✓
18.	Duti Setem	✗	✗	✗	✓	✓	✓

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Berkaitan

Nota: ✓ = Ada  
✗ = Tiada

5.4.2.3. Semakan Audit mendapati MOU bagi projek Ternakan Ikan Air Tawar (Keli) di Rembau tiada dikenakan Wang Jaminan Pelaksanaan kepada pengusaha. Sejumlah 50 tangki disediakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau untuk ternakan ini di tanah milik Kerajaan. Benih dan makanan ikan disediakan oleh Kerajaan kepada pengusaha dan peserta untuk musim tuaian pertama. Pengusaha diberi tanggungjawab menjaga 40 tangki dan 10 peserta diberi satu tangki setiap orang. MOU ditandatangani pada 17 September 2009 bagi tempoh 3 tahun di mana pengusaha dikenakan sewa tapak RM2,500 sebulan mulai Ogos 2009 dan akan membeli hasil daripada 10 peserta dengan harga RM3.50 sekilogram. Berdasarkan anggaran sasaran hasil seperti di MOU berkenaan, setiap tangki boleh menghasilkan 400kg ikan dewasa, oleh itu pengusaha boleh mendapat RM56,000 (400kg x 40 tangki x RM3.50) bagi satu musim tuaian yang dijangkakan selama 6 bulan. Pengusaha didapati melaksanakan projek ini selama 8 bulan (Ogos 2009 hingga Mac 2010) walaupun MOU menetapkan tempoh sewa 3 tahun dengan alasan mengalami masalah kewangan. Pengusaha menarik diri tanpa dikenakan sebarang tindakan kerana MOU tidak menetapkan wang jaminan dan tiada syarat yang lebih ketat dikenakan jika pengusaha menarik diri lebih awal. Projek ini tidak mendapat pulangan balik yang setimpal kerana bayaran sewa yang diterima daripada pengusaha cuma berjumlah RM20,000 berbanding dengan peruntukan yang dikeluarkan oleh

Kerajaan sejumlah RM370,000 yang mana termasuklah anak benih dan makanan ikan kepada pengusaha untuk tuaian pertama. Maklum balas yang diterima daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau menyatakan tiada contoh MOU untuk panduan.

5.4.2.4. Bagi projek Ternakan Ikan Keli di Seremban pula walaupun MOU mempunyai terma Wang Jaminan Perlaksanaan, ianya hanya 1% (RM2,378) daripada kos projek bernilai RM237,800. Peruntukan yang diberi bagi projek ini bernilai RM270,000. MOU ditandatangani pada 21 Julai 2010 bagi tempoh 2 tahun dengan pengusaha. Pembinaan kolam ikan dan peralatan menggunakan peruntukan yang disediakan untuk projek ini. Pengusaha telah membekalkan anak benih ikan pada 21 Oktober 2009 dengan menggunakan peruntukan yang diberi. MOU menetapkan pengusaha perlu membayar dividen minimum RM2,150 sebulan dan bayaran yang diterima cuma untuk 2 bulan (Julai dan Ogos 2010). Mulai September 2010 pengusaha gagal membayar dividen sehingga Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban menamatkan MOU dengan pengusaha pada 1 Disember 2010.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan MOU dan bukannya surat perjanjian serta tanpa wang jaminan dan syarat-syarat yang longgar telah menyebabkan pengusaha projek hanya bekerjasama dalam tempoh yang menguntungkan mereka sahaja. Seterusnya menyebabkan pembaziran ke atas peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan serta tidak dapat mencapai objektif projek yang dijalankan bagi membantu pembasmian kemiskinan.**

#### **5.4.3. Pemberian Dividen Oleh Pengusaha Tidak Memuaskan**

Tujuh daripada 10 projek yang diaudit melibatkan pemberian dividen oleh pengusaha sebagai pihak yang menjayakan projek. Peruntukan disalurkan kepada pengusaha bagi menyediakan infrastruktur dan kelengkapan projek supaya dapat memberi pulangan hasil. Keuntungan daripada projek akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui di antara Pengusaha, Peserta dan Pejabat Daerah Dan Tanah. Peserta tidak terlibat dalam pelaksanaan projek ternakan atau tanaman. Peserta yang terpilih bagi menerima dividen ini bukanlah individu yang sama bagi setiap kali pemberian. Pejabat Daerah Dan Tanah akan melakukan proses pemutihan, di mana peserta yang telah terkeluar tidak akan menerima dividen dan diganti dengan peserta yang lain. Analisis Audit terhadap trend pembayaran dividen oleh pengusaha dan peratus dividen berbanding jumlah peruntukan yang disalurkan menunjukkan 4 daripada 7 projek adalah tidak memuaskan lanjutan daripada pelbagai masalah di peringkat pengusaha. Pembayaran dividen yang tidak memuaskan oleh pengusaha dan masalah yang dihadapi adalah seperti di **Jadual 5.5**. Manakala 3 pengusaha yang berjaya memberi dividen secara konsisten seperti yang dipersetujui dalam MOU adalah seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.5**  
**Status Pembayaran Dividen Tidak Memuaskan Oleh Pengusaha Setakat 31 Disember 2010**

Bil.	Nama Projek/ Peruntukan (RM)	Daerah/ Tarikh Mula Projek	Bahagian Keuntungan (Pengusaha/ Peserta/PDT)	Bulan Bayaran Dividen	Jumlah Dividen Peserta (RM) / (Peratus)	Masalah
1.	Ternakan Ikan Keli Dalam Tangki/ 270,000	Seremban/ 16.10.2009	4:4:2 atau tidak kurang RM2,150 sebulan	Ogos & Sept. 2010	RM4,300/ 1.6%	Cuma bayar dividen untuk 2 bulan. Pengusaha gagal memasarkan ikan dan tidak bayar dividen selanjutnya sebelum ditamatkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban.
2.	Ternakan Kambing/ 370,000	Jelebu/ 4.12.2008	5:10:5	Sept. 2009 & Sept. 2010	RM10,200/ 2.7%	Daripada 208 ekor cuma 16 ekor kambing yang hidup dan perlu dilupuskan kerana berpenyakit.
3.	Jus Limau Kasturi/ 220,000	Jelebu/ 8.1.2009	3:5:2	Mei 2009	RM5,000 2.3%	Tiada dividen bagi tahun 2010 kerana buah limau kasturi yang ditanam tidak berkualiti untuk menghasilkan jus.
4.	Ternakan Ikan Air Tawar(Keli)/ 370,000	Rembau/ 3.8.2008	Pengusaha Pertama – Sewa RM2,500 sebulan	Ogos 2009 hingga Mac 2010	RM20,000 5.4%	Pengusaha pertama menarik diri selepas tuaian pertama yang diberi bantuan benih dan makanan ikan.
			Pengusaha Kedua - Sewa RM1,500 sebulan	Sept. 2010 & Okt. 2010	RM3,200 0.8%	Pengusaha kedua menarik diri selepas 2 bulan (tiada bantuan benih dan makanan ikan).

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Berkaitan

**Jadual 5.6**  
**Status Pembayaran Dividen Yang Memuaskan Oleh Pengusaha Setakat 31 Disember 2010**

Bil.	Nama Projek/ Peruntukan (RM)	Daerah/ Tarikh Mula Projek	Bahagian Keuntungan (Pengusaha/ Peserta/PDT)	Tarikh Bayaran Dividen	Jumlah Dividen Peserta	Catatan
1.	Ternakan Lembu Tenusu/ 950,000	Kuala Pilah/ 5.11.2009	4:5:1	Julai hingga Disember 2010	RM14,400/ 1.5%	Dividen diterima setiap bulan kecuali Oktober 2010.
2.	Ternakan Ikan Tilapia Merah/ 700,000	Jelebu/ November 2009	3:6:1	Jun hingga Disember 2010	RM112,618/ 16.1%	Dividen diterima setiap bulan.
3.	Ternakan Lembu Fidlot/ 3,478,000	Tampin/ 29.5.2009	20:65:15	April hingga Disember 2010	RM234,780/ 6.8%	Dividen diterima setiap bulan.

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Berkaitan

**Pada pendapat Audit, pembayaran dividen oleh pengusaha secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan kerana 4 daripada 7 (57%) pengusaha gagal membuat bayaran secara konsisten. Dividen yang diberi juga terlalu rendah berbanding jumlah**

peruntukan yang diberikan dan tempoh masa yang diambil untuk mengeluarkan dividen.

#### 5.4.4. Dividen Tidak Diagihkan Secara Berkala Oleh Agensi Pelaksana

Dividen hendaklah dibayar oleh pengusaha secara berkala kepada Agensi Pelaksana. Seterusnya dividen yang telah dibayar oleh pengusaha kepada Agensi Pelaksana hendaklah diagihkan kepada peserta yang telah dikenal pasti secara berkala bagi memastikan tujuan projek dijalankan untuk membasi kemiskinan tercapai. Semakan Audit mendapati pembayaran dividen bagi Projek Ternakan Lembu Fidlot di Daerah Tampin tidak diagihkan kepada peserta secara berkala. Projek ini menerima peruntukan sejumlah RM1.7 juta pada 9 Oktober 2008 dan RM1.6 juta pada 7 Julai 2009. Pengusaha telah membuat bayaran kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin sejumlah RM234,780 sepanjang tahun 2010. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin hanya mengagihkan dividen kepada peserta sejumlah RM69,660. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri memaklumkan penerima dividen ditentukan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah daripada semasa ke semasa dan akan disampaikan kepada penerima semasa majlis bersama rakyat. Sementara bakinya disimpan di dalam Tabung Amanah untuk pengagihan selanjutnya. Butiran lanjut mengenai pembayaran dividen oleh pengusaha kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin dan jumlah dividen yang telah diagihkan kepada peserta adalah seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Bayaran Dividen Antara Pengusaha, PDT Tampin Dan Peserta**

Bil.	Bayaran Pengusaha Kepada PDT		Bayaran PDT Kepada Peserta	
	Tarikh	Jumlah (RM)	Tarikh	Jumlah (RM)
1.	26.4.2010	90,300	23.4.2010	18,060
2.	27.8.2010	54,180	27.7.2010	36,120
3.	6.10.2010	18,060	27.12.2010	15,480
4.	28.10.2010	18,060		
5.	27.12.2010	36,120		
6.	21.2.2011	18,060		
<b>Jumlah</b>		<b>234,780</b>		<b>69,660</b>

Sumber: Rekod PDT Tampin

Pada pendapat Audit, pembayaran dividen kepada peserta oleh Agensi Pelaksana adalah kurang memuaskan kerana tidak diserahkan secara berkala pada setiap bulan walaupun telah menerima bayaran dari pengusaha.

#### 5.4.5. Analisis Bilangan Golongan Miskin Tegar, Miskin Dan Mudah Miskin

Pendaftaran peserta ke dalam sistem eKasih adalah berperingkat iaitu pendaftaran Fasa I bagi tahun 2008, Fasa II bagi tahun 2009 dan Fasa III bagi tahun 2010. Bagi pendaftaran Fasa I dan Fasa II ianya dilakukan oleh kakitangan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dengan pengesahan penghulu dan ketua kampung. Berbanding dengan Fasa III yang juga dikenali sebagai pendaftaran terbuka di mana orang miskin yang dikenal pasti atau wakil boleh mendaftar dalam sistem eKasih. Bagi menilai status kemiskinan pada 31 Disember 2010, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri hanya merujuk kepada data

pendaftaran dari Fasa I dan II iaitu bagi tahun 2008 dan 2009 yang menunjukkan tiada lagi golongan miskin tegar di Negeri Sembilan selepas tindakan diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan pendapat Ahli Isi Rumah (AIR) melalui projek ekonomi, sosio kebajikan dan pelajaran. Kategori miskin tegar, miskin dan mudah miskin bagi Fasa I dan Fasa II setakat Disember 2010 mengikut Ketua Isi Rumah (KIR) adalah seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8**  
**Kategori Miskin Tegar, Miskin Dan Mudah Miskin**  
**Setakat 31 Disember 2010 (Bagi Pendaftaran Fasa I Dan Fasa II)**

Daerah	Miskin Tegar (KIR)	Miskin (KIR)	Mudah Miskin (KIR)	Jumlah (KIR)
Kuala Pilah	** Miskin Tegar sifar***	52	335	387
Seremban		71	301	372
Rembau		90	737	827
Port Dickson		57	430	487
Jelebu		53	466	519
Jempol		109	667	776
Tampin		29	233	262
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>461</b>	<b>3169</b>	<b>3630</b>

*Sumber: Sistem eKasih*

5.4.5.1. Bagaimanapun berdasarkan Fasa I, II dan III setakat 31 Disember 2010, jumlah miskin tegar meningkat semula kepada 232 KIR, 1,088 KIR miskin dan 4,301 KIR mudah miskin yang keseluruhannya berjumlah 5,621 KIR di Negeri Sembilan seperti di **Jadual 5.9**.

**Jadual 5.9**  
**Pecahan Golongan Miskin Tegar, Miskin Dan Mudah Miskin**  
**Setakat 31 Disember 2010 (Bagi Pendaftaran Fasa I, Fasa II Dan Fasa III)**

Daerah	Miskin Tegar (KIR)	Miskin (KIR)	Mudah Miskin (KIR)	Jumlah (KIR)
Kuala Pilah	30	208	1112	1,350
Seremban	82	282	952	1316
Rembau	8	77	586	671
Port Dickson	14	115	509	638
Jelebu	34	123	471	628
Jempol	45	165	356	566
Tampin	19	118	315	452
<b>Jumlah</b>	<b>232</b>	<b>1,088</b>	<b>4,301</b>	<b>5,621</b>


*Sumber: Sistem eKasih*

#### **5.4.5.2. Pencapaian Sasaran 2.8% Kemiskinan Keseluruhan**

Sasaran Kerajaan Negeri Sembilan menjelang akhir RMKe-9 agar kadar kemiskinan dapat diturunkan sehingga pada tahap 2.8% daripada anggaran bilangan penduduknya telah dicapai di mana kadar kemiskinan berjumlah 2.47% pada 31 Disember 2010 seperti perkiraan berikut:

Anggaran jumlah penduduk	=	1 juta
1 Ketua Isi Rumah (KIR)	=	4.4 Ahli Isi Rumah (AIR)
Maka, 1 juta/4.4	=	227,272 KIR (keluarga)
Jumlah orang miskin Fasa I,II,III (sehingga 31 Disember 2010)	=	5,621
Peratus Keseluruhan e-Kasih	=	(5,621 / 227,272) *100
	=	2.47%

5.4.5.3. Analisis Audit mendapati trend mudah miskin dan miskin di Negeri Sembilan semakin meningkat dalam tempoh 3 tahun. Kategori mudah miskin sehingga 31 Disember 2010 menunjukkan sejumlah 4,301 Ketua Isi Rumah (KIR) direkod oleh sistem eKasih. Peningkatan ketara bagi golongan mudah miskin adalah sebanyak 226.8% bagi tahun 2010 berbanding tahun 2008. Kategori miskin sehingga 31 Disember 2010 menunjukkan sejumlah 1,088 dengan peningkatan sebanyak 140.7% berbanding tahun 2008. Sementara kategori miskin tegar sehingga 31 Disember 2010 menunjukkan sejumlah 232 dengan penurunan sebanyak 6.5% berbanding tahun 2008. Jumlah keseluruhan kategori miskin semakin meningkat sejumlah 2,016, 4,223 dan 5,621 KIR bagi tempoh 2008, 2009 dan 2010. Bagi tempoh 3 tahun tersebut jumlah kemiskinan keseluruhan telah meningkat sebanyak 178.8%. Kategori miskin di Negeri Sembilan bagi tahun 2008 hingga 2010 seperti di **Carta 5.1**.



Sumber: Sistem eKasih

Pada pendapat Audit, walaupun kadar kemiskinan kurang daripada 2.8% pada 31 Disember 2010 di Negeri Sembilan tetapi bagi tempoh 3 tahun kadar kemiskinan keseluruhan telah meningkat sejumlah 178.8%.

#### **5.4.6. Analisis Soal Selidik Terhadap Pemantauan Dan Prestasi Projek**

Soal selidik diedarkan kepada peserta projek untuk menilai pemantauan oleh pegawai Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) dan pegawai Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) ke atas projek yang dijalankan, pendapatan peserta sebelum dan selepas menjalankan projek dan pencapaian objektif projek. Sejumlah 9 soal selidik telah diedarkan kepada peserta Projek Ternakan Ayam Kampung (Kacukan Ipoh) di Kuala Pilah dan 26 soal selidik untuk Projek Tanaman Cili Fertigasi di Daerah Rembau dan Jelebu. Analisis soal selidik adalah seperti di **Jadual 5.10**.

**Jadual 5.10**  
**Analisis Soal Selidik Terhadap Pemantauan Dan Prestasi Projek**

Bil.	Butiran	Kriteria	Senarai Projek	
			Ternakan Ayam Kampung (%)	Tanaman Cili Fertigasi (%)
1.	Pemantauan oleh pegawai PPPN atau pegawai PDT	1-2 kali seminggu	0	23.1
		1 kali sebulan	55.6	69.2
		2 kali sebulan	44.4	7.7
2.	Pendapatan bulanan yang diterima hasil daripada program	Sangat Baik	22.2	3.9
		Baik	33.3	34.6
		Sederhana	11.1	42.3
		Teruk	33.4	19.2
3.	Pencapaian objektif	Ya	66.7	42.3
		Tidak	33.3	57.7

Sumber: Borang Soal Selidik Terhadap Peserta

##### **5.4.6.1. Pemantauan Projek**

Analisis terhadap borang soal selidik mendapati 55.6% hingga 69.2% peserta mengakui pegawai Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan pegawai Pejabat Daerah Dan Tanah ada turun memantau projek sekurang-kurangnya sebulan sekali. Sementara 7.7% hingga 44.4% peserta mengakui lawatan ada dibuat 2 kali sebulan.

##### **5.4.6.2. Pendapatan Bulanan Peserta Projek**

Seramai 3 daripada 9 peserta (33.4%) menyatakan pendapatan bulanan daripada Projek Ternakan Ayam Kampung adalah teruk. Sementara 2 daripada 9 peserta (22.2%) sahaja mengakui pendapatan dari Projek Ternakan Ayam Kampung adalah sangat baik. Bagi projek Tanaman Cili Fertigasi, 5 daripada 26 peserta (19.2%) menyatakan pendapatan dari projek ini adalah teruk dan hanya seorang mengakui pendapatan projek sangat baik. Manakala 11 daripada 26 peserta (42.3%) Projek Tanaman Cili Fertigasi menyatakan pendapatan adalah sederhana.

##### **5.4.6.3. Pencapaian Objektif Projek**

Seramai 6 daripada 9 peserta (66.7%) Projek Ternakan Ayam Kampung bersetuju objektif projek untuk membasmi kemiskinan tercapai. Sebaliknya bagi Projek Tanaman Cili Fertigasi seramai 15 daripada 26 peserta (57.7%) menyatakan bahawa objektif projek untuk membasmi kemiskinan tidak tercapai.

**Pada pendapat Audit, pemantauan projek oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan Pejabat Daerah Dan Tanah adalah baik. Bagaimanapun pendapat peserta mengenai pendapatan bulanan yang teruk dan objektif projek yang tidak tercapai harus diberi perhatian.**

### **5.5. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati projek yang telah dilaksanakan memerlukan perancangan yang teliti supaya projek berjaya dan dapat membantu mencapai objektif Program Khas bagi membasmi kemiskinan. Adalah disyorkan pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan Agensi Pelaksana memberi pertimbangan terhadap perkara berikut sekiranya projek ini masih diteruskan:

5.5.1. Sekiranya projek ini ingin diteruskan, Agensi Pelaksana perlu menyediakan surat perjanjian dan bukan MOU dengan terma yang lengkap bagi memastikan tindakan dapat diambil ke atas pengusaha sekiranya melanggar syarat perjanjian dan menjaga kepentingan Kerajaan.

5.5.2. Kaedah pelaksanaan projek melalui pengusaha perlu ditetapkan cara pengurusannya agar tidak merugikan Kerajaan apabila pengusaha menarik diri, gagal membayar dividen atau gagal menepati tempoh perjanjian.

5.5.3. Panduan atau dasar pemilihan pengusaha hendaklah disediakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri bagi memastikan pemilihan pengusaha yang berkelayakan dan komited.

5.5.4. Prestasi pengagihan dividen oleh pengusaha perlu dipantau oleh Agensi Pelaksana dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri bagi memastikan program ini menguntungkan semua pihak yang terlibat dan dividen diagihkan secara berkala kepada peserta.

## PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN DAN KUALA PILAH

### 6. PENGURUSAN PENGELOUARAN BAHAN BATUAN

#### 6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Bahan batuan seperti mana mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, adalah bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang dan cengkerang. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan pada masa itu berkuatkuasa.

6.1.2. Menurut Seksyen 14 KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah berimilik, tanah lombong dan tanah rizab. Manakala menurut Kaedah-kaedah Tanah Negeri Sembilan 2002, mana-mana individu atau syarikat boleh memohon permit untuk tujuan pengeluaran bahan batuan. Kadar royalti yang dikenakan bagi batu-bata dan jubin adalah RM1.50 bagi setiap 1000 keping. Manakala kadar royalti bagi bahan batuan lain adalah antara RM1.20 hingga RM3.00 setiap meter padu/tan metrik mengikut jenis bahan batuan seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Secara keseluruhannya, Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan telah mengutip royalti bahan batuan sejumlah RM47.22 juta bagi tahun 2007 hingga 2010 seperti di **Jadual 6.1**

**Jadual 6.1**  
**Kutipan Royalti Bahan Batuan Negeri Sembilan Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	Tahun				Jumlah (RM Juta)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	
1.	Seremban	7.50	6.92	7.91	8.05	30.38
2.	Port Dickson	1.10	0.75	0.58	1.00	3.43
3.	Rembau	0.03	0.08	0.65	0.16	0.92
4.	Kuala Pilah	0.06	0.06	0.05	0.10	0.27
5.	Jempol	1.69	1.96	1.70	1.95	7.30
6.	Tampin	0.71	0.66	0.90	1.03	3.30
7.	Jelebu	0.11	0.19	0.34	0.41	1.05
8.	Gemas	0.05	0.04	0.18	0.30	0.57
<b>Jumlah</b>		<b>11.25</b>	<b>10.66</b>	<b>12.31</b>	<b>13.00</b>	<b>47.22</b>

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan

#### 6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pengeluaran bahan batuan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan yang ditetapkan.

### **6.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aktiviti pengurusan dan pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2007 hingga 2010. Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah melalui kaedah penyemakan rekod, fail dan dokumen yang diselenggarakan. Antara rekod dan dokumen yang disemak adalah daftar permohonan permit, penyata pengeluaran bulanan, rekod hasil, fail pengusaha dan buku doket. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan ke 11 tapak pengeluaran bahan batuan telah dilakukan.

### **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kesilapan mencatat kuantiti dan kesilapan pengiraan royalti di borang permit 4C KTN 1965 (Permit Untuk Mengeluarkan Bahan Batuan) kerana cuma seorang kakitangan yang menguruskan pengurusan permit. Pengurusan buku doket yang tidak seragam di antara Pejabat Daerah Dan Tanah telah memberi ruang disalah gunakan oleh pemegang permit. Permit tidak pernah dikeluarkan dan royalti tidak pernah dikutip bagi aktiviti pengeluaran jubin. Kelulusan permit diberitahu secara telefon bertujuan mempercepatkan proses pengeluaran permit. Penyata Pengeluaran Bulanan tidak diserahkan oleh pemegang permit kepada Pejabat Daerah Dan Tanah bagi tujuan pemantauan. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

#### **6.4.1. Kesilapan Mencatat Kuantiti Dan Pengiraan Royalti Bahan Batuan Di Borang Permit**

6.4.1.1. Setiap maklumat di borang permit 4C KTN 1965 hendaklah dinyatakan dengan jelas dan tepat. Maklumat yang diisi hendaklah disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Bayaran royalti oleh pemegang permit adalah berdasarkan kadar royalti mengikut jenis bahan batuan dan kuantiti pengeluaran bahan batuan yang dibenarkan.

6.4.1.2. Semakan Audit telah dilaksanakan terhadap 150 daripada 953 salinan permit di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban bagi tahun 2007 hingga 2010. Pihak Audit mendapati 61 daripada 150 salinan permit atau 40.7% permit mempunyai kesilapan. Sepuluh permit mempunyai kesilapan dalam mencatat kuantiti maksimum bahan batuan yang boleh dikeluarkan setiap bulan oleh pemegang permit. Kuantiti yang dicatat di 10 borang permit tersebut melebihi daripada kuantiti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Manakala 51 salinan permit mempunyai kesilapan kiraan jumlah bayaran royalti yang perlu dibayar oleh pemegang permit. Kesilapan kiraan telah menyebabkan 19 permit telah terkurang taksir untuk kutipan royalti berjumlah RM19,433 manakala 32 permit telah terlebih taksir untuk kutipan royalti berjumlah RM54,182. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah royalti yang sebenar dibayar kerana resit bayaran tersebut tidak

disimpan dengan teratur. Kesilapan yang berlaku adalah pada salinan permit bagi tahun 2007, 2008 dan 2009, manakala tiada kesilapan diperhatikan bagi sampel tahun 2010. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban memaklumkan permit yang terkurang taksir atau terlebih taksir akan dibuat pelarasan kerana pemegang permit terlibat masih beroperasi.

6.4.1.3. Semakan lanjut Audit mendapati hanya seorang sahaja kakitangan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan permit bahan batuan. Selepas teguran Audit Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah menempatkan 2 kakitangan bagi urusan permit bahan batuan. Berbanding di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, pihak Audit mendapati tiada sebarang kesilapan berlaku dalam mencatat kuantiti dan pengiraan amaun royalti bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010.

**Pada pendapat Audit, urusan mencatat kuantiti dan pengiraan royalti bahan batuan di borang permit tidak dipantau dan disemak dengan teliti telah menyebabkan berlaku kesilapan dalam pengiraan jumlah bayaran royalti yang perlu dibayar oleh pemegang permit.**

#### **6.4.2. Pengurusan Buku Doket Tidak Seragam**

Mengikut syarat pengeluaran permit, buku doket akan dikeluarkan bersama dengan permit. Doket ini mengandungi maklumat seperti nombor doket, muatan yang dibawa, nombor kenderaan, tarikh dan nombor permit. Doket ini adalah dokumen yang diguna semasa pemindahan bahan batuan dan hendaklah dibawa oleh pemandu lori. Mengikut Seksyen 426 KTN 1965, adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan denda sekiranya lori yang membawa bahan batuan tidak mempunyai doket atau menyalahgunakan doket tersebut. Semakan Audit mendapati, tiada sebarang peraturan atau garis panduan menyatakan secara rasmi tentang penggunaan doket oleh PTGNS bagi semua Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan semenjak doket digunakan sejak tahun 1980-an. Ketiadaan sebarang peraturan atau garis panduan berkaitan penggunaan doket ini telah menyebabkan pengurusan doket di Pejabat Daerah Dan Tanah tidak seragam dan telah menyebabkan berlakunya kelemahan seperti berikut:

##### **6.4.2.1. Salinan Pengempat Doket Disalahgunakan**

Setiap buku doket mempunyai 50 helaian doket dalam 4 salinan. Salinan asal doket perlu diserahkan oleh pengusaha kepada pemandu lori semasa mengangkut keluar bahan batuan yang dibenarkan. Salinan pendua pula akan diambil oleh pegawai penguatkuasaan Pejabat Daerah Dan Tanah semasa lawatan ke tapak. Salinan peniga adalah untuk simpanan pejabat pengusaha. Manakala salinan pengempat doket hendaklah dikembalikan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah untuk tujuan semakan dan pengesahan selain untuk mengelakkan doket berkenaan digunakan berulang kali. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah dapat mengesan aktiviti penipuan oleh pengusaha di mana salinan doket pengempat telah digunakan sebagai doket asal. Ini terbukti melalui pemantauan yang telah dibuat oleh Unit Teknikal Dan Penguatkuasaan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dalam bulan Ogos 2010 di

mana mereka telah berjaya merampas 3 buah buku doket yang mengandungi 150 helaian doket dan didapati 123 helai tidak mempunyai salinan pengempat semasa operasi penguatkuasaan dibuat di tapak pemegang permit. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah mengenakan kompaun di bawah Seksyen 426 KTN 1965 di mana pemegang permit terbabit telah membayar royalti yang terkurang kutip sejumlah RM20,558 dan kompaun sejumlah RM3,000. Kelemahan ini berlaku kerana warna salinan pengempat doket menyamai warna doket asal yang berwarna putih. Kegiatan pemalsuan doket ini nyata merugikan Kerajaan Negeri.

#### **6.4.2.2. Salinan Doket Tidak Disahkan Dan Tidak Dicop Tarikh Luput Permit**

Setiap doket yang dikeluarkan kepada pemegang permit seharusnya dicop tarikh luput permit di setiap helaian untuk memastikan terdapatnya pengesahan daripada Pejabat Daerah Dan Tanah yang mengeluarkan doket bagi mengelakkan penyalahgunaan oleh pemegang permit. Semakan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah mendapati sejumlah 247 buku doket telah dikeluarkan dari bulan Januari hingga November 2010 kepada 20 pemegang permit. Bagaimanapun, doket yang dikeluarkan kepada pemegang permit hanya dicop tarikh luput permit dan disahkan pada salinan asal. Unit Permit Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah tidak mengesahkan dan mengecop tarikh luput pada salinan pendua, peniga dan pengempat doket. Kelemahan ini boleh menyebabkan doket tersebut disalahgunakan oleh pemegang permit. Berbanding di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, doket yang dikeluarkan telah dicop tarikh luput permit dan disahkan pada setiap helaian buku doket. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah telah mengambil maklum teguran Audit dan telah pun melaksanakan pengecopan di setiap helaian buku doket.

#### **6.4.2.3. Buku Doket Tidak Dicatat Berat Muatan**

Pengusaha hendaklah mencatat setiap butiran pada helaian doket seperti tarikh dan berat muatan bagi memastikan setiap pengeluaran bahan batuan direkodkan dengan tepat dan betul. Pemeriksaan Audit bersama Unit Teknikal Dan Penguatkuasaan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban mendapati lori yang membawa keluar batu granit tidak mencatat maklumat berat muatan di helaian doket.


- a. Lawatan Audit pada 25 Ogos 2010 di tapak kuari Mukim Labu yang menjalankan aktiviti pengeluaran batu granit mendapati, lori yang membawa muatan batuan telah melalui jambatan timbang untuk mendapatkan berat muatan seperti di **Gambar 6.1**. Semasa lori melalui jambatan timbang, kerani di tapak kuari sepatutnya akan mencatat maklumat termasuk berat muatan di helaian doket sebelum menyerahkan kepada pemandu lori. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap salinan doket mendapati berat muatan tersebut tidak dicatatkan oleh kerani di tapak kuari seperti di **Gambar 6.2**.

**Gambar 6.1**  
**Lori Yang Membawa Bahan Batuan Melalui Jambatan Timbang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Kuari Di Mukim Labu  
Tarikh: 25 Ogos 2010


**Gambar 6.2**  
**Berat Muatan Tidak Dicatat Pada Doket**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Kuari Di Mukim Labu  
Tarikh: 25 Ogos 2010


- b. Semasa lawatan Audit pada 25 Ogos 2010 di jalan raya berdekatan Taman Gadong Jaya, Seremban dan jalan raya ke Labu, mendapati berat muatan bahan batuan yang dibawa oleh 2 buah lori tidak mencatat muatan pada helaian asal doket seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

**Gambar 6.3**  
**Berat Muatan Tidak Dicatat Pada Doket**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Taman Gadong Jaya, Seremban  
Tarikh: 25 Ogos 2010

**Gambar 6.4**  
**Berat Muatan Tidak Dicatat Pada Doket**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masuk ke Kawasan Kuari, Labu  
Tarikh: 25 Ogos 2010

- c. Kegagalan untuk mencatat berat muatan di helaian doket akan mendorong pemegang permit untuk melakukan pengeluaran melebihi kuantiti yang dibenarkan. Ini juga boleh menyebabkan royalti kurang diisytiharkan sekiranya kuantiti melebihi had yang dibenarkan. Semakan Audit turut mendapati kelemahan ini tidak pernah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban kerana tiada bukti menunjukkan surat amaran dikeluarkan kepada pemegang permit yang melanggar peraturan ini. Selepas mendapat teguran Audit, Pejabat Daerah Dan

Tanah Seremban telah mengeluarkan surat amaran kepada semua pemegang permit berhubung keperluan mencatat berat muatan pada doket. Selain itu, PTGNS juga telah mengeluarkan arahan kepada semua Pejabat Daerah Dan Tanah berhubung dengan bilangan helaian doket yang perlu dibawa oleh setiap lori yang mengangut bahan batuan mengikut kapasiti muatan lori.

#### **6.4.2.4. Doket Tidak Dikeluarkan Bagi Pengusaha Batu-Bata Di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban**

Berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan Tahun 2002, pengeluaran batu-bata dikenakan royalti berjumlah RM1.50 bagi setiap 1,000 keping dan doket dikeluarkan berdasarkan jumlah bayaran royalti dan kuantiti pengeluaran. Semakan Audit terhadap aktiviti pengeluaran batu-bata di daerah Seremban mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban ada menerima bayaran royalti daripada satu pemegang permit batu-bata berdasarkan jumlah pengeluaran bulanan. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban tidak pernah mengeluarkan buku doket bagi aktiviti pengeluaran batu-bata yang dijalankan oleh pemegang permit tersebut. Pihak Audit dimaklumkan di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban doket hanya dikeluarkan bagi bahan batuan dari hasil bumi. Berbanding di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, setiap pemegang permit batu-bata dikehendaki membayar royalti seperti yang ditetapkan dan doket akan dikeluarkan kepada pemegang permit berdasarkan kuantiti pengeluaran. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban menyatakan bahawa pihaknya telah mengeluarkan surat arahan kepada pemegang permit batu-bata agar menggunakan doket berkuatkuasa serta-merta.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan buku doket yang tidak seragam di antara Pejabat Daerah Dan Tanah telah memberi ruang kepada penyalahgunaan buku doket oleh pemegang permit. Secara tidak langsung ia boleh menjurus kepada kehilangan hasil serta mengakibatkan pemantauan tambahan diperlukan di peringkat Pejabat Daerah Dan Tanah.**

#### **6.4.3. Aktiviti Pengeluaran Pasir Tanpa Permit**

6.4.3.1. Mengikut Seksyen 70 dan 71 KTN 1965, semua pengeluaran bahan batuan di tanah milik Kerajaan, tanah berimilik, tanah lombong dan tanah rizab hendaklah mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah. Di bawah Seksyen 426 dan 426A KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh tanpa waran mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan.

6.4.3.2. Lawatan Audit pada 25 Ogos 2010 mendapati aktiviti pengeluaran pasir tanpa permit telah dilakukan di sepanjang Sungai Jijan yang bersebelahan dengan 5 lot tanah milik individu di Jalan Jijan Hilir, Nilai. Pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah mengenal pasti pengusaha tanpa permit ini beroperasi sekitar bulan November 2009. Pihak Pejabat Daerah Dan Tanah telah mengambil tindakan menahan lori yang mengangut bahan batuan tanpa permit di kawasan Jijan. Sungguhpun kawasan pengeluaran pasir secara haram ini dipagari zink supaya aktiviti ini tidak diketahui oleh

pihak penguatkuasa, namun papan tanda jual beli pasir dan tanah merah di pondok pengawal keselamatan dalam kawasan pengeluaran pasir membuktikan wujud operasi pengeluaran pasir tanpa permit. Manakala mesin jengkaut pasir yang tidak beroperasi dan alat jengkaut yang masih berada di dalam sungai menunjukkan aktiviti pengeluaran pasir telah berlaku di tapak berkenaan.

6.4.3.3. Lawatan lanjut Audit pada 17 Mac 2011 mendapati aktiviti pengeluaran pasir secara haram ini telah dihentikan dan pondok pengawal tersebut telah dirobohkan serta mesin jengkaut tersebut telah dibawa keluar dari tapak berkenaan. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban juga menyatakan bahawa beberapa siri rondaan telah diadakan iaitu pada 13 Januari, 2 Februari, 2 Mac dan 15 Mac 2011 namun tiada aktiviti pengorekan pasir dilakukan di kawasan tersebut. Menurut Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan, masih terdapat aduan yang diterima terhadap aktiviti pengeluaran pasir tanpa permit di Negeri Sembilan tetapi belum berjaya ditangkap kerana aktiviti pengeluaran dilakukan pada masa yang tidak dijangka. Gambar lokasi pengeluaran pasir tanpa permit yang dilawati oleh pihak Audit adalah seperti di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.7**.

**Gambar 6.5**  
**Tapak Pengeluaran Pasir Secara Haram**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 25 Ogos 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 17 Mac 2011

**Gambar 6.6**  
**Papan Tanda Menjual Pasir Dan Pondok Pengawal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 25 Ogos 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 17 Mac 2011

**Gambar 6.7**  
**Tapak Pengeluaran Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 25 Ogos 2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jijan Hilir, Nilai  
Tarikh: 17 Mac 2011

**Pada pendapat Audit, walaupun aktiviti pengeluaran pasir tanpa permit di kawasan tersebut telah berhenti, namun pemantauan berterusan diperlukan di peringkat semua Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Sembilan bagi mencegah aktiviti yang boleh merugikan Kerajaan Negeri ini.**

#### **6.4.4. Doket Disalahgunakan Menggunakan *Magic Pen***

6.4.4.1. Seksyen 426 KTN 1965 akan dikenakan sekiranya lori yang membawa bahan batuan tidak mempunyai doket dan menyalahgunakan doket. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun menyedari penggunaan *magic pen* semenjak tahun 2009. Wujud kes pemegang permit menggunakan doket yang sama berulang kali dengan menggunakan *magic pen* kerana dakwat yang ditulis pada doket boleh dihilangkan apabila haba dialirkkan melalui pemetik api di bahagian bawah helaian doket seperti

ditunjukkan di **Gambar 6.8** dan **Gambar 6.9**. Doket berkenaan boleh digunakan berulang kali dengan mengubah tarikh, masa dan nombor lori. Pasukan Petugas Khas, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah diminta untuk menyiasat perkara ini dan didapati 4 kes telah dibuat laporan siasatan oleh Pasukan tersebut dan diserahkan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban pada tahun 2010.

6.4.4.2. Bagi membendung penyalahgunaan doket di kalangan pemegang permit, Pentadbir Tanah Seremban telah mengeluarkan surat pada 10 November 2010 kepada setiap pemegang permit berkaitan larangan penggunaan *magic pen* dan doket rasmi hendaklah ditulis dengan menggunakan pen mata bulat. Empat pemegang permit tersebut telah diberi surat amaran pada 10 November 2010 dan tiada tindakan kompaun dikenakan. Sekiranya pemegang permit tersebut melakukan kesalahan yang sama tindakan di bawah Seksyen 426 KTN 1965 akan dikenakan.

**Gambar 6.8**  
**Magic Pen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasukan Petugas Khas, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tarikh: 20 Oktober 2010

**Gambar 6.9**  
**Dakwat Magic Pen Hilang Apabila Haba Dari Pemetik Api Dialirkkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasukan Petugas Khas, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tarikh: 20 Oktober 2010

**Pada pendapat Audit, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah berusaha untuk membasmi penggunaan *magic pen* dan pemantauan berterusan diperlukan.**

#### **6.4.5. Permit Tidak Pernah Dikeluarkan Dan Royalti Tidak Pernah Dikutip Bagi Aktiviti Pengeluaran Jubin**

Berdasarkan Jadual Ketujuh, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan Tahun 2002, pengeluaran bahan batuan seperti jubin hendaklah dikenakan royalti seperti yang telah ditetapkan. Bagi setiap 1000 keping pengeluaran jubin, pengusaha akan dikenakan royalti sejumlah RM1.50. Semakan Audit mendapati 3 syarikat menjalankan aktiviti pengeluaran jubin di sekitar kawasan Perindustrian Senawang, Seremban. Semakan lanjut mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban tidak pernah mengeluarkan permit dan mengutip royalti pengeluaran jubin bagi 3 syarikat tersebut. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban masih tidak mengeluarkan permit ke atas aktiviti pengeluaran jubin kerana pengusaha jubin tidak bersetuju membayar royalti. Pengusaha jubin sepatutnya perlu memperoleh permit

yang sah dan membayar royalti yang sewajarnya mengikut jumlah pengeluaran kecuali mendapat pengecualian daripada Pihak Berkuasa Negeri. Namun tiada bukti menunjukkan syarikat berkenaan telah diberi pengecualian oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kegagalan mengeluarkan permit dan mengutip royalti ke atas pengusaha jubin telah menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selepas mendapat teguran Audit, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah mengeluarkan surat kepada semua pengusaha jubin agar memohon permit dengan segera.

**Pada pendapat Audit, pematuhan Pejabat Daerah Dan Tanah dalam memastikan permit dikeluarkan dan royalti dikutip terhadap aktiviti pengeluaran jubin adalah tidak memuaskan kerana gagal mematuhi Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan Tahun 2002.**

#### **6.4.6. Surat Kelulusan Permohonan Permit Tidak Dikeluarkan**

Berdasarkan proses kerja pengeluaran bahan bantuan di Pejabat Daerah Dan Tanah, surat kelulusan permohonan permit pengeluaran bahan batuan hendaklah dikeluarkan kepada setiap pengusaha yang berjaya. Semakan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban terhadap 25 daripada 68 fail permohonan permit bahan batuan bagi tempoh sehingga bulan Ogos 2010 mendapati surat kelulusan permohonan permit bagi tanah, tanah merah dan rumput tidak dikeluarkan kepada 6 pemegang permit. Semakan lanjut terhadap catatan kertas minit di fail pemegang permit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah meluluskan permohonan permit pengambilan bahan batuan ke atas 6 pemegang permit tersebut. Bagaimanapun, tiada bukti surat kelulusan telah dikeluarkan kepada pemegang permit ini. Berdasarkan temu bual dengan kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban, kelulusan tersebut hanya dimaklumkan melalui telefon. Amalan ini bertujuan untuk mempercepatkan proses pengeluaran permit. Sehubungan itu, syarat tambahan permit yang sepatutnya dikeluarkan bersama-sama surat kelulusan tidak dikeluarkan kepada pemegang permit. Perkara ini menyumbang kepada pelanggaran peraturan oleh pemegang permit. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban memaklumkan selepas teguran Audit, surat kelulusan telah dikeluarkan kepada pemegang permit yang berjaya. Pentadbiran juga mengadakan mesyuarat khas bersama Jabatan Teknikal dan pemegang permit sebelum operasi pengeluaran bermula untuk memaklumkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

**Pada pendapat Audit, surat kelulusan yang tidak dikemukakan kepada pemegang permit menyebabkan pengusaha tidak maklum mengenai syarat tambahan permit dan seterusnya mengakibatkan ketidakpatuhan kepada syarat tersebut.**

#### **6.4.7. Penyata Pengeluaran Bahan Batuan Tidak Diserahkan Oleh Pengusaha Kepada Pejabat Daerah Dan Tanah**

Berdasarkan syarat tambahan permit Pentadbir Tanah Seremban dan Kuala Pilah, penyata pengeluaran bahan batuan hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Dan Tanah pada atau sebelum 10 haribulan setiap bulan. Syarat tambahan permit Pentadbir Tanah Seremban

yang kelapan menggariskan sekiranya pemegang permit atau pengusaha tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, permit boleh ditarik balik atau dibatalkan pada bila-bila masa. Semakan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban mendapati semua pemegang permit bagi tanah merah, pasir dan rumput bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 tidak pernah menghantar penyata pengeluaran bulanan. Semakan lanjut mendapati bagi batu kuari pula hanya 6 daripada 11 pemegang permit menghantar penyata pengeluaran. Bagaimanapun, 6 pemegang permit tersebut tidak menghantar secara tetap setiap bulan sepanjang tahun 2008, 2009 hingga September 2010. Manakala 5 daripada 11 pemegang permit batu kuari pula tidak pernah menyerahkan penyata pengeluaran bulanan kepada pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah pula hanya satu daripada 4 pemegang permit menyerahkan penyata pengeluaran dan didapati ianya tidak difailkan dan diselenggara dengan baik. Kelemahan ini berlaku adalah kerana kegagalan Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Kuala Pilah untuk memastikan setiap pemegang permit mematuhi arahan syarat tambahan permit yang dikeluarkan. Surat amaran juga tidak pernah dikeluarkan kepada pemegang permit yang melanggar syarat tambahan permit. Kegagalan pemegang permit menghantar penyata pengeluaran menyebabkan pengeluaran bahan batuan pada setiap bulan tidak dapat dipantau bagi memastikan kuantiti yang dikeluarkan adalah seperti di permit. Selepas teguran Audit, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah mengeluarkan surat amaran pada 17 Mac 2011 kepada pemegang permit agar mengemukakan 3 salinan penyata pengeluaran pada atau sebelum 10 haribulan setiap bulan. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah juga memaklumkan telah mengeluarkan surat amaran kepada pemegang permit pada 1 Mac 2011.

**Pada pendapat Audit, kawalan Pejabat Daerah Dan Tanah terhadap penyata pengeluaran bahan batuan adalah tidak memuaskan kerana tidak semua pemegang permit menyerahkan penyata pengeluaran bahan batuan pada setiap bulan dan tiada tindakan diambil oleh Pejabat Daerah Dan Tanah.**

## **6.5. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan dan pengeluaran bahan batuan adalah kurang memuaskan kerana wujud kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan dan pengeluaran bahan batuan maka adalah disyorkan tindakan diambil seperti berikut:

6.5.1. Pengurusan pengeluaran permit dan pengiraan royalti perlu dipantau di peringkat pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah bagi mengelakkan kesilapan kiraan royalti yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan.

6.5.2. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan perlu menyeragamkan peraturan penggunaan doket bagi menutup peluang penipuan yang boleh dilakukan oleh pengusaha.

6.5.3. Semua Pejabat Daerah Dan Tanah perlu memastikan penyata pengeluaran bahan batuan dihantar oleh pemegang permit kepada Pejabat Daerah Dan Tanah setiap bulan bagi memastikan pengeluaran tidak melebihi kuantiti yang dibenarkan.

6.5.4. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan perlu menyemak semula Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan Tahun 2002, bagi memastikan mana-mana bahan batuan yang boleh dikenakan permit dikutip royaltinya oleh Pejabat Daerah Dan Tanah.

6.5.5. Bagi memudahkan penguatkuasaan aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa permit, Pejabat Daerah Dan Tanah yang bersempadan dengan Melaka dan Selangor boleh bekerjasama dengan Pejabat Daerah Dan Tanah di negeri berkaitan.

**MAJLIS PERBANDARAN NILAI, MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON,  
MAJLIS DAERAH TAMPIN DAN UNIT KERAJAAN TEMPATAN PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

## 7. SISTEM ePBT

### 7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melalui Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membangunkan Sistem ePBT untuk menyokong dan mempertingkatkan pengoperasian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di samping meningkatkan penyampaian perkhidmatan PBT kepada orang awam. Sistem ini merangkumi 6 modul iaitu Sistem eSubmission (kini dikenali sebagai OSC *Online*) bagi tujuan kelulusan pelan pembangunan, Sistem Hasil bagi menambah pendapatan PBT dan menjalankan penguatkuasaan, Sistem Perakaunan bagi menjana penyata kewangan, Sistem Aduan bagi mendapat maklum balas awam terhadap perkhidmatan PBT, Sistem ID Pelanggan bagi menyimpan maklumat pelanggan dan Sistem Pelaporan bagi menjana laporan bulanan pendapatan dan perbelanjaan PBT untuk dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

7.1.2. Jabatan Kerajaan Tempatan telah ditugaskan untuk membantu PBT di seluruh negara bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam memberi perkhidmatan. Unit Kerajaan Tempatan yang diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaan ePBT di setiap PBT dan sebagai pelapor kepada Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan juga Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Di samping itu, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM) adalah sebagai penyelaras teknikal Sistem ePBT di peringkat negeri. Satu unit server ePBT telah ditempatkan di UPTM untuk pelaksanaan Sistem Pelaporan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang merupakan salah satu modul utama antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan PBT.

7.1.3. Projek Perintis Sistem ePBT telah dilaksanakan di 3 PBT di Perak dan 3 PBT di Negeri Sembilan iaitu Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Jelebu. Perjanjian Projek Perintis untuk kerja-kerja aplikasi bernilai RM1.37 juta telah ditandatangani oleh KPKT dengan pembekal pada 19 Jun 2006 manakala perjanjian untuk perkakasan yang bernilai RM1.58 juta telah ditandatangani pada 6 Jun 2006. Tempoh perjanjian adalah dari 5 Januari 2006 hingga 4 Januari 2007 bagi aplikasi dan 3 Januari 2006 hingga 2 Januari 2007 bagi perkakasan. Manakala bagi Projek Peluasan Fasa 1 pula, perjanjian di antara KPKT dan pembekal bernilai RM5.65 juta telah ditandatangani pada 31 Disember 2007. Kontrak Fasa 1 melibatkan 20 PBT iaitu 11 PBT di Perak, 4 PBT di Negeri Sembilan, 3 PBT di Melaka, satu PBT di Perlis dan satu PBT di Selangor. Tempoh perjanjian adalah dari 11 Oktober 2007 hingga 10 Oktober 2008 dan telah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2010 bagi aplikasi dan perkakasan. Projek Peluasan Fasa 1 di Negeri Sembilan melibatkan Majlis Daerah Rembau, Majlis Daerah Jempol, Majlis Daerah Kuala Pilah dan Majlis Daerah

Tampin. Secara keseluruhannya, 7 PBT di Negeri Sembilan menerima Sistem ePBT, sementara Majlis Perbandaran Seremban menolak kerana telah selesa dengan sistem sedia ada.

## **7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aplikasi dan infrastruktur projek ePBT dilaksanakan dengan teratur selaras dengan kontrak yang ditandatangani, ekonomi, berkesan dan mencapai matlamat pembangunannya. Penilaian terhadap tahap penggunaan (*usability and utilisation*) dan kecekapan Sistem ePBT dalam membantu urus tadbir di PBT. Kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan untuk memastikan semua pungutan hasil direkod dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dipindah ke lejar yang betul dan penyata kewangan dapat dihasilkan pada akhir tempoh perakaunan. Penilaian terhadap kebolehpercayaan (*reliability*) data dan maklumat di dalam Sistem ePBT.

## **7.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

7.3.1. Skop pengauditan meliputi pelaksanaan Projek Perintis dan Peluasan Fasa 1. Pengauditan tertumpu kepada aspek pengurusan kontrak, peruntukan/keperluan kewangan dan penggunaan sistem dengan mengambil kira aspek kawalan am dan kawalan aplikasi yang telah disediakan kepada sistem. Pengauditan ini dilaksanakan di Unit Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (UKT) dan 3 PBT iaitu Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan Majlis Daerah Tampin (MDT).

7.3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan pengurusan kontrak, pembangunan sistem serta pengendalian dan pemantauan terhadap perubahan sistem. Semakan terhadap rekod hasil dan laporan yang dijana daripada sistem juga dijalankan untuk menilai ketepatan data. Selain itu, *walk-through test* dijalankan terhadap modul yang telah dibangunkan oleh pembekal di samping mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pihak terlibat serta menyemak pangkalan data dan menganalisis data ePBT.

## **7.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan terutama dalam pengurusan kontrak dan kawalan pelaksanaan. Selain itu, terdapat masalah semasa penggunaan sistem yang belum diselesaikan menyebabkan kelancaran Sistem ePBT terganggu. Pengurusan keselamatan terhadap sistem juga kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan tersebut adalah seperti di perenggan berikut:

#### **7.4.1. Kelemahan Pengurusan Kontrak**

Pengurusan kontrak yang berkesan adalah penting bagi memastikan kontrak pembangunan sistem dengan pihak pembekal disediakan, ditandatangani dan dipatuhi serta kepentingan Kerajaan diambil kira dalam kontrak. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak bagi Sistem ePBT adalah seperti berikut:

##### **7.4.1.1. Salinan Kontrak ePBT Tidak Diserahkan Kepada PBT**

- a. Dokumen kontrak mengandungi skop kerja sebagai panduan dalam pemantauan kerja yang dilaksanakan oleh pembekal. Setiap klausa di dalam kontrak perlulah dipatuhi oleh pembekal. PBT wajar mempunyai salinan dokumen kontrak atau senarai skop kerja pembekal bagi tujuan rujukan dan pemantauan terhadap pelaksanaan Sistem ePBT. Bagaimanapun semua PBT yang dilawati tidak menerima sesalinan skop kerja atau salinan dokumen kontrak yang ditandatangani oleh KPCT bersama pihak pembekal. Keadaan ini menyebabkan Pegawai Teknologi Maklumat di PBT sukar untuk memantau pelaksanaan projek ePBT yang dilaksanakan. Selain itu, semua *deliverable* yang diberikan oleh pembekal tidak dapat disahkan oleh pihak PBT. *Deliverable* ini merangkumi pembangunan aplikasi dan perkakasan yang disediakan atau dihantar oleh pihak pembekal kepada PBT. PBT juga tidak dapat memastikan skop kerja sebenar pembekal semasa proses pelaksanaan projek.
- b. Mengikut pihak Unit Kerajaan Tempatan, permohonan bagi mendapatkan salinan kontrak asal pelaksanaan Projek ePBT telah dikemukakan beberapa kali melalui e-mel dan panggilan telefon secara terus kepada Pengarah Bahagian ICT, KPCT dan telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 2/2008 pada 29 Julai 2008. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dipersetujui kerana pada pandangan pihak Kementerian Perjanjian Pelaksanaan ePBT tersebut adalah urusan di antara Jabatan Kerajaan Tempatan dengan pihak pembekal sahaja dan salinannya tidak perlu diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

**Pada pendapat Audit, pihak PBT perlu mempunyai salinan kontrak atau senarai skop kerja pembekal bagi membolehkan PBT memantau pelaksanaan projek ePBT kerana bayaran yang dibuat kepada pembekal oleh Kementerian adalah berdasarkan kepada pengesahan oleh PBT.**

##### **7.4.1.2. Kelemahan Klausa Penyerahan Dokumentasi Sistem**

Klausa 8.3 dan 11.1.3 dalam Perjanjian Projek Perintis ePBT dan Projek Peluasan Fasa 1 masing-masing menyatakan “*The Company shall furnish free of charge to the Government a minimum of three (3) copies of all manuals and documents in both hardcopy and softcopy for the effective implementation, use and operation of the system.*” Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**a. Tiada *Data Dictionary* Untuk Pangkalan Data**

*Data Dictionary* adalah dokumen yang menerangkan berkaitan maklumat tentang data seperti maksud, hubungan dengan data lain, sumber data, panjang data dan format. Ia juga membantu membezakan *table* dan *field* dalam setiap pangkalan data. Semakan Audit mendapati, Unit Kerajaan Tempatan dan PBT tidak mempunyai *data dictionary* Sistem ePBT. Maklumat tersebut tidak diserahkan oleh pihak pembekal semasa penyerahan dokumentasi projek. Ini menyukarkan Pegawai Teknologi Maklumat PBT menyenggara dan membetulkan kesilapan sistem. Oleh yang demikian, terdapat *table* yang tidak digunakan dan memakan ruang pada pangkalan data. Di samping itu, pengesahan pangkalan data juga tidak dapat dilaksanakan oleh pihak PBT.

**b. *Entity Relationship Diagrams (ERD)* Yang Tidak Sempurna**

ERD ialah grafik yang menerangkan hubungan antara entiti di pangkalan data. Ia merupakan tahap pertama dalam reka bentuk sistem maklumat untuk menerangkan jenis maklumat yang akan disimpan di pangkalan data. Semakan Audit mendapati ERD yang diberikan oleh pihak pembekal kepada pihak Unit Kerajaan Tempatan adalah tidak lengkap. Kesannya, pengubahaan yang dilaksanakan oleh Pegawai Teknologi Maklumat PBT tidak dapat dikemas kini di ERD dan berlakunya kesilapan pada laporan yang dijana oleh sistem. Mengikut pihak Unit Kerajaan Tempatan, pihak pembekal tidak menyerahkan ERD secara rasmi, sebaliknya hanya menyerahkan *softcopy* kepada Pegawai Teknologi Maklumat Majlis Daerah Rembau untuk diedarkan kepada PBT Negeri Sembilan, Unit Kerajaan Tempatan dan Unit Pengurusan Teknologi Maklumat. Bagaimanapun, ketiga-tiga PBT yang diaudit tidak menerima dokumentasi sistem tersebut. Pegawai Teknologi Maklumat Unit Kerajaan Tempatan memaklumkan ERD tersebut terlalu ringkas dan tidak lengkap, maka perubahan dan kemas kini sistem perlu dilakukan sendiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat PBT.

**c. Tiada Manual Operasi Untuk Kaedah Pelaksanaan Sistem**

Suatu sistem yang diguna pakai perlu disertakan dengan manual operasi sistem sebagai panduan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT untuk menguruskan sistem. Semakan Audit mendapati pihak pembekal tidak menyerahkan manual operasi kepada PBT tetapi hanya menyerahkan manual pengguna. Akibatnya, Pegawai Teknologi Maklumat PBT menghadapi masalah pengoperasian sistem kerana tiada sumber rujukan dan mengambil masa yang lama untuk memahami proses kerja ePBT.

Pada pendapat Audit, proses penyerahan dokumentasi sistem adalah tidak memuaskan kerana pembekal tidak menyerahkan *Data Dictionary* dan manual operasi. Sementara penyerahan *Entity Relationship Diagrams (ERD)* tidak dibuat secara rasmi menyebabkan PBT tidak menerima sesalinan dokumen tersebut. Selain itu, ERD yang

diserahkan adalah tidak lengkap menyebabkan PBT tidak dapat menggunakan dokumentasi tersebut.

#### **7.4.2. Kawalan Pelaksanaan**

Kawalan pelaksanaan adalah untuk memastikan sistem yang dibangunkan dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Semakan Audit terhadap kawalan pelaksanaan mendapati perkara berikut:

##### **7.4.2.1. Tiada *User Acceptance Test (UAT)* Dan *Final Acceptance Test (FAT)* Bagi Projek Perintis**

*User Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* perlu dijalankan untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan yang membangunkan sistem dan PBT sebagai pengguna bahawa sistem yang diserahkan menepati keperluan. Jika tidak dipersetujui oleh Jabatan Kerajaan Tempatan dan PBT, syarat penerimaan sistem perlu ditetapkan untuk dipatuhi oleh pembekal. Jika pihak Jabatan Kerajaan Tempatan dan PBT berpuas hati dengan *User Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test*, ia perlu ditandatangani sebagai bukti penyerahan sistem. Semakan Audit mendapati tiada bukti *User Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* dijalankan bagi Projek Perintis di Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson. Keadaan ini menyebabkan terdapat sub modul yang tidak digunakan kerana tidak memenuhi keperluan aktiviti PBT. Berbanding Projek Peluasan Fasa 1 di Majlis Daerah Tampin, *User Acceptance Test* telah dijalankan secara berperingkat mengikut modul di antara 1 Disember 2008 hingga 5 Februari 2009. Manakala *Final Acceptance Test* telah ditandatangani dan diserahkan oleh pembekal pada 5 Mei 2009.

##### **7.4.2.2. Migrasi Semula Data Di Majlis Perbandaran Port Dickson**

Merujuk kepada kontrak Perintis ePBT, klausa 14.1: '*The Company shall prior to the Provisional Acceptance Test, migrate the Government's current relevant data into test data for the purpose of running and observing the system operation.*' Manakala merujuk kepada klausa 14.3: '*The Company shall be responsible for the accuracy, completeness and compatibility of the data after migration...*' Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Port Dickson bahawa migrasi pertama bagi Data Penilaian dan Data Taksiran di Majlis Perbandaran Port Dickson telah gagal. Kegagalan migrasi pertama adalah disebabkan pihak Majlis Perbandaran Port Dickson tidak jelas tentang skop kerja pembekal kerana tidak dibekalkan salinan kontrak pembangunan sistem. Ini telah menyebabkan data yang dimigrasi tidak tepat dan kebolehpercayaan data diragui. Sehubungan itu, Majlis Perbandaran Port Dickson telah menjalankan migrasi semula yang disahkan tepat pada 10 Januari 2011 dan melibatkan kos sejumlah RM22,425 yang ditanggung oleh Jabatan Kerajaan Tempatan. Disebabkan masalah tersebut Sistem ePBT lewat dilaksanakan di Majlis Perbandaran Port Dickson. Majlis Perbandaran Port Dickson memaklumkan subsistem Penilaian dan Taksiran telah digunakan di Majlis Perbandaran Port Dickson pada 11 Januari 2011 sebaik sahaja

migrasi semula data disahkan tepat. Bagaimanapun, Sistem Taksiran masih digunakan secara *parallel* dengan Sistem LoGins.

**Pada pendapat Audit, kawalan pelaksanaan dari segi pengujian kesediaan sistem adalah tidak memuaskan kerana *User Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* tidak dijalankan dan ditandatangani bagi Projek Perintis. Begitu juga proses migrasi data yang gagal dan memerlukan migrasi semula di Majlis Perbandaran Port Dickson.**

#### 7.4.3. Tahap Penggunaan Modul ePBT

Sistem ePBT hendaklah digunakan apabila ianya telah sedia untuk digunakan. Semakan Audit mendapati Sistem ePBT telah digunakan di Majlis Perbandaran Nilai. Bagaimanapun untuk modul sistem perakaunan masih belum digunakan sepenuhnya di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin. Tahap pelaksanaan mengikut modul adalah seperti berikut:

##### 7.4.3.1. Sistem Hasil

Sistem Hasil terdiri daripada 7 modul iaitu Modul Penilaian, Modul Taksiran, Modul Kutipan, Modul Kompaun, Modul Sewaan, Modul Pelesenan dan Modul Terimaan Pelbagai. Tahap penggunaan sehingga bulan Disember 2010 mengikut modul bagi Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Tahap Penggunaan Sistem Hasil Setakat Bulan Disember 2010**

Bil.	Modul	Peratus Penggunaan (%)			Justifikasi Bagi Sub Modul Belum Guna (BG)
		MPN	MPPD	MDT	
1.	Penilaian	100	0	100	<b>MPPD:</b> Masih dalam migrasi
2.	Taksiran	100	0	100	<b>MPPD:</b> Masih dalam migrasi
3.	Kutipan	100	75	100	<b>MPPD:</b> Daftar kutipan pos dan slip bank akan digunakan apabila migrasi data Cukai Taksiran selesai
4.	Kompaun	100	100	100	-
5.	Sewaan	100	100	100	-
6.	Pelesenan	100	100	100	-
7.	Terimaan Pelbagai	100	75	100	<b>MPPD (BG):</b> Menyelenggara asas akruan lain dan proses bil asas akruan kerana modul perakaunan masih belum digunakan.
<b>Jumlah (%)</b>		<b>100</b>	<b>64</b>	<b>100</b>	

Sumber: MPN,MPPD Dan MDT

##### 7.4.3.2. Sistem Perakaunan

Sistem Perakaunan terdiri daripada 11 modul iaitu Modul Lejar Am, Modul Jurnal, Modul Belanjawan, Modul Akaun Kena Bayar, Modul Pengurusan Tunai, Modul Personelia dan Gaji, Modul Pinjaman, Modul Pelaburan, Modul Pengurusan Harta, Modul Pengurusan Projek dan Modul Penutupan Hujung Tahun. Tahap penggunaan Sistem Perakaunan

sehingga bulan Disember 2010 bagi Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin adalah seperti di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.2**  
**Tahap Penggunaan Sistem Perakaunan Di Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson Dan Majlis Daerah Tampin Setakat Bulan Disember 2010**

PBT	Status Pelaksanaan (%)	Justifikasi Penggunaan Tidak Mencapai 100%
MPN	100	Tidak Berkenaan
MPPD	45.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majlis Perbandaran Port Dickson belum menggunakan Sistem Perakaunan ePBT dan masih menggunakan sistem ACCT UNIX kerana Sistem ePBT telah menimbulkan pelbagai masalah.</li> <li>Sistem ePBT dijangka akan digunakan sepenuhnya mulai bulan Januari 2011 setelah migrasi data kedua siap dijalankan.</li> </ul>
MDT	55	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majlis Daerah Tampin masih menggunakan Sistem Perakaunan Bersepada (SPB) kerana kestabilan dan kebolehpercayaan data yang dihasilkan oleh modul dalam sistem perakaunan ePBT masih diragui.</li> <li>Tahap pengetahuan pengguna yang masih rendah terhadap Sistem ePBT kerana latihan diberi sebelum sistem boleh digunakan.</li> </ul>

Sumber: MPN, MPPD Dan MDT

#### **7.4.3.3. Sistem ID Pelanggan**

Sistem ID merupakan sistem utama yang mengandungi maklumat pelanggan seperti nama, alamat dan nombor akaun. Sistem ini membantu bagi pelaksanaan modul kutipan, sewaan, pelesenan, kompaun, terimaan pelbagai dan modul lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati sistem ini telah digunakan sepenuhnya di Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin.

#### **7.4.3.4. Sistem Aduan**

Sistem Aduan adalah bagi mendaftar pengadu dan merekod maklumat aduan, merekod aduan mengikut kategori dan menyalurkan kepada Jabatan yang berkenaan, merekodkan status tindakan ke atas aduan dan penyediaan pelbagai jenis laporan yang berkaitan mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati sistem ini telah digunakan sepenuhnya di Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin.

#### **7.4.3.5. Sistem Pelaporan Ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri**

Sistem ini adalah untuk pihak Setiausaha Kerajaan Negeri melihat, mengetahui dan memantau laporan bulanan pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Teknologi Maklumat di Unit Kerajaan Tempatan, sistem ini masih

dalam proses penambahbaikan format laporan mengikut kehendak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

#### **7.4.3.6. Sistem e-Submission**

Sistem ini tidak digunakan oleh semua PBT yang dilawati kerana PBT telah menggunakan Portal Pusat Setempat (OSC) bagi kebenaran merancang dan pelan bangunan.

**Pada pendapat Audit, tahap penggunaan Sistem ePBT di Majlis Perbandaran Nilai adalah baik kerana semua modul telah digunakan. Manakala di Majlis Perbandaran Port Dickson adalah memuaskan di mana penggunaan meningkat ke tahap 82.5%. Bagaimanapun tahap penggunaan di Majlis Daerah Tampin adalah kurang memuaskan kerana masih ada modul yang belum digunakan kerana terdapat pelbagai masalah pada sistem walaupun telah melebihi tempoh kontrak pembangunan sistem.**

#### **7.4.4. Masalah Penggunaan Modul ePBT**

Tujuan ePBT dibangunkan adalah untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan PBT dalam memberi perkhidmatan dan ia bergantung kepada kelancaran sistem. Berikut adalah masalah penggunaan modul ePBT yang ditemui:

##### **7.4.4.1. Sistem Tidak Dilengkapi Dengan Semua Elemen Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan hendaklah terdiri daripada 5 elemen utama iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota-nota Kepada Akaun. Semakan Audit mendapati Sistem Perakaunan ePBT tidak mempunyai laporan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Ekuiti dan Nota-nota Kepada Akaun yang mana ia adalah komponen dalam penyediaan penyata kewangan. Keadaan ini menyebabkan PBT yang terlibat perlu menyediakan ketiga-tiga elemen tersebut secara manual.

##### **7.4.4.2. Perbezaan Antara Lembaran Imbangan Manual Dengan Sistem**

Penyata Kewangan Tahun 2009 bagi Majlis Perbandaran Nilai tidak dihasilkan daripada Sistem ePBT kerana terdapat perbezaan antara Lembaran Imbangan yang disediakan secara manual dan yang dijana oleh sistem. Akauntan dan Pegawai Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Nilai mengesahkan bahawa terdapat maklumat di Lembaran Imbangan Duga secara manual yang tidak ada di dalam sistem seperti item Pelaburan dan Pendapatan Tertunda. Ini menyebabkan ada jumlah item di dalam Sistem ePBT tidak sama dengan di manual. Pihak Majlis Perbandaran Nilai masih tidak dapat mengenal pasti punca perbezaan tersebut. Butiran perbezaan adalah seperti di **Jadual 7.3**. Majlis Perbandaran Nilai telah membawa masalah ini kepada Jabatan Kerajaan Tempatan semasa Bengkel Penambahbaikan Sistem ePBT pada 22 hingga 25 Jun 2010 dan perbincangan akan diadakan bersama pihak pembekal dan Bahagian ICT, Majlis Perbandaran Nilai pada tahun 2011 untuk memastikan persempahan Lembaran Imbangan manual sama dengan Lembaran Imbangan di Sistem ePBT.

**Jadual 7.3**  
**Perbezaan Antara Lembaran Imbangan Manual Dengan Sistem Di Majlis**  
**Perbandaran Nilai Tahun 2009**

Item	Manual (RM) (a)	Sistem ePBT (RM) (b)	Perbezaan (RM) (c) = (a) – (b)
Aset Tetap	25,608,248.00	24,021,749.99	1,586,498.01
Pelaburan	753,528.00	10,267,937.85	(9,514,409.85)
Aset Semasa			
• Wang Di Bank Dan Tangan	7,090,653.00	7,089,652.64	1,000.36
• Jumlah Harta Semasa	64,741,104.00	67,083,563.01	(2,342,459.01)
Liabiliti Semasa	29,053,691.00	25,311,415.99	3,742,275.01
Kumpulan Wang	61,844,199.00	54,757,301.14	7,086,897.86

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2009 MPN

#### **7.4.4.3. Format Penyata Kewangan Di Sistem Tidak Sama Dengan Format Manual**

Format Penyata Kewangan di sistem hendaklah mengikut format yang sama dengan tahun sebelumnya bagi tujuan perbandingan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa format yang dihasilkan oleh sistem tidak sama dengan Penyata Kewangan tahun sebelumnya yang disediakan secara manual. Keadaan tersebut telah menyebabkan ketiga-tiga PBT tidak dapat melihat perbandingan angka dengan tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan Penyata Kewangan yang dibangunkan adalah berdasarkan kehendak Majlis Daerah Kampar. Akibatnya, Majlis Perbandaran Nilai telah menyediakan Penyata Kewangan secara manual dengan menggunakan aplikasi *Microsoft Excel* sebagai langkah penyelesaian.

#### **7.4.4.4. Kelewatan Penyediaan Penyata Kewangan**

- Mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Peringkat Negeri Bil.1/2008, semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan diminta mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun. Semakan Audit terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Tampin bagi tahun 2009 mendapati:
  - Format laporan yang dijana oleh Sistem ePBT berbeza dan ada item yang tiada berbanding sistem lama (e-LoGins). Ini menyukarkan proses untuk mendapatkan jumlah bagi penyediaan laporan. Contohnya, Penyata Penyesuaian untuk cukai taksiran, sampah dan sewaan boleh dikeluarkan oleh e-LoGins tetapi tidak bagi ePBT atau tidak lengkap laporannya.

- ii. Laporan Kutipan Harian tidak dapat dikeluarkan/dicetak selepas penutupan harian. Ini menyukarkan semakan dibuat kerana perlu merujuk fail/laporan terdahulu.
  - iii. Laporan tidak tepat/diragui jumlahnya. Contohnya, jumlah kutipan dalam Modul Hasil untuk bayaran cukai tidak sama dengan jumlah kutipan dalam Modul Cukai Taksiran.
- b. Oleh sebab masalah Sistem ePBT yang masih belum selesai maka Majlis Daerah Tampin telah lewat menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2009 kepada Jabatan Audit Negara. Penyata Kewangan tahun 2009 bagi Majlis Daerah Tampin hanya dapat diserahkan pada 28 Jun 2010 di mana sepatutnya serahan dibuat sebelum atau pada 30 April 2010. Bagi menangani masalah yang dihadapi, Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin telah menggunakan alternatif lain untuk menghasilkan penyata kewangan mengikut tempoh masa yang diberikan seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Sistem Perakaunan Yang Diguna Bagi Penyediaan**  
**Penyata Kewangan Tahun 2009**

Bil.	PBT	Sistem Perakaunan
1.	Majlis Perbandaran Nilai	Manual ( <i>Ms Excel</i> )
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	Acct. Unix & Manual ( <i>Ms Excel</i> )
3.	Majlis Daerah Tampin	SPB & Manual ( <i>Ms Excel</i> )

Sumber: MPN,MPPD,MDT

#### 7.4.4.5. Pelanggan Mempunyai Lebih Daripada Satu ID

- a. Semakan Audit melalui analisis *Audit Command Language* (ACL) terhadap data Sistem ID Pelanggan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di Majlis Perbandaran Nilai mendapati 9,604 (69.6%) daripada 13,790 rekod melibatkan pertindihan nama individu/syarikat yang sama kerana mempunyai lebih dari satu ID pelanggan. Contohnya adalah seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**  
**Pelanggan Mempunyai Lebih Daripada Satu ID Pelanggan**

Nama Pelanggan	No. ID
Abd Latif Bin Hassan	ID1010606
Abd Latif Bin Hassan	ID1011342
Abd Majid A/L A.M. Ibrahim	ID1010826
Abd Majid A/L A.M. Ibrahim	ID1010827
Abd Majid A/L A.M. Ibrahim	ID1010828
Abd Patah Bin Awang	ID-00012722
Abd Patah Bin Awang	ID-00012764
Abd Rahman Bin Ibrahim	ID1021930
Abd Rahman Bin Ibrahim	ID1030740

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Mengikut maklum balas daripada Majlis Perbandaran Nilai kes pertindihan ID Pelanggan yang dikesan disebabkan oleh kesilapan pengguna (kesilapan menaip), integrasi daripada sistem lama ke Sistem ePBT yang mana seorang pemegang cukai

diberikan ID lebih daripada satu bagi akaun berlainan dan kesilapan pengguna sistem mendaftarkan pelanggan menggunakan nama yang sama tetapi memberi ID yang berlainan tanpa membuat semakan terlebih dahulu.

**Pada pendapat Audit, Sistem ePBT masih mempunyai pelbagai masalah yang menyebabkan ia tidak dapat digunakan sepenuhnya dan menyebabkan pihak PBT masih menggunakan sistem lama dan secara manual bagi mengeluarkan penyata kewangan.**

#### **7.4.5. Pengurusan Keselamatan Sistem ePBT**

PBT bertanggungjawab mengenal pasti, mewujud dan melaksanakan polisi, standard dan prosedur keselamatan Sistem ePBT bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini dan mengambil tindakan pembetulan. Pengurusan keselamatan ini penting bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan kebolehcapaian maklumat sentiasa terpelihara. Penemuan Audit terhadap status kawalan yang wujud adalah seperti berikut:

##### **7.4.5.1. Kawalan Keselamatan Fizikal Dan Persekutaran**

Pengurusan kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran penting bagi melindungi peralatan dan perisian serta dokumen berkaitan daripada sebarang bentuk pencerobohan, ancaman, kerosakan serta akses yang tidak dibenarkan. Semakan Audit mendapati pematuhan bagi kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran bilik server di Majlis Perbandaran Nilai adalah baik. Bagaimanapun, lawatan Audit di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin mendapati wujud ketidakpatuhan seperti di **Jadual 7.6**. Kegagalan Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin untuk memastikan wujud kawalan fizikal dan persekitaran yang baik boleh menyebabkan peralatan dan perisian terdedah kepada pencerobohan, ancaman dan kerosakan.

**Jadual 7.6**  
**Pematuhan Terhadap Kawalan Fizikal Dan Persekutaran Bilik Server**

Bil.	Pematuhan	MPN	MPPD	MDT
1.	Lokasi Bilik Server	Ya	Ya	Ya
2.	Pendawaian Bilik Server	Ya	Ya	Ya
3.	Suhu Bilik Server	Ya	Ya	Ya
4.	Kawalan Akses Bilik Server	Ya	Tidak	Ya
5.	Alat Pemadam Api	Ya	Tidak	Ya
6.	Alat Pengesan Kebakaran	Ya	Tidak	Tidak
7.	Buku Log Bilik Server	Ya	Ya	Tidak

*Sumber: MPN, MPPD Dan MDT*

**Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran di Majlis Perbandaran Nilai adalah baik. Bagaimanapun, di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin masih terdapat kelemahan kerana tiada alat pengesan kebakaran dipasang di bilik server.**

#### **7.4.5.2. Kawalan Akses Logikal**

Kawalan akses logikal perlu diwujudkan bagi menghadkan capaian pengguna ke atas aplikasi dan data yang terkawal. Kebenaran capaian akan diberikan kepada pegawai yang mempunyai keperluan kerja yang berkaitan dengannya sahaja. Semakan Audit mendapati tiada polisi dibekalkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT untuk menentukan had akses seseorang pengguna. Mengikut syarat dalam perjanjian antara pembekal dengan Kerajaan, pihak pembekal perlu mengemukakan cadangan bagi ciri keselamatan yang perlu bagi Sistem ePBT. Hasil temu bual bersama Pegawai Teknologi Maklumat di ketiga-tiga PBT, pihak Audit mendapati pembekal tidak memaklumkan atau memberi sebarang cadangan kepada PBT. Ini menyebabkan tiada keseragaman dalam kawalan akses logikal di setiap PBT yang diaudit. Bahagian ICT Majlis Perbandaran Nilai telah mengeluarkan arahan pada 17 Mac 2009 kepada semua pengguna di setiap bahagian bagi mengenal pasti modul/sistem yang digunakan bagi mewujudkan paras keselamatan akses sistem terhadap sesuatu modul dan hanya boleh dicapai mengikut keperluan masing-masing. Manakala Majlis Perbandaran Port Dickson telah mengambil tindakan dengan mewujudkan *Group User* bagi mengawal penggunaan ID pengguna.

**Pada pendapat Audit, kawalan akses logikal Sistem ePBT adalah tidak memuaskan kerana polisi serta garis panduan tidak disediakan sebagai rujukan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT.**

#### **7.4.5.3. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan*)**

Pelan Kesinambungan Perkhidmatan perlu dibangunkan bagi memastikan penggunaan yang cekap terhadap sumber komputer, wujudnya *backup* terhadap aplikasi dan data serta memastikan sistem tidak tergendala jika berlakunya gangguan dan bencana.

##### **a. Tiada Standard Operating Procedure (SOP) Untuk Kaedah Pelaksanaan *Backup***

*Backup* adalah satu kaedah bagi menjaga keselamatan data agar sentiasa terpelihara daripada sebarang kejadian yang boleh mengakibatkan kehilangan data. *Backup* perlu mempunyai SOP bagi memastikan pelaksanaannya adalah teratur dan mencapai objektif. Semakan Audit mendapati:

- i. Tiada sebarang SOP dibekalkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT. Selain itu, tiada arahan dan prosedur yang dikeluarkan untuk mewajibkan Pegawai Teknologi Maklumat PBT menjalankan *backup* setiap hari. Pegawai Teknologi Maklumat PBT hanya melaksanakan *backup* berdasarkan inisiatif sendiri. Pihak Audit mendapati pita *backup* di Majlis Perbandaran Nilai disimpan dengan selamat di dalam rak yang berkunci. Bagaimanapun, pita *backup* di Majlis Daerah Tampin hanya disimpan di dalam kabinet yang tidak berkunci di bilik Juruteknik Komputer. Manakala pita *backup* di Majlis Perbandaran Port Dickson pula disimpan di dalam bilik *server* tanpa kawalan.

- ii. Semua PBT tidak melaksanakan *offsite backup* di mana semua pita *backup* disimpan di bangunan yang sama. Ketiadaan SOP untuk kaedah pelaksanaan *backup* telah menyebabkan Pegawai Teknologi Maklumat PBT gagal melaksanakan *backup* mengikut prosedur yang sewajarnya. Menurut pihak Unit Kerajaan Tempatan, SOP *backup* telah diserahkan oleh pembekal kepada PBT dan disalinkan kepada Unit Kerajaan Tempatan dan Unit Pengurusan Teknologi Maklumat. Bagaimana pun Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson dan Majlis Daerah Tampin tidak menerima SOP *backup* dari pembekal atau pun Unit Kerajaan Tempatan. Selepas teguran Audit, Majlis Perbandaran Port Dickson telah memohon untuk pelaksanaan *offsite backup* dengan menghantar surat permohonan ke Pejabat Tanah Dan Galian Port Dickson. Sementara di Majlis Daerah Tampin, pita *backup* telah disimpan di Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan yang terletak di bangunan berasingan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan *backup* adalah kurang memuaskan kerana tiada SOP dibekalkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT dan menyebabkan pita *backup* tidak disimpan dengan selamat. Selain itu, *offsite backup* tidak dilaksanakan oleh PBT.**

#### **7.4.5.4. Sistem Tidak Mempunyai Jejak Audit/Log Audit**

Mengikut Perjanjian Projek Perintis, Sistem ePBT perlu mempunyai jejak audit iaitu *logfile* untuk mengesan sebarang perubahan yang dibuat ke atas pangkalan data. Semakan Audit mendapati Sistem ePBT tidak mempunyai jejak audit seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian. Perkara ini menyebabkan Pegawai Teknologi Maklumat di ketiga-tiga PBT tidak dapat mengenal pasti identiti pengguna serta aktiviti yang telah dilakukan oleh pengguna.

**Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap perjanjian berkenaan fungsi jejak audit adalah tidak memuaskan kerana pihak pembekal gagal menyediakannya seperti dalam perjanjian.**

### **7.5. SYOR AUDIT**

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya semua pihak yang terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan Sistem ePBT mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 7.5.1. Pihak Jabatan Kerajaan Tempatan perlu memastikan salinan kontrak atau senarai skop kerja diserahkan kepada PBT untuk mengelakkan kesukaran PBT melaksanakan pemantauan. Syor ini boleh dimaklumkan oleh Unit Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan bagi memastikan masalah ini tidak akan berulang untuk Projek ePBT Fasa 2.

7.5.2. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan pembekal menyerahkan semua dokumentasi sistem yang lengkap kepada PBT.

7.5.3. Pihak PBT perlu melaporkan masalah yang dibangkitkan oleh pengguna mengenai sistem kepada pembekal dan Unit Kerajaan Tempatan bagi memastikan kelancaran sistem.

7.5.4. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan pembekal menyediakan format penyata kewangan mengikut kesesuaian setiap PBT dan syor ini perlu dimaklumkan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan untuk projek ePBT Fasa 2 agar objektif sistem ini dapat dicapai.

7.5.5. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu mengeluarkan satu garis panduan bagi mengawal Sistem ID Pelanggan untuk mengelakkan pelanggan mempunyai lebih daripada satu ID.

7.5.6. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memastikan *Standard Operating Procedure* untuk pelaksanaan *backup* dibekalkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat PBT agar pelaksanaan *backup* dapat dijalankan secara teratur dan mencapai objektif.

7.5.7. Pihak Unit Kerajaan Tempatan perlu memaklumkan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan tentang keperluan jejak audit dalam Sistem ePBT untuk penambahbaikan sistem.



## **BAHAGIAN II**

# **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



## BAHAGIAN II

### PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

#### 8. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 Pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit 2 syarikat subsidiari Yayasan Negeri Sembilan iaitu Rembau Crystal Sdn. Bhd. dan Angkatan Seni Baru (NS) Sdn. Bhd.

#### YAYASAN NEGERI SEMBILAN

#### 9. REMBAU CRYSTAL SDN. BHD.

##### 9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Rembau Crystal Sdn. Bhd. (RCSB) merupakan sebuah syarikat subsidiari Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.99 juta. RCSB ditubuhkan pada 6 Jun 2007 dan pemegang sahamnya adalah seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Pemegang Saham RCSB Pada November 2010**

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Saham (RM)	Peratus Pegangan (%)
1.	Yayasan Negeri Sembilan	952,870	96.0
2.	Saham Minoriti	40,000	4.0
<b>Jumlah</b>		<b>992,870</b>	<b>100.0</b>

*Sumber: Rekod RCSB*

9.1.2. Objektif penubuhan RCSB sebagaimana termaktub dalam Memorandum Dan Artikel Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan membeli, menjual, mengagihkan dan sebagai agen cenderamata, kraftangan dan lain-lain yang berkaitan. RCSB diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengurus (Pegawai Kewangan Negeri), seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, seorang wakil Yayasan dan 2 orang ahli perniagaan. Sehingga bulan Disember 2010, RCSB diketuai oleh Pengurus Besar dan mempunyai 13 orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan Bahagian Pentadbiran, Pemasaran dan Pengeluaran. RCSB terletak di kawasan seluas 4.25 ekar yang beralamat di 1432, Kompleks Perkampungan Kristal, Jalan Mulia, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.

9.1.3. Kegiatan utama RCSB adalah untuk mengkomersialkan produk kristal dengan mempelbagaikan pengeluaran berasaskan produk tersebut. Penubuhan RCSB mengambil kira saranan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6) iaitu "Program Satu Daerah Satu Industri". RCSB yang diwujudkan sebagai sebuah Perkampungan Kristal, secara umumnya dapat menjadi tarikan pelancong ke Daerah Rembau. Peraturan yang digunakan oleh RCSB untuk melaksanakan operasi dan aktivitinya adalah melalui Akta Syarikat 1965, Pekeliling Kerajaan yang berkaitan, keputusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah serta *Standard Operating Procedure* (SOP).

## **9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan RCSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan.

## **9.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus RCSB. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

## **9.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 mendapati RCSB memperoleh keuntungan bersih sejumlah RM40,393 pada tahun 2009 berbanding kerugian sejumlah RM67,882 dan RM28,152 masing-masing pada tahun 2007 dan 2008. Pengurusan RCSB secara keseluruhannya adalah baik kecuali promosi produk kristal yang tidak meluas, kurangnya usaha pengindahan di sekitar kawasan Perkampungan Kristal, Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan, rancangan strategi jangka panjang tidak disediakan, pembayaran bonus kepada kakitangan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan tiada pembayaran dividen kepada Yayasan. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

### **9.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **9.4.1.1. Analisis Trend**

Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2007 hingga 2009 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:


- a. Pada tahun 2007 dan 2008, RCSB mencatatkan kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM67,882 dan RM28,152. Bagaimanapun pada tahun 2009, RCSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM48,469. Kerugian yang ditanggung RCSB bagi 2 tahun pertama adalah kerana syarikat baru memulakan operasi. Peningkatan ketara bagi pendapatan RCSB pada tahun 2008 berbanding tahun 2007, iaitu sejumlah RM330,094 bersamaan 5,446.2% adalah berpunca daripada hasil tidak langsung yang merupakan pemberian peruntukan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi pembangunan RCSB berjumlah RM210,000. Manakala peningkatan ketara bagi perbelanjaan RCSB pada tahun 2008 berbanding tahun 2007, iaitu sejumlah RM290,364 bersamaan 392.7%. Keadaan ini adalah berpunca daripada peningkatan belanja tidak langsung yang tinggi berbanding belanja langsung. Sehubungan itu, nisbah pertambahan belanja tidak langsung berbanding pertambahan belanja langsung pada tahun 2008 adalah 2.27:1. Pada tahun 2009 pula, jumlah pendapatan syarikat meningkat sejumlah RM232,788 atau 69.3%. Manakala jumlah perbelanjaan pula berkurangan sejumlah RM156,167 atau 42.9%.
- b. Pendapatan utama RCSB diperoleh daripada penjualan produk kristal keluarannya yang dikategorikan sebagai hasil langsung dalam penyata kewangan. Hasil langsung pada tahun 2007 iaitu tahun permulaan ia beroperasi adalah sebanyak RM6,061 sahaja. Selanjutnya pada tahun 2008 hasil langsung meningkat sebanyak 1,981.4% kepada RM126,155. Manakala pada tahun 2009 hasil langsung terus meningkat kepada RM518,943 atau 311.4% berbanding tahun 2008. Walaupun jumlah hasil langsung semakin meningkat pada tahun 2009, RCSB cuma mendapat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM48,469 kerana terpaksa menanggung kos pentadbiran yang tinggi.
- c. Mulai tahun 2007 hingga 2009, RCSB menanggung perbelanjaan tahunan yang semakin meningkat masing-masing berjumlah RM73,943, RM364,307 dan RM520,474. Belanja langsung adalah merupakan kos bahan mentah yang diimport dari luar negara bagi menghasilkan kristal yang berkualiti. Manakala peningkatan belanja tidak langsung disumbangkan oleh kos pentadbiran seperti gaji pekerja, bayaran sewa hostel bagi pelatih, penyenggaraan bangunan setiap tahun sejajar dengan permintaan produk yang semakin meningkat. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian RCSB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.2** dan **Carta 9.1**.

**Jadual 9.2**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi RCSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**

Butiran	2007	2008	2009	Peningkatan/ (Penurunan)	
	(RM)	(RM)	(RM)	2007-2008 (%)	2008-2009 (%)
<b>Pendapatan</b>					
Hasil Langsung	6,061	126,155	518,943	1,981.4	311.4
Hasil Tidak Langsung	0	210,000	50,000	100.0	(76.2)
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>6,061</b>	<b>336,155</b>	<b>568,943</b>	<b>5,446.2</b>	<b>69.3</b>
<b>Perbelanjaan</b>					
Belanja Langsung	3,991	92,655	152,380	2,221.6	64.5
Belanja Tidak Langsung	69,952	271,652	368,094	288.3	35.5
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>73,943</b>	<b>364,307</b>	<b>520,474</b>	<b>392.7</b>	<b>42.9</b>
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(67,882)	(28,152)	48,469	(58.5)	(272.2)
Cukai	0	0	8,076	0	100.0
<b>Untung/(Rugi) Bersih</b>	<b>(67,882)</b>	<b>(28,152)</b>	<b>40,393</b>	<b>0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan RCSB

**Carta 9.1**  
**Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian**  
**Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan RCSB

Sumber: Penyata Kewangan RCSB

**Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan RCSB pada akhir 2009 adalah bertambah baik kerana berjaya mendapat keuntungan bersih berbanding kerugian yang dialami pada 2 tahun sebelumnya kerana baru memulakan operasi.**

#### 9.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan RCSB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran di Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.3**.

**Jadual 9.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan RCSB Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2007	2008	2009
1.	Nisbah Semasa	0.60 : 1	0.52 : 1	5.15 : 1
2.	Margin Keuntungan Bersih	(1,120.0%)	(22.3%)	9.3%
3.	Pulangan Ke Atas Aset	(1.10) : 1	(0.13) : 1	0.05 : 1
4.	Pulangan Ke Atas Ekuiti	(2.11) : 1	(0.27) : 1	0.04 : 1

Sumber: Penyata Kewangan RCSB

#### a. **Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Hasil analisis nisbah semasa bagi tahun 2007 dan 2008 menunjukkan RCSB masih belum mampu memenuhi tuntutan liabiliti semasa kerana baru memulakan operasi. Namun pada tahun 2009, setiap RM1 liabiliti semasa mampu ditampung oleh RM5.15 aset semasa. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan penghutang dan wang di bank dan tangan hasil daripada peningkatan jualan pada tahun 2009. Ini bermakna RCSB mempunyai kekuatan kewangan yang tinggi dan mampu menjelaskan hutang jangka pendek apabila diperlukan.

#### b. **Margin Keuntungan Bersih**

Margin Keuntungan Bersih digunakan untuk mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (*core business*). Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati pada tahun 2007 dan 2008, RCSB tidak mendapat sebarang keuntungan bagi setiap RM1 yang dijana melalui jualan. Bagaimanapun pada tahun 2009, RCSB memperoleh 9.3% atau 9.3 sen keuntungan bagi setiap RM1 yang dijana melalui jualan. Peningkatan ini adalah didorong oleh hasil jualan yang meningkat dengan ketara berbanding tahun sebelumnya.

#### c. **Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan Ke Atas Aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh daripada pelaburan aset iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati setiap RM1 nilai aset yang digunakan oleh RCSB pada tahun 2007 dan 2008 mengalami kerugian masing-masing sejumlah RM1.10 dan 13 sen. Manakala pada tahun 2009, RCSB mengalami keuntungan sejumlah 5 sen bagi setiap RM1 nilai aset yang digunakan.

#### d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan Ke Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Hasil analisis menunjukkan pulangan ekuiti negatif ke atas ekuiti bagi tahun 2007 dan 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2009 RCSB telah mencatatkan pulangan ekuiti sejumlah 4 sen keuntungan bagi setiap RM1 nilai ekuiti. Peningkatan yang positif ini menggambarkan bahawa RCSB baru mula menghasilkan keuntungan daripada setiap unit ekuiti yang telah disumbangkan.

**Pada pendapat Audit, RCSB berada pada kedudukan kewangan yang baik kerana mendapat keuntungan mulai tahun 2009 berbanding 2 tahun terdahulu kerana baru beroperasi. RCSB turut mempunyai kekuatan kewangan bagi memenuhi tuntutan liabiliti semasa syarikat pada tahun 2009.**

#### 9.4.2. Pengurusan Aktiviti

9.4.2.1. RCSB mengeluarkan produk kristal menggunakan 2 kaedah iaitu *borosilicate* dan *glass blowing*. *Borosilicate* adalah kaedah penghasilan produk kristal melalui batang kaca kristal yang dileburkan pada suhu 200°C. Manakala *glass blowing* adalah kaedah penghasilan produk kristal melalui *glass frits-powder* yang dileburkan pada suhu 1,400°C atau suhu tertentu yang bersesuaian dengan bahan mentah berkenaan. Penghasilan produk kristal melalui kaedah *borosilicate* adalah lebih halus berbanding kaedah *glass blowing*. Produk kristal yang dihasilkan melalui kaedah *borosilicate* dibuat mengikut tempahan seperti replika rumah minangkabau dan keris. Manakala produk kristal melalui kaedah *glass blowing* seperti bentuk buah-buahan, binatang, pasu dan bunga tulip dihasilkan berdasarkan unjuran jualan dari semasa ke semasa. Produk kristal yang dihasilkan adalah seperti di **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.4**.

**Gambar 9.1**  
Replika Rumah Minangkabau  
Melalui Kaedah *Borosilicate*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 3 Ogos 2010

**Gambar 9.2**  
Replika Keris  
Melalui Kaedah *Borosilicate*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 3 Ogos 2010

**Gambar 9.3**  
**Produk Kristal Yang Dihasilkan Melalui Kaedah *Glass Blowing***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 5 Ogos 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 3 Ogos 2010

#### a. Kegiatan Penggalakan Jualan

Adalah didapati RCSB telah meletakkan papan tanda RCSB di tepi jalan raya sebagai salah satu cara bagi menunjukkan kewujudannya di Daerah Rembau dan seterusnya mempromosi produk keluarannya. Selain itu, promosi di laman sesawang Lembaga Pelancongan Malaysia dan Yayasan ada dilaksanakan. RCSB juga mempunyai 2 orang pegawai pemasaran yang menjalankan promosi ke syarikat swasta dan kilang bagi mencari pasaran. Pertambahan bilangan pelancong ke Perkampungan Kristal dapat dilihat daripada peningkatan bilangan bas pelancong yang melawat perkampungan ini pada tahun 2010 iaitu sebanyak 348 buah bas berbanding 316 buah bas pada tahun 2009. Bagaimanapun, trend kunjungan bas pelancong tersebut menunjukkan penurunan bermula pada bulan Julai 2010 seperti di **Carta 9.2**.


**Carta 9.2**  
**Bilangan Bas Pelancong Ke Perkampungan Kristal RCSB Mengikut Bulan Bagi Tahun 2009 Dan 2010**



Sumber: Rekod RCSB

- i. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah pada 16 Ogos 2010 mendapati ahli mesyuarat memberi ulasan terhadap promosi jualan yang kurang berkesan. Wujud trend penurunan jualan pada penghujung tahun 2010 berbanding 2009 seperti di **Carta 9.3**.

**Carta 9.3**  
**Jualan RCSB Mengikut Bulan Bagi Tahun 2009 Dan 2010**



Sumber: Rekod RCSB

- ii. Lawatan Audit pada 9 Ogos 2010 mendapati kawasan sekitar Perkampungan Kristal tidak menarik perhatian di mana tiada pengindahan dilakukan atau mercu tanda dibina seperti di **Gambar 9.5**. Jalan masuk ke kawasan RCSB juga didapati rosak disebabkan pembinaan stesen komuter berhampiran dan mendatangkan ketidakselesaan kepada pelancong yang melaluinya seperti di **Gambar 9.6**.

**Gambar 9.5**  
Pintu Masuk RCSB Tidak Dimanfaatkan  
Untuk Mengindahkan Kawasan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 9 Ogos 2010

**Gambar 9.6**  
Jalan Masuk Ke RCSB Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RCSB, Rembau  
Tarikh: 9 Ogos 2010

- iii. Menurut maklum balas RCSB pada 24 Februari 2011, cadangan untuk menambah pengindahan dan membina mercu tanda memang dalam pemerhatian pihak

pengurusan RCSB tetapi memandangkan tiada peruntukan bagi tahun 2010 maka perkara ini ditangguhkan. Sementara masalah kerosakan jalan masuk ke Perkampungan Kristal hanya sementara sehingga pembinaan stesen komuter siap. Bagaimanapun, pihak RCSB memaklumkan bahawa pihak kontraktor pembinaan stesen komuter berjanji akan membaiki segala kerosakan yang timbul.

**Pada pendapat Audit, RCSB perlu meningkatkan kegiatan penggalakan jualan produk kristal kerana jualan semakin merosot pada penghujung tahun 2010.**

#### **9.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir Urus Korporat adalah keadaan bagaimana syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi.

##### **9.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah penting bagi mengawasi perkembangan syarikat supaya tindakan segera dan sewajarnya dapat diambil demi mencapai objektif dan sasaran prestasi syarikat. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan bahawa Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dilaksanakan mengikut ketetapan minima iaitu 4 kali setahun disebabkan oleh kekangan masa Ahli Lembaga Pengarah. Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

**Jadual 9.4**  
**Mesyuarat Lembaga Pengarah Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah
2007	2
2008	2
2009	1
2010	2

Sumber: Rekod RCSB

##### **9.4.3.2. Rancangan Korporat**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemaskini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat perlu disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya untuk membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Rancangan korporat juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik antara kakitangan dengan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati pihak RCSB ada menyediakan rancangan jangka pendek bagi tahun 2010. Bagaimanapun, RCSB tidak mempunyai rancangan jangka panjang untuk menunjukkan hala tuju syarikat sejajar dengan objektif penubuhannya. Selanjutnya, adalah didapati mesyuarat Lembaga

Pengarah bertarikh 23 Mei 2009 memutuskan semua saham milik Yayasan akan dijual kepada pemegang saham minoriti selepas 5 tahun RCSB beroperasi. Bagaimanapun, tiada penjelasan lanjut secara bertulis mengenai penjualan saham tersebut. Menurut maklum balas RCSB, pada awal penubuhannya, Lembaga Pengarah telah merancang untuk menyerahkan RCSB kepada pemegang saham minoriti. Bagaimanapun, rancangan tersebut tidak dilaksanakan selepas penambahan modal oleh Yayasan bagi tempoh 2008 hingga 2009.

#### **9.4.3.3. Pembayaran Bonus**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan bayaran bonus syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Adalah didapati RCSB ada membuat pembayaran bonus kepada kakitangan bagi tahun kewangan 2009 sebanyak setengah bulan gaji sejajar dengan prestasi yang baik bagi tahun kewangan berkenaan. Pembayaran dibuat setelah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah RCSB pada 2 April 2010 dan dikemukakan kepada Yayasan tetapi tiada bukti kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai Pihak Berkuasa Negeri.

#### **9.4.3.4. Pembayaran Dividen**

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Bayaran dividen hendaklah sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati RCSB tidak pernah membuat pembayaran dividen kepada Yayasan. Namun, pihak RCSB ada membuat pembayaran sumbangan kepada Yayasan sejumlah RM30,000 bagi tahun kewangan 2009.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat RCSB masih memerlukan penambahbaikan. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah gagal dilaksanakan 4 kali setahun seperti kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998. Bagi rancangan jangka panjang pula, hala tuju RCSB tidak dapat dipastikan dan tidak seiring dengan penubuhan syarikat yang bersifat berterusan. Manakala bagi pembayaran dividen dan bonus tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Seterusnya, sumbangan RCSB kepada Yayasan tidak boleh diambil kira sebagai ganti dividen. Sebarang pengecualian dividen bagi RCSB hendaklah dikemukakan oleh Yayasan kepada Pihak Berkuasa Negeri.**

### **9.5. SYOR AUDIT**

Pengurusan RCSB pada keseluruhannya adalah baik. Namun beberapa perkara perlu diberi penekanan dalam usaha menambah baik operasi syarikat dan meningkatkan pendapatan. Pihak RCSB adalah disyorkan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

9.5.1. Strategi pemasaran haruslah diperluaskan lagi dan tidak tertumpu hanya di kawasan Negeri Sembilan sahaja. RCSB perlu mewujudkan laman sesawang sendiri bagi tujuan promosi.

9.5.2. Melaksanakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 3 bulan sekali selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

9.5.3. Menyediakan perancangan strategi jangka panjang supaya hala tuju lebih jelas dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Oleh itu, prestasi RCSB dapat dipantau bagi tujuan penambahbaikan agar selaras dengan matlamat Yayasan dan Kerajaan Negeri Sembilan.

9.5.4. Pemberian bonus tahunan hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Pekeliling Bil.10 Tahun 1993.

9.5.5. Tindakan RCSB untuk tidak mengeluarkan dividen bagi sesuatu tahun kewangan sepatutnya dikemukakan oleh Yayasan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaku Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 1993.

## YAYASAN NEGERI SEMBILAN

### **10. ANGKATAN SENI BARU (NS) SDN. BHD.**

#### **10.1. LATAR BELAKANG**

10.1.1. Angkatan Seni Baru (NS) Sdn. Bhd. (ASB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 Mac 1992. Modal yang dibenarkan sejumlah RM0.5 juta manakala modal berbayar sejumlah RM0.45 juta. ASB merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan).

10.1.2. Objektif penubuhan ASB adalah untuk mengekalkan dan mempertahankan keaslian tradisi kebudayaan Negeri Sembilan untuk generasi akan datang serta memperkenalkan budaya dan kesenian tradisional Negeri Sembilan kepada masyarakat dalam dan luar negara. ASB diterajui oleh 2 orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengerusi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan seorang wakil Yayasan. Pengurusan ASB diketuai oleh seorang Pengarah iaitu seorang pegawai tadbir daripada Yayasan dan dibantu oleh 24 orang kakitangan pengurusan, pemuzik dan penari.

10.1.3. ASB menguruskan 2 aktiviti iaitu persembahan seni kebudayaan dan pengurusan acara. ASB telah memulakan aktiviti persembahan seni kebudayaan sejak ditubuhkan pada tahun 1992 atas permintaan pihak Kerajaan Negeri, badan-badan korporat dan swasta, Jabatan Kerajaan dan orang perseorangan. Bayaran bagi setiap persembahan adalah berdasarkan kepada bajet pelanggan dan jenis persembahan.

#### **10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan ASB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan.

#### **10.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus ASB. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

#### **10.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2010 mendapati ASB memperoleh keuntungan bersih selepas cukai sejumlah RM43,851 pada tahun 2007 tetapi mengalami

penurunan kepada sejumlah RM11,709 pada tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2009 syarikat memperolehi peningkatan keuntungan menjadi sejumlah RM183,187. Pengurusan aktiviti utama syarikat tersebut adalah baik tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti kelewatan menjelaskan bayaran persembahan, nama pegawai digunakan atas cek agihan tunai, kekerapan minima mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak dipatuhi, bajet tahun 2010 tidak disediakan untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan perolehan tidak melalui Jawatankuasa Sebut Harga serta Lembaga Tender. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus syarikat adalah seperti berikut:

#### **10.4.1. Prestasi Kewangan**

##### **10.4.1.1. Analisis Trend**

Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2007 hingga 2009 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

- a. Pada tahun 2007 hingga 2009, ASB mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM44,019, RM11,874 dan RM183,235. Walaupun ASB mencatat keuntungan bagi 3 tahun kewangan semasa, ASB sebenarnya mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM133,879 sehingga tahun 2009. Peningkatan ketara bagi perbelanjaan ASB pada tahun 2008 berbanding tahun 2007, iaitu sejumlah RM395,168 bersamaan 83% adalah berpunca keuntungan sebelum cukai menurun 73%. Nisbah pertambahan perbelanjaan berbanding pertambahan pendapatan pada tahun 2008 adalah 1.09:1. Pada tahun 2009 perbelanjaan menurun sejumlah RM137,426 atau 15.5% kerana kurangnya belanja langsung. Oleh itu keuntungan sebelum cukai pada 2009 bertambah baik dengan peningkatan RM171,361 atau 1,443.2%. Keuntungan bersih ASB selepas cukai bagi tahun 2007 hingga 2009 masing-masing sejumlah RM43,851, RM11,709 dan RM183,187.
- b. Pada tahun 2009, pendapatan yang direkodkan oleh ASB sejumlah RM917,294 berbanding RM883,359 pada tahun 2008 dan RM520,336 pada tahun 2007. Pendapatan dibahagikan kepada hasil langsung dan hasil tidak langsung. Hasil langsung ASB diperoleh daripada pendapatan persembahan seni kebudayaan dan pengurusan acara. Peningkatan hasil langsung bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah sejumlah RM356,970 atau 262.1%. Bagaimanapun terdapat trend menurun bagi hasil langsung pada tahun 2009 sejumlah RM38,608 atau 7.8%. Sebagai Syarikat Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk mengekalkan dan mempertahankan keaslian tradisi kebudayaan, ASB mendapat sumbangan daripada Yayasan. Semakan Audit mendapati lebih daripada 90% hasil tidak langsung adalah sumbangan Yayasan untuk menampung bayaran gaji kakitangan, penari dan elau Ahli Lembaga Pengarah.
- c. Analisis perbelanjaan dibuat berdasarkan kepada perbelanjaan syarikat iaitu belanja langsung yang terdiri daripada belanja penyenggaraan kostum, peralatan tarian, gaji pekerja dan belanja-belanja lain yang berkaitan dengan aktiviti persembahan.


Manakala belanja tidak langsung terdiri daripada kos pemasaran dan kos pengurusan serta lain-lain belanja operasi. Perbelanjaan ASB pada tahun 2009 berjumlah RM734,059, RM871,485 pada tahun 2008 dan RM476,317 pada tahun 2007. Peningkatan perbelanjaan sebanyak 83% pada tahun 2008 adalah disebabkan belanja langsung yang tinggi yang melibatkan pembelian kostum dan peralatan. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian ASB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 10.1** dan **Carta 10.1**.

**Jadual 10.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan ASB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**

Butiran	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	Peningkatan/(Penurunan)	
				2007-2008 (%)	2008-2009 (%)
<b>Pendapatan</b>					
Hasil Langsung	136,200	493,170	454,562	262.1	(7.8)
Hasil Tidak Langsung	384,136	390,189	462,732	1.6	18.6
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>520,336</b>	<b>883,359</b>	<b>917,294</b>	<b>69.8</b>	<b>3.8</b>
<b>Perbelanjaan</b>					
Belanja Langsung	421,849	822,202	681,184	94.9	(17.2)
Belanja Tidak Langsung	54,468	49,283	52,875	(9.5)	7.3
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>476,317</b>	<b>871,485</b>	<b>734,059</b>	<b>83.0</b>	<b>(15.8)</b>
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>44,019</b>	<b>11,874</b>	<b>183,235</b>	<b>(73.0)</b>	<b>1,443.2</b>
Cukai	168	165	48	(1.8)	(70.9)
<b>Untung/(Rugi) Bersih</b>	<b>43,851</b>	<b>11,709</b>	<b>183,187</b>	<b>(73.3)</b>	<b>1,464.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan ASB

**Carta 10.1**  
**Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan ASB**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan ASB

Sumber: Penyata Kewangan ASB

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan ASB bertambah baik pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya. Walaupun penyata kewangan ASB menunjukkan keuntungan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 namun sebenarnya ASB mendapat

sumbangan dari Yayasan Negeri Sembilan untuk menampung perbelanjaan pentadbirannya.

#### **10.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan ASB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan ASB bagi tahun 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan ASB Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran</b>	<b>Tahun</b>		
		<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
i.	Nisbah Semasa	1.97 : 1	2.44 : 1	14.99 : 1
ii.	Margin Keuntungan Bersih	32.3 %	2.4%	40.3%
iii.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.24 : 1	0.06 : 1	0.55 : 1
iv.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.36 : 1	0.09 : 1	0.58 : 1

Sumber: Penyata Kewangan ASB

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Pada tahun 2007, Nisbah Semasa ASB adalah 1.97 kali dan meningkat kepada 2.44 kali pada tahun 2008. Seterusnya pada tahun 2009, Nisbah Semasa meningkat secara mendadak kepada 14.99 kali. Nisbah ini menunjukkan ASB mempunyai kecairan yang baik dan berupaya untuk membayar balik liabiliti semasa.

##### **b. Margin Keuntungan Bersih**

Margin Keuntungan Bersih mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (*core business*) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Margin Keuntungan Bersih pada tahun 2009 adalah pada kadar 40.3% atau 40.3 sen berbanding 32.3% atau 32.3 sen pada tahun 2007 manakala 2.4% atau 2.4 sen pada tahun 2008. Peningkatan dalam margin keuntungan disebabkan pengurangan kos perbelanjaan syarikat.

##### **c. Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang

digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Nisbah Pulangan Atas Aset ASB adalah pada kadar 23.8% atau 23.8 sen pada tahun 2007 dan menurun kepada 6 sen pada tahun 2008. Namun begitu, ASB berjaya meningkatkan pulangan hasil atas setiap asetnya pada tahun 2009 kepada 55 sen. Sehubungan itu, ASB perlu mempertingkatkan kapasiti pengeluaran dan meluaskan pasaran perniagaan.

#### **d. Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati pulangan sebanyak 36 sen berbanding RM1 modal yang digunakan pada tahun 2007 manakala berlaku penurunan pulangan yang mendadak pada tahun 2008 sebanyak 9 sen. Namun begitu, pada tahun 2009 ia menunjukkan pulangan positif sebanyak 58 sen bagi setiap RM1 yang digunakan. Keadaan ini menunjukkan ASB berupaya memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada pemegang ekuiti.

**Pada pendapat Audit, daripada analisis nisbah yang dilakukan, ASB berada di dalam kedudukan yang baik kerana berupaya meningkatkan keuntungan pada tahun 2009. ASB turut menunjukkan peningkatan di dalam memenuhi tuntutan liabiliti semasa syarikat.**

#### **10.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama ASB ialah persembahan seni dan kebudayaan serta pengurusan acara. Semakan Audit mendapati terdapat kelemahan dalam pungutan bayaran persembahan daripada pelanggan dan pengeluaran wang tunai untuk bayaran pengurusan acara seperti berikut:

##### **10.4.2.1. Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti**

Sepanjang tahun 2008 hingga 2010 sejumlah 185 persembahan seni dan kebudayaan telah berjaya dilaksanakan seperti di **Jadual 10.3**. Pada tahun 2008, ASB telah memulakan aktiviti pengurusan acara. Bidang pengurusan acara ini tidak berdasarkan keuntungan sebaliknya bertujuan untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sebuah kumpulan yang membantu menaikkan imej Kerajaan Negeri. ASB telah mengendalikan 7 pengurusan acara bagi tahun 2009 dan 6 pengurusan acara bagi tahun 2010. Kesemua acara adalah berkaitan majlis rasmi Kerajaan Negeri.

**Jadual 10.3**  
**Persembahan Seni ASB Sepanjang**  
**Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Bil. Persembahan Seni
2008	62
2009	87
2010	36
<b>Jumlah</b>	<b>185</b>

Sumber: Rekod ASB

#### **10.4.2.2. Kelewatan Pelanggan Menjelaskan Bayaran Persembahan**

- a. ASB hendaklah memastikan bayaran bagi setiap persembahan seni yang telah diadakan mengikut kehendak pelanggan telah diterima dan sekiranya kelewatan berlaku, ASB hendaklah mengeluarkan surat peringatan kepada pelanggan yang terbabit. Semakan Audit mendapati terdapat 19 pelanggan yang telah lewat untuk menjelaskan bayaran persembahan seni antara 3 hingga 721 hari bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Tuggakan bayaran yang masih belum dijelaskan adalah sejumlah RM32,918 seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**  
**Tuggakan Bayaran Sehingga 31 Disember 2010**

Tahun	Bilangan Pelanggan	Jumlah Tuggakan (RM)
2008	1	500
2009	15	26,618
2010	3	5,800
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>32,918</b>

Sumber: Rekod ASB

- b. Semakan Audit mendapati invois yang dikeluarkan oleh ASB kepada pihak pelanggan tidak menyatakan dengan jelas tempoh pembayaran bagi setiap persembahan yang telah diadakan. Kegagalan pelanggan untuk menjelaskan bayaran adalah disebabkan oleh kesukaran untuk menghubungi pihak pelanggan dan sikap pelanggan yang gagal melaksanakan pembayaran tepat pada masa. Kelemahan ini akan menyebabkan kekurangan hasil kepada ASB. Selepas teguran Audit, ASB telah mengeluarkan surat peringatan serta amaran kepada pelanggan pada 8 Februari 2011. Sejumlah RM6,212 bayaran telah diterima setakat 16 Mac 2011.

**Pada pendapat Audit, kelewatan pelanggan menjelaskan bayaran persembahan yang melibatkan invois tahun 2008 dan 2009 boleh menjelaskan pendapatan ASB dan berisiko akan menjadi hutang lapuk. Oleh itu ASB perlulah mengambil tindakan susulan berkala untuk mendapatkan hasil belum terima ini.**

#### **10.4.2.3. Nama Pegawai Digunakan Atas Cek Agihan Tunai**

Arahan Perbendaharaan 99(b) menegah nama pegawai digunakan sebagai penerima bayaran kecuali apa-apa bayaran untuk dirinya sendiri. Tujuannya adalah sebagai kawalan dalaman bagi menjaga ketelusan aktiviti bayaran. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan di dalam bayaran pengurusan acara yang dilaksanakan oleh ASB. Semakan ke atas baucar bayaran bagi tahun 2009 dan 2010 mendapati cek telah dikeluarkan di atas nama Pengurus. Bayaran tersebut adalah untuk 13 transaksi baucar bayaran yang berjumlah antara RM1,200 hingga RM22,000 dengan jumlah keseluruhan RM122,777. Pembayaran secara tunai adalah untuk artis jemputan, pengacara, artis tempatan, konsultan cuaca, *petty cash* dan bayaran perkhidmatan yang dianjurkan. Pengeluaran cek atas nama Pengurus boleh menyebabkan berlakunya ketidaktelusan di dalam pembayaran dan risiko berlakunya penyelewengan.

**Pada pendapat Audit, kepekaan pengurusan ASB terhadap peraturan kewangan bagi menjamin keutuhan kawalan dalaman adalah lemah.**

#### **10.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir Urus Korporat adalah keadaan bagaimana syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi.

##### **a. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekali bagi tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan setiap tahun bagi sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun kekerapan mesyuarat adalah kurang 4 kali setahun bagi tempoh 2009 dan 2010. Kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASB adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5  
Kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bagi  
Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah
2008	6
2009	3
2010	3

Sumber: Rekod ASB

##### **b. Perolehan Tanpa Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Tender**

Mengikut Panduan Polisi Pentadbiran dan Tatacara Perakaunan–Belian Am para 3.3 hingga 3.9 menetapkan Jawatankuasa Sebutharga hendaklah ditubuhkan dan terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang ahli iaitu Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan Penolong Pengurus. Kelulusan melalui Jawatankuasa Sebutharga diperlukan bagi belian am yang bernilai RM3,000 hingga RM50,000 dan Lembaga Tender bagi pembelian am melebihi RM50,000. Semakan Audit mendapati:

- i. Jawatankuasa Sebutharga tidak pernah ditubuhkan dan tiada sebarang lantikan dibuat. Terdapat 19 baucar bayaran bagi perolehan melebihi RM3,000 setiap satu dalam tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM536,822.00 telah diluluskan pembayarannya tanpa melalui Jawatankuasa Sebutharga. Pemilihan pembekal barang/perkhidmatan telah dibuat oleh Pengurus dan pembayaran melalui baucar bayaran telah diluluskan oleh Pengurus dan Pengerusi.
- ii. Lembaga Tender tidak pernah ditubuhkan dan tiada sebarang pelantikan dibuat. Terdapat 4 baucar bayaran sejumlah RM171,400 telah diluluskan pembayaran tanpa melalui Lembaga Tender. Daripada 4 baucar tersebut terdapat 2 baucar bayaran untuk seorang pembekal bagi perkhidmatan di bawah program yang sama telah dipecah kecilkan sejumlah RM65,400.
- iii. Kelemahan ini berlaku disebabkan kegagalan pengurusan ASB mematuhi Panduan Polisi Pentadbiran dan Tatacara Perakaunan serta kurangnya pendedahan berkaitan pengurusan kewangan. Ketiadaan Jawatankuasa Sebutharga dan Lembaga Tender boleh menyebabkan pembelian dilakukan tanpa kawalan serta boleh berlaku ketidak telusan di dalam pemilihan pembekal barang dan perkhidmatan.

**Pada pendapat Audit, beberapa perkara asas dalam tadbir urus korporat ASB perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan bagi mengelakkan sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa berlaku.**

## **10.5. SYOR AUDIT**

Kelemahan pengurusan aktiviti dan tadbir urus perlu ditangani segera bagi memastikan ASB mempunyai kawalan dalaman yang mampu membantu mencapai objektif syarikat. Adalah disyorkan pihak ASB mengambil tindakan seperti berikut:

10.5.1. Memastikan bil yang dikeluarkan menyatakan jangka masa bayaran perlu dijelaskan dan secara konsisten menghubungi pelanggan terbabit supaya menjelaskan bayaran tertunggak.

10.5.2. Menyediakan peraturan kawalan dalaman berkaitan dengan bayaran secara tunai untuk sesuatu acara. Cek boleh dikeluarkan di atas nama jawatan untuk ditunaikan, dibahagi-bahagikan dan baki hendaklah dimasukkan ke bank serta merta selaras dengan Arahan Perbendaharaan 96.

10.5.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali selaras dengan arahan Surat Pekeliling Am Bil. 3 1998.

10.5.4. Penubuhan Jawatankuasa Sebutharga dan Lembaga Tender hendaklah disegerakan bagi memastikan setiap pembelian barang dan perkhidmatan mengikut prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh ASB.



## **BAHAGIAN III PERKARA AM**

### BAHAGIAN III PERKARA AM

#### 11. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

- 11.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.
- 11.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan.
- 11.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sembilan.

#### 12. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009, sejumlah 38 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 34 syor bagi tahun 2009. Bagi 4 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

##### 12.1. MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

###### - Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Longgokan Sisa Pepejal Bahan Binaan Tidak Dikutip Sepenuhnya</b>  Pemeriksaan Audit pada 4 November 2009 berhampiran Muzium Kota Lukut mendapat terdapat longgokan sisa bahan binaan yang tidak dikutip dengan sempurna oleh SWMESB. Lawatan susulan pihak Audit pada 1 Februari 2010 mendapat sisa bahan binaan tersebut telah dibakar. Manakala penemuan di Taman PD Utama, Port Dickson menunjukkan pembuangan perabot dan peralatan rumah di tepi jalan.	i. Bagi pelupusan sisa pepejal yang dibuat secara haram dalam kawasan tertentu, pihak MPPD telah mengambil langkah proaktif dengan meletakkan papan tanda amaran larangan membuang sampah di lokasi berkaitan dan menjalankan operasi intipan.  ii. Pihak SWMESB juga telah diminta untuk membantu membersihkan kawasan-kawasan yang menjadi tapak pembuangan sisa pepejal secara haram.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		<p>iii. Berhubung laporan pembuangan sisa binaan di kawasan berhampiran Muzium Lukut didapati masih terkawal walaupun ada kalanya aktiviti tersebut berlaku.</p> <p>iv. Pihak Jabatan Bangunan MPPD telah menetapkan syarat bagi setiap kelulusan kerja-kerja ubahsuai bangunan dikenakan deposit pembersihan dan sekiranya pemilik bangunan gagal mematuhi syarat tersebut, deposit tersebut akan dilupuskan.</p>
2.	<p><b>Tipping Fee Bagi Pembuangan Sisa Pepejal Dari Daerah Seremban Tidak Dibuat Kepada SWMESB</b></p> <p>MPPD telah mengarahkan SWMESB untuk menuntut potongan <i>tipping fee</i> berjumlah RM10 bagi setiap trip lori kompaktor yang masuk ke tapak pelupusan dari daerah Seremban kepada pihak Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Sehingga tarikh pengauditan, tiada pembayaran dibuat oleh pihak MPS bagi <i>tipping fee</i> tersebut. Mengikut rekod SWMESB jumlah tunggakan yang perlu dibayar oleh MPS dari tahun 2006 sehingga November 2009 adalah berjumlah RM0.99 juta.</p>	<p>MPS menegaskan tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada SWMESB berhubung kos tambahan tapak pelupusan bermula dari tarikh MPS melupuskan sampah di Tapak Pelupusan Bukit Palong. Pihak MPS menyatakan tiada peruntukan khusus untuk membayar <i>tipping fee</i> kerana ia telah diambil kira di dalam perkiraan semasa pengambilan alihan di bawah penswastaan secara interim oleh SWMESB sebelum ini.</p>

## 12.2. YAYASAN NEGERI SEMBILAN - Pengurusan Pinjaman Pendidikan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
3.	<p>Sehingga bulan Disember 2009, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan adalah sejumlah RM8.19 juta atau 12.5% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM65.56 juta yang melibatkan 3,021 peminjam.</p> <p>Bagi skop pengauditan tahun 2007 hingga 2009 tunggakan bayaran balik pinjaman adalah sejumlah RM0.38 juta (2.6%) berbanding pinjaman yang dikeluarkan iaitu sejumlah RM14.84 juta.</p>	<p>Bagi suku tahun pertama 2011, tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat kepada RM7.49 juta berbanding suku tahun keempat 2010 iaitu sejumlah RM7.41 juta.</p> <p>Peningkatan tunggakan ini adalah disebabkan penurunan kutipan bayaran balik pinjaman bagi suku tahun pertama 2011 iaitu sejumlah RM738,932 berbanding suku tahun keempat 2010 iaitu sejumlah RM930,712.</p> <p>Penurunan jumlah kutipan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:</p> <p>a. Perubahan dasar yang telah ditetapkan oleh Yayasan agar tindakan undang-undang hanya diambil ke atas peminjam sahaja. Penjamin adalah dikecualikan daripada tindakan undang-undang.</p>

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		<p>b. Notis pemberitahuan telah dikeluarkan kepada 366 peminjam yang telah tamat pengajian pada bulan Jun 2010 untuk membuat bayaran pada bulan Januari 2011. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, 257 peminjam didapati telah gagal membuat bayaran pada tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>c. Pengurangan bayaran bulanan dan penangguhan tempoh bayaran balik pinjaman yang diluluskan oleh Yayasan bagi suku tahun pertama 2011.</p> <p>d. Keengganan peminjam untuk melunaskan tunggakan bayaran balik pinjaman walaupun Yayasan telah mengambil tindakan undang-undang kepada peminjam tersebut.</p>

### **12.3. SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN (SAINS)**

#### **- Pengurusan Air Tidak berhasil (NRW)**

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	<p><b>Program NRW Di Kuala Pilah Dan Jempol</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, program mengurangkan NRW di Daerah Kuala Pilah dan Jempol adalah kurang memuaskan kerana pencapaian kadar NRW sehingga 31 Disember 2009 adalah 53.7% berbanding dengan sasaran 35%.</p>	Kadar NRW Kuala Pilah dan Jempol sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak 40.55%.

### **13. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2009 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 26 November 2010.

#### **14. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SEMBILAN**

Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 12 kali pada tahun 2010 hingga 30 April 2011 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 hingga 2009. Daripada jumlah perbincangan tersebut sebanyak 10 kali Jawatankuasa membincangkan Laporan Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi bagi tahun 2006 hingga 2009. Jawatankuasa telah menjemput Ketua Jabatan yang berkenaan supaya memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara terkini dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 14.1.**

**Jadual 14.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sembilan**  
**Sepanjang Tahun 2010 Sehingga 30 April 2011**

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
11.2.2010	Majlis Perbandaran Nilai	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006</u> Penswastaan Perkhidmatan Pembersihan Dan Pelupusan Sisa Pepejal
8.3.2010	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006</u> Pengurusan Pengeluaran Lesen Mengambil Hasil Hutan
10.5.2010	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</u> Kajian Terhadap Pembangunan Usahawan Memproses Makanan Dan Industri Asas Tani
12.7.2010	Majlis Perbandaran Port Dickson	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</u> Pengurusan Gerai Majlis
5.8.2010	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</u> Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
9.11.2010	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008</u> Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar
6.12.2010	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</u> Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar
18.1.2011	Majlis Perbandaran Port Dickson	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</u> Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar
15.3.2011	Yayasan Negeri Sembilan	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</u> Pengurusan Pinjaman Pendidikan
12.4.2011	Majlis Perbandaran Seremban Dan Nilai	<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</u> Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis

Sumber: Jabatan Audit Negara



## PENUTUP

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**  
**2 Jun 2011**